

**KAJIAN PENGKISAHAN PUTERI DALAM SYAIR
7 PUTERI: TOKOH INSPIRASI WANITA MELAYU**

SITI NUR ZAAHIRAH BINTI MOHD JAFRI

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN
KEPUJIAN
2022**



Universiti Malaysia
KELANTAN

**KAJIAN PENGKISAHAN PUTERI DALAM SYAIR 7
PUTERI: TOKOH INSPIRASI WANITA MELAYU**

Oleh

SITI NUR ZAAHIRAH BINTI MOHD JAFRI

Tesis dikemukakan bagi memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda
Pengajian Warisan dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

<input checked="" type="checkbox"/>	TERBUKA	Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
<input type="checkbox"/>	SEKATAN	Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati Sebagai naskah atau dalam talian (teks Penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Dari Tarikh _____ sehingga _____
<input type="checkbox"/>	SULIT	(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
<input type="checkbox"/>	TERHAD	(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan Oleh organisasi _____ dimana penyelidikan Dijalankan

Saya Mengakui Bahawa Universiti Kelantan mempunyai hak berikut.

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

991009-03-5622

No. Kad Pengenalan
Tarikh :22 FEBRUARI 2023

DR. NORDIANA BINTI AB JABAR
Jabatan Pengajian Warisan
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan.
nordiana.aj@umk.edu.my
0173907819

Tandatangan Penyalia

Dr. Nordiana Binti Ab Jabar

Nama Penyalia
Tarikh: 22 FEBRUARI 2023

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan Alhamdulillah dan ingin menzahirkan rasa syukur ke hadrat ilahi kerana dengan kesempatan serta kurnia-Nya, maka dengan memberikan saya kesihatan yang baik dalam usaha menyiapkan tesis bagi projek penyelidikan ini dalam bentuk sebegini rupa. Alhamdulillah.

Kajian ini telah berjaya dilengkapkan dengan bantuan ikhlas dari beberapa pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Nordiana Ab Jabar yang telah banyak memberi saya dorongan dan sumbangan, memberi tunjuk ajar sumbangan idea dalam membantu saya mengatasi masalah-masalah yang dihadapi sepanjang penulisan kajian ini. Terima kasih juga kepada rakan-rakan yang banyak membantu saya untuk menjayakan kajian saya ini dengan banyak membantu saya menyelesaikan segala masalah yang dihadapi sepanjang melakukan kajian bertulis ini. Saya amat hargai segala jasa yang diberikan oleh mereka kepada saya.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan kerana banyak memberi kerjasama yang baik sepanjang saya siapkan kerja tugas ini. Dengan bantuan dan maklumat ini dapat saya siapkan dengan jayanya projek penyelidikan ini.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
ABSTRAK	vi
BAB 1: PENGENALAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	3
1.2 Permasalahan Kajian	4
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Definisi Konsep	8
1.7 Batasan Kajian	9
1.8 Kesimpulan	10
BAB 2: KAJIAN LITERATUR	
2.0 Pengenalan	11
2.1 Kajian Lepas Mengenai Pengkisahan Puteri	12
2.2 Kajian Pemikiran Wanita	22
2.3 Kajian Teori Pilihan (Feminisme)	28
2.4 Kesimpulan	34
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	35
3.2 Rekabentuk Kajian	35
3.2.1 Rekabentuk Kajian Kualitatif	37
3.3.1.1 Kaedah Analisis Teks	38
3.3.1.2 Kaedah Pengumpulan Data	39
3.3.1.3 Kaedah Kepustakaan	40
3.3.1.4 Kaedah Internet	40
3.3 Penerapan Teori	41

3.3.1 Teori Feminisme	41
3.3.2 Pendekatan Kritik Feminis	42
3.4 Kesimpulan	43
BAB 4: ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	44
4.2 Latar Belakang Puteri dalam Syair	44
4.2.1 Puteri Walinong Sari	46
4.2.2 Darmatasi'ah	48
4.2.3 Tun Fatimah	50
4.2.4 Puteri Saadong	52
4.2.5 Raden Mas Ayu	53
4.3 Inspirasi dan Teladan Menurusi Kisah Puteri	55
4.3.1 Puteri Saadong	58
4.3.1.1 Menginspirasi dalam Kebebasan Hak Bersuara	58
4.3.1.2 Menginspirasi dalam Menolak Poligami	62
4.3.1.3 Menginspirasi dalam Pembebasan Wanita Bebas Kahwin Paksa	65
4.3.2 Tun Fatimah	68
4.3.2.1 Menginspirasi Kepimpinan dalam Mentadbir Kerajaan	68
4.3.2.2 Menginspirasi dalam Memperjuangkan Negara	71
4.3.3 Darmatasi'ah	73
4.3.3.1 Menginspirasi Isteri Solehah: Taat Pada Suami	73
4.3.3.2 Menginspirasi Wanita Solehah: Taat Kasih Pada Allah	75
4.3.4 Walinong Sari	78
4.3.4.1 Menginspirasi dalam Mempunyai Seni Mempertahankan Diri	78
4.3.4.2 Menginspirasi dalam Mempertahankan Maruah Wanita	79
4.3.5 Raden Mas Ayu	82
4.3.5.1 Penentangan Seksual: Kebebasan Penolakan	82
4.4 Kesimpulan	85
BAB 5: KESIMPULAN	89
5.1 Pengenalan	86
5.2 Rumusan Kajian	86

5.3 Implikasi Kajian	89
5.4 Cadangan daripada Hasil Kajian	90
5.4.1 Menjadikan Teks Sastera Sebagai Platform Kritikan	90
5.4.2 Pencetakan Semula Teks Sasterawan Negara	91
5.4.3 Membuat Program Penulisan Kreatif	92
5.4.4 Pemupukan Melalui Media Visual	92
5.5 Kesimpulan	94
RUJUKAN	95

Kajian Pengkisahan Puteri dalam *Syair 7 Puteri*: Tokoh Inspirasi Wanita Melayu

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan tentang pengkisahan Puteri dalam *Syair 7 Puteri*: Tokoh inspirasi wanita Melayu. Kisah Puteri Saadong, Puteri Walinong Sari, Tun Fatimah, Darmatasi'ah, dan juga Raden Mas Ayu. Kisah wanita-wanita yang banyak memberi inspirasi kepada wanita kini yang mana kisah mereka juga merupakan tauladan dalam kepimpinan dan pemerintahan yang pernah mentadbir negeri mereka. Kisah lagenda mereka sering kali diceritakan oleh kebanyakan masyarakat di negeri mereka oleh kerana ianya juga membawa banyak pengajaran dan tauladan bagi menjadikan kehidupan masyarakat wanita kini sentiasa terinspirasi. Untuk objektif kajian kali ini, terdiri dari dua objektif kajian iaitu mengkaji tentang pengkisahan dan latar belakang asal usul Puteri dalam *Syair 7 Puteri* dan objektif kedua pula, mengkaji ketauladanan Puteri yang mampu menjadi inspirasi pada masyarakat Melayu kini. Kajian ini juga telah difokuskan tentang bagaimana para tokoh wanita iaitu Puteri Saadong, Puteri Walinong Sari, Tun Fatimah, Raden Mas Ayu dan Darmatasi'ah yang memberi pelbagai aspek wanita yang mampu mengangkat darjat seorang wanita itu. Dalam pada itu, kajian ini juga telah menerapkan konsep teori feminisme yang mana teori ini berasaskan sebagai tonggak dalam melahirkan generasi keturunan yang bermutu. Hasilnya, teori feminisme ini dikesan dari kajian puteri-puteri dalam teks *Syair 7 Puteri* sebagai tokoh inspirasi.

Kata Kunci: *Pengkisahan, Tokoh Inspirasi, Puteri, Wanita*

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

A Study of Princess Storytelling in Poem 7 Puteri: Inspirational Figures Malay Women

ABSTRACT

This study discusses the narration of Puteri in *Syair 7 Puteri*: An inspirational figure of Malay women. The story of Princess Saadong, Princess Walinong Sari, Tun Fatimah, Darmatasi'ah, and also Raden Mas Ayu. The stories of women who inspire many women today whose stories are also examples of leadership and government that used to govern their country. Their legendary story is often told by most of the people in their state because it also brings many lessons and examples to make the lives of women today always inspired. For the objective of this study, it consists of two research objectives which are to study the narration and background of the origin of Puteri in *Syair 7 Puteri* and the second objective is to study the role model of Puteri who can be an inspiration to Malay society today. This study has also focused on how the female figures namely Puteri Saadong, Puteri Walinong Sari, Tun Fatimah, Raden Mas Ayu and Darmatasi'ah who give various aspects of women who are able to raise the status of a woman. In the meantime, this study has also applied the concept of feminism theory which this theory is based on as a pillar in giving birth to a generation of quality descendants. As a result, this theory of feminism is detected from the study of the princesses in the text *Syair 7 Puteri* as an inspirational figure.

Key: Storytelling, Inspirational Figures, Princesses, Women

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Sumbangan wanita dalam negara mempunyai pelbagai aspek. Antaranya adalah dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Khususnya di dalam ekonomi yang mana di dalam ekonomi terutamanya dalam pekerjaan. Tidak dinafikan banyak memberi impak yang sangat besar kepada perkembangan ekonomi negara. Dengan andaian yang mana peningkatan para tenaga pekerja wanita di Malaysia ianya akan meningkatkan KDNK negara sebanyak 0.4 peratus setiap tahun (Su Lyn 2014). Dengan itu, dalam keadaan sebegini rupa akan dilihat dimana peranan wanita dalam sektor pekerjaan adalah sangat ketara. Dalam ikhtiar memperkuat ataupun memperkasakan wanita dalam sektor pekerjaan dengan melakukan pelbagai ikhtiar yang telah dipamerkan oleh kerajaan yang lebih teratur kepada wanita supaya sumbangan mereka juga dapat disumbangkan adalah bertujuan bagi pembangunan negara (Zilman 2016, United Nation Development Programme 2014; Duflo 2012; Zhu Khan dan Muhammad Ilyas 2012; Kartini 2009). Komitmen antarabangsa yang mana menuntut pihak kerajaan dalam melibatkan Kerajaan Malaysia. Antaranya adalah Pelan Tindakan Beijing 1995, serta Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW). Dengan ini, kesedaran ini sangat penting oleh kerana wanita dilihat sangat teratur dengan kedudukan mereka. Bahkan ianya sering dipandang rendah atas sebab melakukan aktiviti reproduktif serta pekerjaan domestik yang telah menyekat peluang para wanita untuk terus maju dalam pelbagai perkara. Dengan itu, kerajaan bertindak bagi menyemak semula Dasar Wanita Negara (DWN) dilaksanakan pada tahun 2009. Dengan itu, kerajaan dilihat

sebagai kesungguhan bagi mengubah kedudukan wanita dalam sektor ekonomi ini berubah menjadi lebih baik.

Isi-isu wanita dan juga emansipasinya sering kali diperkatakan sejak tahun 1930-an oleh para pengarang-pengarang novel-novel Melayu dalam penghasilan karya kreatifnya. Golongan ini seringkali mempamerkan beberapa persoalan tentang wanita dalam menghasilkan karya-karyanya yang kreatif. Antara persoalan mengenai persoalan-persoalan yang dipaparkan adalah menyentuh tentang isu wanita dengan pengorbanan, kegembiraan, penderitaan juga keganasan atas penindasan serta ketabahan wanita dan juga banyak lagi. Kesemuanya berkenaan dengan dunia kewanitaan. Keadaan ini akan dapat membuka minda golongan-golongan wanita yang lain untuk bangun dan mempertahankan hak-hak mereka yang sepatutnya mereka prolehi dalam kehidupan mereka agar terus menjadi lebih meningkat baik dari sebelumnya. Oleh itu, senario ini akan dapat mengangkat martabat seorang wanita.

Perjuangan wanita di dalam Malaysia dalam mencari hak kesamaan mereka dengan lelaki adalah merupakan satu perjuangan yang tidak ketara jika dibandingkan dengan keadaan di Eropah dan Amerika Syarikat (Azizah Kassim, 1985). Sesuai sifat wanita di timur yang sememangnya berbudi bicara lemah lembut dan tidak menggunakan kekerasan. Menurut Siti Khairiah Mohd Zubir (2012), yang mempamerkan pendapat Harun Din (1988), iaitu emansipasi adalah merupakan satu kebebasan untuk bersuara tentang pendapat, cara berfikir dan banyak lagi. Tuntasnya, pemikiran masyarakat pada masa selepas peperangan dunia pertama di Tanah Melayu telah banyak memberi perubahan dan meningkat. Seperti biasa pemikiran masyarakat bahawa golongan wanita adalah golongan yang ditindas dan lemah, tidak memberi keuntungan dari segi sumbangan dalam pelbagai sektor seperti politik, sosial dan ekonomi, bangkit bersuara dan mengemukakan hak kesamarataan yang mereka inginkan. Golongan wanita di dalam

konteks masyarakat tradisional merupakan golongan tertutup maka dengan itu wajarlah golongan mereka memberi kritikan terhadap kedudukan mereka di dalam penulisan-penulisan sastera seperti dalam novel *Hikayat Faridah Hanum* (1926) karya Syed Syeikh Al-Hadi yang telah mengangkat hak emansipasi wanita dengan melalui watak Faridah Hanum. Justeru itu, kajian ini dijalankan adalah untuk merungkai tentang pengkisahan wanita-wanita yang hebat di dalam teks *Syair 7 Puteri* dengan membuktikan berdasarkan pengkisahan mereka mampu memberi inspirasi dan juga teladan kepada masyarakat kini terutamanya kepada golongan wanita.

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian yang telah dijalankan adalah untuk memartabatkan tokoh wanita yang penuh dengan inspirasi dan teladan pada zaman dahulu. Puteri-puteri yang diceritakan dalam teks *Syair 7 Puteri* bukan sekadar tokoh wanita yang mempunyai rupa paras cantik, ayu dan jelita malah masing-masing mempunyai ketokohan dari segi kepimpinan mereka. Contohnya, dilihat dalam kisah Tun Fatimah iaitu bijak dan handal dalam mentadbir negara, ketokohan oleh Puteri Saadong yang berani untuk bersuara dalam menolak poligami dan pembebasan dalam menolak kahwin paksa, Darmatasi'ah yang menonjolkan ketaatan sebagai seorang isteri kepada suami dan Allah S.W.T seperti yang diambil dalam teks *Syair 7 Puteri*, mempunyai seni mempertahankan diri walaupun digelar sebagai seorang wanita yang terkenal dengan simbolik seorang yang lemah lembut. Ketauladan ini diambil dan dilihat pada Puteri Walinong Sari yang gagah berani, Raden Mas Ayu yang sanggup bекorban nyawa dalam mempertahankan maruah diri dan juga menentang seksual yang bebas. Hal ini dapat memberi inspirasi kepada masyarakat pada masa kini dan dahulu berdasarkan pengkisahan mereka. Ketokohan dan ketaladanan yang ditonjolkan oleh kesemua puteri ini bukan sahaja mendapat tempat dihati

masyarakat kini yang saling mengingati namun sudah menjadi tempat pertama di hati khalayak masyarakat pada zaman dahulu, contohnya dapat dilihat oleh Puteri Saadong menjadi tempat pertama di hati rakyat jelata kerana sanggup menggadai nyawa ketika peperangan yang berlaku dengan Siam demi memastikan rakyat jelata tidak terkorban yang sehingga kini peristiwa ini meninggalkan kesan dapat dilihat di Bukit Marak. Pengkisahan para puteri-puteri Melayu yang diceritakan dalam teks *Syair 7 Puteri* karya Ida Ishak sarat dengan ketauladan dan juga inspirasi yang dapat dicontohi.

1.2 Permasalahan Kajian

Kajian mengenai syair yang memperlihatkan tentang sejarah lagenda puteri telah banyak dijadikan sebagai kajian analisis pada masa kini. Kajian yang dilakukan bertujuan untuk merungkai pengkisahan mereka dan dilihat dari segi keteladanan yang mampu diambil dan dijadikan contoh pada khalayak kini namun setelah diteliti, terdapat kelompongan dalam beberapa kajian, permasalahan kajian ini didapati secara menyeluruh cerita-cerita tentang wanita yang dikaji atau diceritakan dalam artikel, buku teks dan juga buku ilmiah mengandungi unsur yang banyak tokoh tambah. Oleh itu, ianya menyukarkan para pengkaji yang mengkaji dan mengetahui kesahihan cerita yang betul. Contohnya, buku-buku yang mengisahkan atau menceritakan tentang Puteri Saadong masing-masing berbeza dan juga berlainan versi dikeluarkan hal ini kerana ianya disampaikan dari mulut ke mulut dan dijadikan buku sebagai bahan ilmiah. Harun Mat Piah (2000: 344-46) ada tiga buah teks yang menceritakan tentang lagenda Puteri Saadong. Oleh demikian, untuk mengenalpasti kesahihan cerita tersebut benar atau tidak pengkaji berminat untuk mengkaji pengkisahan tokoh hebat yang penuh dengan inspirasi dengan lebih lanjut. Walaupun cerita ini sukar untuk mendapatkan kesahihan yang sebenar akan tetapi kisah ini semakin meluas tersebar. Selain itu, isu pembebasan wanita dan juga persamaan hak merupakan isu yang menjadi persoalan dan menjadi bualan perdebatan hebat dalam

kalangan wanita pada zaman kini terutamanya dalam bidang penulisan. Seringkali dalam pengkaryaan menjadikan wanita sebagai watak utama dalam novel ataupun cerpen. Emansipasi bukan suatu yang baharu untuk didebatkan dalam kajian kepengarangan malah diketengahkan lebih awal pada sekitar tahun 1920-an lagi dalam novel Hikayat Faridah Hanum (1926) karya Syed Syeikh Al-Hadi. Penulisan beliau semestinya mengangkat hak kebebasan wanita dalam watak utama. Namun begitu emansipasi wanita masih menjadi persoalan yang perlu dikaji berdasarkan beberapa pandangan dan lompong kosong menerusi kajian yang lepas yang telah dilakukan melalui pengkisahan dalam beberapa tokoh wanita Melayu pada zaman dahulu.

Namun begitu, jika dilihat dari kajian oleh Sohaimi Abdul Aziz dalam Utusan Malaysia (03 September 2003) yang membincangkan tentang Ahmad Rashid Talu sebagai ketua pembebasan wanita yang dipamerkan dalam buku beliau iaitu Sasterawan Mendahului Zaman, yang mana kajian ini banyak memetik isu emansipasi wanita serta kelemahan-kelemahan masyarakat Melayu, kebaikan pendidikan Inggeris dan juga golongan tua yang bersikap menghalang kemajuan. Seterusnya, kajian Siti Khairiah Zubir (2012:99) memperlihatkan pendapat Umar Junus (1998) yang membicarakan tentang tiga konsep yang berbeza, yang pertama fenomena tentang cinta dan seks, kedua gerak geri emansipasi wanita, yang ketiga hubungan memodenkan wanita berdiri sendiri antara lelaki. Akhir sekali kajian yang berbeza tanggapannya mengenai konsep sebenar emansipasi wanita. Antaranya kajian Membunga @ Siti Mariam Yaacob (2010:53) yang banyak mempamerkan konsep dari sudut golongan wanita yang membentuk organisasi di tahap nasional. Oleh itu, kajian yang dilakukan untuk membuktikan tentang kelompongan dari pengkaji lepas yang tidak mengkaji tentang ketauladanan yang diinspirasi oleh wanita Melayu pada zaman dahulu. Kajian ini akan mengaplikasikan pendekatan Teori Feminisme. Teori ini diguna pakai adalah kerana, teori ini mengaitkan

tentang kewanitaan yang memperjuangkan nasib wanita dan hak-hak wanita. Dengan itu, sejajar dengan kajian ini bagi yang bertajuk kisah puteri dan inspirasi dari pengkisahan mereka dan dijadikan sebuah cetusan idea bagi menjadikan kajian ini lebih baik dan mantap.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang dilakukan ini, pengkaji akan mengemukakan beberapa persoalan iaitu:

- 1) Apakah latar belakang kisah puteri dalam *Syair 7 Puteri*?
- 2) Bagaimanakah Puteri mampu menjadi inspirasi dan teladan kepada masyarakat kini?

1.4 Objektif Kajian

Beberapa objektif kajian yang digunakan bagi sebuah pernyataan mengenai sasaran yang ingin dilaksanakan dalam kajian ini iaitu:-

- 1) Mengenalpasti latar belakang kisah Puteri dalam *Syair 7 Puteri*.
- 2) Mengkaji kisah Puteri yang mampu menjadi inspirasi dan teladan kepada masyarakat masa kini.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah untuk mengkaji ketauladanan dan inspirasi berdasarkan pengkisahan dalam teks *Syair 7 Puteri*. Pengkaji telah menetapkan beberapa kepentingan dalam kajian

ini. Antara kepentingan kajian yang dijalankan adalah untuk menambahkan ilmu pengetahuan bagi memastikan masyarakat pada masa kini dan juga yang akan datang mengenali dengan lebih jelas tentang ketokohan para wanita yang sangat hebat dan tersohor di alam Melayu, yang mana ianya banyak memberi inspirasi dan teladan seperti dalam kisah tentang Puteri Walinong Sari, Raden Mas Ayu, Tun Fatimah, Darmatasi'ah dan Puteri Saadong. Hal ini untuk memelihara kisah-kisah yang penuh pengajaran di setiap negeri. Selain itu dapat dijadikan rujukan tambahan dan juga bahan ilmiah untuk dijadikan bahan kajian.

Kajian ini memberi kepentingan kepada individu, masyarakat dan juga negara. Dalam memberi kepentingan kepada individu, adalah untuk meningkatkan lagi ilmu pengetahuan akan sejarah pengkisahan lagenda puteri-puteri Melayu. Melalui *Syair 7 Puteri* karya Ida Ishak dengan mengetengahkan pengkisahan puteri dalam bentuk syair yang indah dari segi penyusunan perkataan yang baik dan mudah difahami. Selain dapat menerapkan semangat dan ketokohan yang b dapat menguatkan jati diri seseorang itu melalui keperibadian mereka. Dengan itu, dapat membuka mata khalayak untuk berfikiran jauh dan menerapkan kisah sejarah yang ada agar tidak pudar ditelan zaman.

Seterusnya, kepentingan kajian terhadap masyarakat dengan memberi penyedaran kepada khalayak masyarakat tentang wanita yang bersifat lemah lembut dan berbudi bahasa bukan sahaja simbolik sebegitu, namun wanita berperanan besar dalam pelbagai aspek dan dapat mendekatkan diri dengan pengetahuan ilmu yang penting ini dan diturunkan kepada generasi yang akan datang. Selain itu, dapat membentuk pemikiran masyarakat dalam aspek sosial kehidupan yang lebih selamat dan bahagia melalui ketauladanan yang ada dalam pengkisahan puteri-puteri Melayu dahulu. Jelaslah karya ini mampu memberi kesan yang positif dalam kehidupan masyarakat kini agar menjadi ikutan dalam kehidupan mereka.

Akhir sekali, kepentingan dalam aspek negara dapat menghubungkan dalam sumbangan terhadap negara. Hal ini kerana, ketauladanan yang ditonjolkan oleh wanitawanita dalam kisah ini banyak juga diambil dalam ketokohan kepemimpinan dalam mentadbir negara. Apabila mempunyai kepimpinan yang baik dalam diri pemimpin akan membentuk pimpinan yang baik pada negara dan seterusnya dapat menjamin negara yang sejahtera dan aman sentosa disamping negara akan semakin teguh berdiri dan sentiasa maju sehingga akhirnya.

1.6 Definisi Konsep

Dalam kajian ini, ada beberapa penggunaan istilah yang tertentu. Istilah-istilah yang hendaklah didefinisikan bagi memberi gambaran yang lebih tepat dan jelas dalam konteks kajian ini. Pengkaji akan menjelaskan maksud dan definisi sebenar atas perkataan yang menjadi kata kunci dalam kajian ini. Antara istilah yang digunakan adalah sejarah, tokoh dan Melayu.

Sejarah adalah bermaksud, menyiasat ataupun ilmu yang didapati melalui pelbagai kaedah penyiasatan dengan penemuan, pengumpulan, pengurusan terhadap peristiwa-peristiwa yang lalu ataupun cerita yang sudah berlalu berabadnya. Ianya juga bermaksud tempoh masa yang lalu selepas adanya catatan penulisan yang dibuat. Para ilmuwan yang mencatat tentang sejarah akan dipanggil sejarawan. Ianya juga salah satu tempat penyelidikan yang menggunakan satu pengkisahan ataupun naratif untuk memeriksa peristiwa mengikut turutan. Sejarah yang diketahui ramai adalah merupakan salah satu cabang ilmu pengetahuan, satu disiplin ilmu berdasarkan sumber, teori, kaedah dan falsafahnya. Menurut Theodore S. Homerow (1987), menyuarakan tentang kebimbangannya terhadap perkembangan ilmu sejarah yang semakin jatuh terutamanya

pada tahun 1980. Namun begitu, sejarah masih ada keistimewaan tertentu, dengan membuat seseorang manusia untuk terus bertanya berkaitan dengan cerita dan peristiwa.

Seterusnya definisi konsep tokoh, tokoh adalah satu watak ataupun pelaku dalam sesebuah cerita ataupun peristiwa. Setiap tokoh memiliki watak tersendiri. Watak ataupun perwatakan yang berbeza. Watak adalah cara pengarang memperkenalkan tokoh-tokoh dan watak-watak dalam peristiwa. Watak tokoh dalam peristiwa akan dijelaskan oleh pengarang sama ada secara tidak langsung dan secara langsung. Jika secara langsung, pengarang akan menerangkan nama tokoh yang sebenar, gambaran fizikal, jalan cerita, tentang keperibadian, tentang kehidupan dan sebagainya. Manakala secara tidak langsung pula melalui dialog, yang digambarkan oleh tokoh yang lain, tindak tanduk tokoh tersebut jika menangani masalah.

Akhir sekali definisi wanita, iaitu wanita istilah yang digambarkan kepada seorang gadis yang sudah mencapai usianya tertentu pada waktu perkembangannya iaitu pada usia memasuki di fasa dewasa 20-40 tahun. Istilah. Semakin gadis itu dewasa, semakin akan dialami oleh mereka tentang krisis dalam perjalanan hidup (Arnett, 20002006). Menurut Kartono (1992), seorang wanita harus memiliki beberapa sifat kewanitaanya yang seharusnya dituntut oleh banyak hal. Antaranya, keindahan, kerendahan terhadap mereka dan hak-hak mereka.

1.7 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji hanya membataskan bahan kajian kepada beberapa skop tertentu yang berkait rapat dengan aspek kajian sahaja terhadap pengkisahan puteri dalam teks *Syair 7 Puteri* karya Ida Ishak melalui ketauladanan yang boleh dijadikan inspirasi kepada masyarakat kini terutamanya wanita. Pengkaji juga telah membataskan kajian dengan meneliti beberapa bahagian cerita rakyat lagenda puteri di alam Melayu

yang dibataskan kepada cerita rakyat puteri-puteri dari pelbagai negeri yang berbeza dengan memberikan kepelabagaan dan analisis pengkisahan yang menarik untuk dijadikan tauladan. Dari sebanyak 7 himpunan syair puteri dalam buku ini, pengkaji hanya menggunakan 5 daripadanya.

Seterusnya, kajian ini yang dijalankan berfokuskan kepada satu teori sahaja iaitu teori feminisme. Teori ini merupakan satu teori yang membicarakan tentang golongan wanita dan juga penindasan terhadapnya dari pelbagai aspek iaitu, aspek sosial, ekonomi dan politik. Teori ini juga sangat berkait rapat dengan bidang kesusasteraan. Hal ini kerana, teori feminisme dihasilkan di bawah pengaruh patriakal masyarakat yang telah diambil alih kuasa lelaki. Dengan itu, teori yang digunakan ini adalah untuk melihat pemikiran wanita dalam kisah puteri melalui aspek ketokohan dan keteladanan yang ditonjolkan oleh wanita. Dengan itu, jelaslah teori feminisme ini sesuai digunakan sebagai bahan dalam analisis kajian bahawa golongan wanita perlulah diangkat martabatnya dan perincian kajian ini lebih teratur.

1.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, penyelidikan ini telah menjelaskan dan memberikan tafsiran serta gambaran awal mengenai tajuk kajian. Kajian ini juga telah melibatkan pemahaman yang baik dalam menganalisis syair yang telah menfokuskan kepada aspek keteladanan dalam pengkisahan puteri dalam *Syair 7 Puteri* menerusi syair dengan lebih mendalam agar dapat memberi manfaat dan inspirasi kepada masyarakat kini. Dengan usaha yang diketengahkan oleh pengkaji untuk memberikan kesedaran akan pengkisahan tentang puteri-puteri dalam syair melalui ketokohan dari kisah mereka yang banyak memberikan keteladanan dan inspirasi kepada khalayak ramai terutamanya wanita selain itu dapat menjadi rujukan kepada khalayak akan datang.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Dalam proses bagi menyiapkan projek penyelidikan ini, pengkaji mengkaji tentang kajian-kajian yang lepas yang berkaitan dengan tajuk yang telah pengkaji lakukan iaitu kajian yang bertajuk *Pengkisahan Puteri dalam Syair 7 Puteri Tokoh Inspirasi wanita Melayu*. Kajian lepas juga bermaksud yang merangkumi idea, maklumat, fakta dan juga cara bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan topik penyelidikan yang dilakukan adalah perkara yang diperlukan dalam kajian lepas. Ringkasnya, prosedur sistematik yang memerlukan kajian dan juga kebolehan bagi mendedahkan, membaca, merumuskan, dan mengumpulkan pengetahuan yang lebih mendalam. Kajian lepas ini juga dijalankan juga banyak membantu projek penyelidikan pengkaji untuk mengetahui dengan lebih meluas berkenaan dengan tajuk yang sedang dikaji dan lebih memahami apa yang dikaji. Dengan itu, beberapa kajian lepas ini akan menyentuh kajian yang menentengahkan berkaitan dengan yang pertama tentang tokoh wanita, kedua tentang kajian sarjana lain mengenai pemikiran wanita, kajian tentang sarjana lain mengenai teori pilihan pengkaji iaitu teori feminisme, ketiga kajian bidang yang lain berkait rapat dengan tajuk kajian seperti filem dan lain-lain yang berkaitan. Hal ini kerana, dengan adanya kajian lepas ini ianya dapat mengukuhkan lagi kajian yang sedang dijalankan oleh para pengkaji dan pengkaji juga melihat dengan lebih jelas akan kekurangan, perbezaan dan juga persamaan yang ada pada kajian ini.

2.1 Kajian Lepas Mengenai Pengkisahan Puteri

Muhammad Azwi Mehrat (2014) dari Universiti Malaysia Kelantan yang bertajuk “Perbandingan kisah Puteri Saadong di antara sumber bertulis dan sumber lisan di Bukit Marak, Kelantan”. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan mendokumentasikan cerita tentang lagenda Puteri Saadong yang berasaskan lisan yang mana cerita dari masyarakat kampung di Bukit Marak. Kajian ini juga telah memfokuskan tentang Puteri Saadong di Bukit Marak. Cerita secara lisan yang diceritakan oleh masyarakat tempat disana didapati banyak mengalami pelbagai unsur penambahan dan juga potongan. Dengan itu, penyelidik mengumpul cerita yang telah dilakukan di sekitar Bukit Marak. Penyelidik menggunakan kaedah temu bual dan juga rakaman, dengan itu versi-versi yang penyelidik dapat di dokumentasikan dalam bentuk penulisan dalam penyelidikan. Penyelidik juga, mengkaji untuk mengenalpasti tentang kewujudan yang ada dalam penulisan mengenai Puteri Saadong dengan menggunakan sumber yang berbeza. Dalam kajian tersebut, pengkaji mendapati banyak perbezaan penceritaan dalam sumber lisan dan juga manuskrip yang ada. Dengan itu pengkaji telah mendapatkan plot-plot penceritaan yang membawa maksud nilai yang mendalam terhadap sejarah kesusasteraan negeri Kelantan. Selain itu, kajian ini adalah untuk menyimpan segala memori berkaitan dengan tokoh lagenda Kelantan iaitu Puteri Saadong dalam bentuk produk yang membolehkan untuk dikomersialkan. Dalam tujuan objektif ini tidak ada sumber bertulis yang jelas tentang produk yang digunakan Puteri Saadong. Dengan itu, pengkaji telah membangunkan produk objektif kajian ini melalui kaedah temu bual dan soal selidik borang. Hasil melalui kajian ini, terdapat beberapa saranan keusahawanan yang telah dititikberatkan untuk mengabdikan memori tentang Puteri Saadong.

Sudirman Kiffli (2020), Faituladilah Hamadun (2020), Md Ariff Ariffin (2020),

Hidayat Hamid (2020) dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan University Malaysia Kelantan, yang bertajuk Konflik Dalam Lagenda Puteri Saadong. Kajian ini berkaitan kisah lagenda masyarakat di Kelantan dan ianya menumpukan perhatian terhadap pelbagai elemen konflik dalam kisah Lagenda Puteri Saadong dengan merujuk kepada peristiwa-peristiwa penting. Selain itu, menggunakan pendekatan konflik dengan berpandukan kepada pendekatan John W. Burton (1969) dan seterusnya mendapat hasil yang mantap. Antara konflik yang dikemukakan adalah konflik dalam diri, konflik antara individu dan konflik antara anggota masyarakat dan semuanya berlaku oleh kerana beberapa faktor. Contohnya, disebabkan sikap yang prejudis dari segi psikologi mahupun fizikal. Secara rumusannya, konflik yang terdapat dalam Lagenda Puteri Saadong akan membentuk sebuah kisah yang lengkap dalam kehidupan. Ketiga-tiga elemen iaitu keperluan, nilai dan juga keinginan yang dikemukakan oleh Burton (1969) membuktikan konflik akan berlaku sekiranya elemen-elemen yang dinyatakan tidak diberi tumpuan dalam kehidupan seharian.

Nur Saidatul Al Fasahah Bt Mohammad Nafi (2019) dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Universiti Malaysia Kelantan. Kajian bertajuk Puteri Saadong Lagenda Wanita Kelantan Tersohor. Kajian ini memfokuskan tentang pengkisahan Puteri Saadong iaitu sejarah yang berlaku pada Puteri Saadong dimana baginda telah menjadi anak angkat kepada Cik Siti Wan Kembang kemudian baginda dikahwinkan dengan Raja Abdullah. Akan tetapi pengakaji juga banyak menganalisis tentang kesaktian cucuk sanggul dan juga air ludahan baginda yang dapat menyembuhkan penyakit Raja Siam dan untuk mendapatkan tentang kedudukan Puteri Saadong, meletakkan Puteri Saadong

sebagai tokoh yang tersohor dan juga untuk memastikan masyarakat tidak keliru tentang kisah Puteri Saadong. Kajian ini telah menggunakan teori sosiologi Mikro dan juga makro, teori psikologi dan juga teori konflik. Secara rumusnya, kajian ini mendapat hasil kajian yang mantap dengan menepis kekeliruan masyarakat setempat tentang pengkisahan Puteri Saadong tokoh negeri Kelantan yang tersohor pada zaman dahulu.

Kajian dari Suriati Binti Ibrahim (2009) dari Universiti Malaya yang bertajuk Cerita Lagenda Puteri Saadong. Kajian ini telah meneliti tentang beberapa falsafah iaitu falsafah keadilan dan juga kesetiaan Puteri Saadong dalam petikan karya klasik. Dengan mengambil beberapa falsafah tersebut, pengkaji mampu mengangkat ketokohan Puteri Saadong dan disanjung oleh masyarakat pada masa kini dengan melalui pengkisahan Puteri Saadong iaitu sejarah dan latar belakang perjalanan beliau dalam memerintah negeri Kelantan lama abadnya. Selain itu, pengkaji juga menyelitikan kehebatan dan kesaktian Puteri Saadong yang dipaparkan dalam cerita lagenda klasik ini. Keperibadian dan kehebatan Puteri Saadong dalam memerintah dijadikan inspirasi dan kekaguman rakyat Kelantan. Kajian ini didapati agak berbeza sedikit dengan kajian yang dijalankan iaitu, kajian ini lebih menfokuskan tentang asal usul dan latar belakang Puteri Saadong dan juga menyatakan apakah yang ketokohan yang boleh dijadikan tauladan kepada masyarakat. Secara rumusnya, kajian ini mampu menjadikan satu ikutan pada masyarakat kini dari segi kehebatan dan ketokohan, tambahan lagi dapat memberi peringatan bahawa sifat-sifat itu juga tidak mampu memberi peluang pada tokoh untuk mengatasi hukum Allah.

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji yang bernama Sudirman Bin Kiffli, Izzati Nabila Binti Marzuki, Mohamad Shahfik Affendi Bin Abdul Ghani (2019) dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Universiti Malaysia Kelantan. Kajian ini yang bertajuk Puteri Saadong: Cucuk Sanggul Aksesori Perhiasan Dan Senjata Rahsia. Kajian ini

adalah untuk memfokuskan tentang latar belakang dan fungsi cucuk sanggul yang dipakai oleh Puteri Saadong. Pengkaji telah menjelaskan bagaimana fungsi cucuk sanggul dalam pelbagai versi. Ada yang mengatakan cucuk sanggulnya digunakan untuk menikam suaminya setelah kembali pulang dari Siam, versi lain yang menceritakan cucuk sanggul digunakan untuk Puteri Saadong menyimpan air mawar. Air mawar yang digunakan apabila pada ketika itu Puteri Saadong di pancung oleh Raja Abdullah, dan kemudiannya pernah diwasiatkan kepada dayang beliau untuk mengambil bekas yang berisi air mawar bagi merawat lukanya. Kajian ini juga menjelaskan tentang sosiologi bahawa wanita tidak manis untuk memegang sebarang senjata yang merbahaya seperti keris, parang dan sebagainya kerana dianggap tidak manis dipandang mengikut pandangan masyarakat pada zaman dahulu. Keseluruhannya, kajian ini memfokuskan fungsi dan juga pandangan cucuk sanggul Puteri Saadong pada zaman dahulu berbeza dengan kajian ini iaitu Pengkisahan Puteri Saadong sebagai tokoh inspirasi masyarakat kini, menjelaskan bagaimana ketokohan Puteri Saadong menjadi inspirasi wanita pada masa kini.

Azizi Ahmad (2006) dari Jabatan Ilmu Pendidikan Malaysia. Kajian bertajuk Lagenda Puteri Saadong. Kajian ini menceritakan tentang pengkisahan Puteri Saadong yang mana ianya bermula dengan penceritaan di Bukit Marak. Asal usul nama Bukit Marak mengikut mitos iaitu seorang ahli sihir yang telah pun dicampak ke atas puncak bukit itu lalu muncul api yang menyala. Mitos mengatakan ahli sihir itu sebelum kejadian telah melakukan pelbagai kejahatan dengan menggunakan ilmu hitam yang salah. Mitos juga mengatakan ada seorang lelaki di Kawasan itu telah mematahkan terus ilmu hitamnya dengan ayat suci Al-Quran dan ahli sihir kemudiannya ditempatkan di atas puncak. Pengkaji banyak menggupas tentang latar belakang dan asal usul sebenar Puteri Saadong di Bukit Marak tanpa mengubah cerita asal dan menggunakan kaedah temubual

pada masyarakat tempatan disitu. Rumusan kajian ini mampu menjadikan masyarakat sekarang mengetahui lebih lanjut berkenaan asal usul nama Bukit Marak iaitu asal usul Puteri Saadong.

Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Norhayati Haji Hamzah (2018), dari Universiti Malaya. Kajian ini bertajuk Perkembangan Islam di Kelantan: Analisis Terhadap Manuskrip Sejarah Negeri Kelantan. Kajian ini memfokuskan kepada sejarah perkembangan pemerintahan islam di Kelantan. Kajian ini mengkisahkan perkembangan pemerintah dari zaman Sultan Mansur Syah (1465-1526 M) hingga zaman Long Sulaiman Bin Long Bahar (1733-1756 M). Dalam manuskrip Sejarah Negeri Kelantan, penulis Abdullah Bin Hj. Wansa Patani pada tahun 1309 h/1891m. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif yang menggunakan metod analisis kandungan Teknik Dokumentasi dan instrument temu bual, pengumpulan data. Kajian menceritakan dari zaman berzaman sehingga ke zaman Cik Siti Wan Kembang dan juga zaman Puteri Saadong sehinggalah negeri Kelantan berkembang dan bertambah mahsyur. Kajian juga meneliti tentang beberapa konflik dan juga peristiwa-peristiwa yang terjadi seperti perang saudara dan hubungan politik antara negara siam dan juga PuteriSaadong. Rumusannya, kajian ini mampu menjadikan masyarakat makin faham tentang pengkisahan Puteri Saadong mengikut perkembangan dari zaman berzaman.

Asniza Zakaria (2019) dengan tajuk kajiannya iaitu Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan, Lagenda Kedah dan Motif Darah Putih. Artikel ini menjelaskan secara ringkas tentang definisi, pengertian, fungsi dan ciri-ciri lagenda dan warna putih yang dikemukakan oleh beberapa tokoh serta menyingkap sejarah Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan, susur galur keturunan lagenda kisahnya secara ringkas. Kajian ini dibataskan kepada dua buah kisah lagenda berdarah putih yang terdapat di negeri Kedah

iaitu Puteri Lindungan Bulan dan Mahsuri. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjelaskan secara ringkas tentang definisi, pengertian, fungsi dan ciri-ciri lagenda dan warna putih yang dikemukakan oleh beberapa tokoh, pengaplikasian definisi, ciri-ciri dan fungsi ke atas kedua-dua lagenda tersebut dan cadangan memperkenalkan dan memastikan kelangsungan nostalgia kepada generasi sekarang dan akan datang bahawa negeri Kedah kaya dengan khazanah cerita-cerita rakyat termasuk dua cerita lagenda tersebut iaitu Puteri Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan. Kaedah kajian yang diterapkan dalam makalah ini adalah dari data sekunder yang diperoleh melalui kaedaha analisis teks kandungan daripada buku, majalah, artikel dan makalah berkaitan Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan. Kajian ini menganalisis menggunakan tinjauan dokumen yang pelbagai seperti artikel, buku, keratan akhbar dan sebagainya bagi memperoleh pengertian, fungsi dan ciri-ciri lagenda serta pengertian motif warna putih. Hasil daripada keseluruhan kajian mendapati bahawa terdapat banyak aspek yang dapat diketengahkan dalam sesebuah cerita lagenda sebagai contoh motif darah putih menerusi lagenda Mahsuri yang sehingga kini masih dipercayai dan memberi pengaruh yang besar kepada masyarakat. Kajian yang bertujuan bagi menyingkap sesuatu kisah lagenda ini dilihat menarik untuk dijadikan bahan bagi pengkajian yang lain terutamanya kajian mengenai sejarah puteri-puteri Melayu.

Prof. (Adj). Datuk Dr. Hj. Mohd Jamil bin Mukmin (2016) dari Institusi Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP). Kajian yang bertajuk *Tun Fatimah Serikandi Melayu*. Kajian ini memfokuskan tentang pengkisahan Tun Fatimah Puteri Bendahara Seri Maharaja sebagai seorang permaisuri Melaka bersama dengan kejatuhan Melaka ke tangan Portugis yang mana Tun Fatimah yang mempunyai keberanian dalam menentang Portugis bersama suaminya Sultan Mahmud. Dalam sejarah Melayu, Tun Fatimah diangkat sebagai seorang wirawati yang sangat cantik yang pada mulanya berkahwin

dengan Tun Ali anak Seri Nara Diraja Tun Tahir Penghulu Bendahar Melaka. Kemudian, diperisterikan oleh Sultan Mahmud dan seterusnya diangkat ditabalkan sebagai permaisuri Melaka pada tahun 1510. Semasa kejatuhan Melaka dan penentangan yang dilakukan oleh Tun Fatimah telah membuktikan beliau seorang yang bersemangat dan berani dengan itu ketokohan beliau diangkat sebagai seorang tokoh wanita dan dijadikan inspirasi pada masyarakat.

Muhammad Rahimi Hasan dan Bahiyah Abdul Hamid (2017), dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Tajuk kajian ini adalah Pembangunan Kepimpinan Wanita: Membina Ilmu Watan bagi Kepimpinan Wanita Menerusi Kehidupan Tun Fatimah Hashim. Kajian ini memfokuskan kepada aspek teoretis kepimpinan wanita Melayu. Tun Fatimah (1924-2010) merupakan ikon pertama Malaysia. Kepimpinan Tun Fatimah yang teguh selama empat tahun dekad, yang mana kedudukan politiknya Fatimah Hashim sebagai Ketua Kaum Ibu United Malays National Organization (UMNO) (1956-1972) meletakkan beliau di barisan hadapan kepimpinan wanita. Tun Fatimah seterusnya dilantik sebagai Menteri Kebajikan Am (1969-1973) yang mana merupakan Menteri pertama dalam kalangan wanita Malaysia. Kajian ini juga meneliti peranan Tun Fatimah sebagai Yang Dipertua National Council of Women's Organisations (NCWO) sejak tahun 1965 sehingga 1989 yang mewajarkan lagi kepimpinan Tun Fatimah Hashim dalam kajian ini. Pembangunan Tun Fatimah dalam kepimpinan beliau membela hak-hak wanita yang mana pada masa itu tidak ada hak-hak seperti Dasar Wanita Negara, Convention on the Elimination of ALL Form of Discrimination Against Women (CEDAW) yang telah diratifikasi oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1995. Rumusnya, kajian ini mengetengahkan sudut pandangan cara sarjana tempatan, pengupayaan dan pemberdayaan wanita untuk melonjakkan diri ke mercu kepimpinan yang dapat diusulkan berdasarkan realiti pembangunan kepimpinan wanita, dan pembangunan yang

dilakukan oleh Tun Fatimah menjadi inspirasi dari segi sumbangan saranan dari segi akademik dan strategi pemberdayaan pembangunan kepimpinan wanita.

Khairiah Mohd Yassin (2019), dari Universiti Utara Malaysia. Kajian beliau bertajuk Konsep Keperibadian dan Kesantunan Wanita Melayu Menurut Perspektif Ibu Zain. Kajian I I meneliti tentang aspek peranan mereka bagi melahirkan generasi yang baik, bermanfaat dan berguna pada masa kini. Dengan menfokuskan nilai gagasan tokoh iaitu Ibu Zain tentang keperibadian dan juga kesantunan wanita Melayu yang ada pada Ibu Zain. Elemen kesantunan dan juga keperibadian yang adad lam kajian ini adalah entity yang melambangkan ontologis wujudnya seorang wanita. Kajian ini dilakukan dalam bentuk kualitatif dengan pendekatan metod dan kaedah pengumpulan data menggunakan kepustakaan dengan hanya merujuk dokumen yang berkenaan ditulis oleh tokoh wanita tersebut. Rumusan dari kajian ini, didapati bahawa wanita Melayu merupakan salah satu sebab simbol utama kekuatan bangsa yang memiliki kehebatan dan keunikan tersendiri. Dengan itu wanita sangat memainkan peranan penting dalam mencorakkan kemajuan ekonomi, pendidikan, sosial dan juga politik di Malaysia sehingga kini.

Johari Talib, Maharam Mamat, Maznah Ibrahim (2017), dari Unitar Internatiol University dan juga Universiti Kebangsaan Malaysia. Tajuk kajian ini adalah Tun Seri Lanang: Dari Istana Batu Sawar Ke Naggare Aceh Darussalam. Dalam kajian ini memfokuskan tentang Tun Seri Lanang yang merupakan seoranh ahli politik dan pujangga yang ternama yang berasal dari istana Johor di Batu Sawar. Tun Seri Lanang merupakan orang yang terkenal digelar sebagai pujangga Melayu lahir di Seluyut, Johor pada tahun 1965. Kajian ini juga menceritakan tentang perjuangan dan perjalanan tokoh

Tun Seri Lanang dan sumber mengatakan Tun Seri Lanang oleh di tawan oleh bala tentera Sultan Iskandar Muda Makhota Alam dari Aceh dan kemudiannya dibawa ke Aceh bersama-sama Sultan Alauddin Riayat Shah III dan juga adindanya Raja Abdullah. Analisis kajian ini didapati perannya selepas ditawan beliau dibawa ke Aceh dan tidak banyak diperkatakan. Sumber-sumber yang didapati dari Aceh dan membuktikan yang Tun Seri Lanang tidak dipenjara mahupun meninggal dunia akan tetapi dilantik sebagai Raja Samarlanga. Analisis kajian tentang perang tigasegi antara Johor, Portugis dan Aceh, perantauan ke Aceh dan juga peranan Tun Seri Lanang di Aceh. Kajian lebih memfokuskan tentang pengkisahan dan karya-karya beliau yang dapat dikenang dan dijadikan sebagai pengajaran dan juga rujukan.

Aquatus Rochmah (2022), dari Program Studi dan Psikoterapi Fakultas Ushuluddin dan Filsafat Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya. Tajuk kajian ini mengkaji tentang Fatimah Az-Zahra iaitu dikenali sebagai memiliki akhlak yang mulia seperti Nabi Muhammad s.a.w dan disebut mirip baik dari segi tingkah laku, ucapan dan sifat-sifat beliau. Akhlak yang dimiliki menarik pengkaji untuk mengkaji dan juga ditinjau dari perspektif tasawufnya. Kajian ini memfokuskan bagi mengetahui akhlak-akhlak yang dimiliki oleh Fatimah Al-Zahra dari segi aspek tasawuf. Kajian ini menggunakan penelitian kualitatif dari metod historis sumber data iaitu sumber tertulis, primer dan juga skunder iaitu buku-buku, jurnal dan karya-karya dan juga sumber internet. Rumusnya, Fatimah Az-Zahra adalah pemimpin kaum wanita yang jelas mewarisi sifat dan juga akhlak ayahnya yakni Rasulullah Muhammad s.a.w. Jelas kajian ini mampu menjadi inspirasi dan tauladan kepada masyarakat pada hari ini.

Azyyati Mohd Nazim, Fariza Md. Sham, Salasiah Hanim Hamjah (2012), dari Universiti Kebangsaan Malaya. Kajian ini bertajuk Khidmat Sosial Wanita pada Zaman Rasulullah

SAW. Kajian ini memfokuskan tentang golongan wanita dalam kalangan masyarakat dari pelbagai aspek kehidupan dan dapat bergerak seiring dengan perkembangan semasa. Walaupun sudah banyak lakaran tokoh wanita yang boleh dijadikan inspirasi, namun masih ada sesetengah wanita tidak dijadikan panduan dalam kehidupan. Analisis kajian tentang khidmat sosial wanita pada zaman Rasulullah SAW merujuk kepada hubungan dengan menjaga kebajikan dan juga kebaikan. Contoh tokoh yang diambil dalam kajian ini adalah Ummahat al-Mukminin dan para sahabat wanita merupakan contoh teladan yang terbaik. Rumusan kajian ini mendapati pada zaman Rasulullah S.a.w, setiap ahli masyarakat bergerak dengan bebas dalam berkomunikasi di antara satu sama lain dalam pelbagai bidang seperti Pendidikan dan dakwah, pertenakan, perniagaan, pengurusan dan juga perawatan bagi mencari jaminan rezeki yang halal.

Shahidatul Ashikin Shahrin, Najah Nadiah Amran, Latifah Abdul Majid (2021), dari Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Tajuk kajian ini adalah Bidang Jihad Bagi Wanita Menurut Perspektif Amina Wadud. Sebelum kajian ini dibuat, pelbagai pendekatan telah digunakan oleh para pengkaji barat Ketika meneroka tentang konsep menurut jihad menurut islam. Kepelbagaian ini telah menunjukkan perbezaan pandangan mengenai maksud dalam bidang-bidang jihad yang sebenarnya. Jurnal artikel ini adalah bertujuan untuk membahaskan tentang bidang jihad wanita menurut perspektif Amaina Wadud yang menggunakan pengalaman hidupnya dan juga pendekatan feminisme merupakan kerangka konsep ini. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif yang berbentuk analisis dokumen dengan merujuk kepada karyanya sendiri iaitu *Inside the Gender Jihad Womens Reform in Islam*. Dalam karya tersebut Amani Waadud menegaskan bahawa budaya patriarki yang telah diamalkan sejak dahulu telah menindas dan meminggirkan golongan wanita dari melakukan sebarang sumbangan kepada masyarakat dan juga negara. Beliau juga pernah mengetuai solat Jumaat dan

membaca khutbah jumaat. Beliau mendapat pengalaman dan membentuk beliau untuk melihat peranan wanita dan juga sumbangan mereka dari pelbagai perspektif pembebasan dari budaya yang dikatakan mengongkong wanita. Analisis dalam artikel ini menyenaraikan empat dari lapan jihad bagi wanita iaitu pelaksanaan peranan dalam keluarga khususnya dalam kalangan ibu tunggal, peranan sebagai pekerja di sektor pekerjaan, wanita menjadi ketua dalam urusan agama seperti menjadi imam dan penglibatan bidang pendidikan serta penyelidikan. Dengan rumusnya, dapat mengetengahkan bahawa konsep jihad dalam islam merangkumi pelbagai ikhlar dan juga usaha dan pengorbanan.

2.2 Kajian Pemikiran Wanita

Nurullatifa, Salma Sabilla (2016) dari Universitas Pendidikan Indonesia. Thesis bertajuk *Tiga Tokoh Pewayangan Wanita Sebagai Inspirasi Pembuatan Poster Bergaya*. Kajian ini adalah mengkarya satu buah poster. Poster ini menceritakan tentang tiga orang tokoh yang menampilkan wajah Wanita yang mempunyai ciri-ciri seorang Wanita yang baik. Oleh kerana Wanita sering dianggap lemah dan tunduk, poster ini dijadikan untuk mengajarkan Wanita mampu menjadi seorang yang teguh dan juga berani. Menggunakan Teknik digital dan manual dalam membuat poster dengan menggunakan komputer adalah salah satu cara menjadikan grafik. Potret yang dicipta itu telah menghasilkan tiga karya seni, antaranya adalah potret Dewi Srikandi, Drupadi, Kunthi, dan juga dua karya penggabungan Dewi. Rumusnya, kajian ini melalui poster adalah untuk mengetahui bagaimana konsep dalam pembuatan karya, bagaiman proses berkarya, apakah mesej yang ingin disampaikan pada karya dan bagaimana analisis visual pada karya rekabentuk poster. Kajian ini mempunyai tujuan yang sama dalam mengetengahkan tokoh wanita dalam menginspirasi kepada masyarakat di luar sana.

Zikriati, Rahimah Embong, Ferayanti (2018) dari BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences. Kajian bertajuk Wanita dalam Perspektif Islam. Dalam kajian ini menekankan tentang Wanita. Wanita di dalam islam yang penuh dengan strategi yang boleh dijadikan sebagai inspirasi yang mana wanita yang berfikiran progresif, aktif, bekerjasama, berpendidikan, dan juga berfikiran yang meluas akan tetapi akhlakunya sebagai seorang wanita islam harus dijaga. Kajian ini menganalisis tentang peranan muslimah dalam kehidupan iaitu, peranan muslimah sebagai agen perubahan dan perbaikan, peranan utama sebagai ibu. Kajian ini menggunakan kaedah metod kualitatif iaitu menggunakan analisis kajian perpustakaan dan agak sama dengan tujuan dalam tajuk kajian adalah untuk melihat dari segi perspektif inspirasi wanita tapi kajian ini lebih menekankan aspek Wanita dalam islam. Rumusnya, wanita memiliki peranan yang sama dengan lelaki oleh kerana Allah menganugerahkan potensi kepada wanita sebagaimana Allah telah menganugerahkan potensi kepada wanita dan dapat dijadikan contoh inspirasi dan tauladan juga.

Kajian Okky Wicajino (2014), Nur Saktiningrum (2014), S.S. (2014), M Hum (2014). Dari Universitas Gadjah Muda. Kajian ini bertajuk Perlawanan Wanita Dalam TheColor Purple Karya Alice. Kajian ini adalah merupakan kajian bersumberkan novel naratif yang mengisahkan tentang Celie dan Mattie yang mana dua orang wanita yang berasal dari Afrika-Amerika. Mereka berdua berjuang bagi menghadapi penindasan jender di dalam kalangan Afrika-Anerika yang lebih dominasi lelaki pada abad ke-20. Ianya bertujuan untuk mencari bentuk-bentuk perjuangan oleh keempat para tokoh wanita. Kajian ini menggunakan teori pendekatan New Historicism milik Myer yang melihat dari segi sebuah karya sastera dari keseluruhan konteks sosial dan juga sejarah. Disamping itu, konsep wanita ataupun konsep Womenism juga mengarahkan analisis penelitian. Perlawanan yang dilakukan oleh Shug Avery menjadi inspirasi yang paling

utama bagi tokoh Wanita di sekitar masyarakat di sana. Rumusnya, kajian ini menekankan tentang aspek kewanitaan yang boleh dijadikan sebagai inspirasi Wanita walaupun perbezaan kajian ini dengan kajian sekarang adalah dari segi teori. Teori yang dikaji sekarang menggunakan Teori Feminisme,

Selain itu, kajian lepas oleh Yeodo, Yuli Christiana (2012) dari Petra Christian University Surabaya Indonesia jurusan Sastra Inggris, Fakultas Sastra, Uk Petra, mengkaji tajuk Perlawanan Wanita Dalam La Barka. Kajian ini memfokuskan tentang darjat para wanita. Pengarang ini terkenal dengan pengarang feminis, Kemarahannya terhadap lelaki yang suka menindas para wanita yang menganggap wanita golongan yang berstatus rendah. Tokoh-tokoh utama adalah wanita yang digunakan sebagai satu alat untuk memprotes wanita samada di dalam rumah tangga mahupun dalam kalangan masyarakat. Dalam La Barka, kemarahan Rina terhadap suaminya. Boni berhadapan dengan sikap suaminya yang memperlakukannya seperti objek tidak berguna, Protes yang ditunjukkan oleh wanita-wanita yang ada dalam novel ini. Rumusnya, kajian ini membuktikan tidak menghormati isteri dan menjadikan isteri sebagai satu objek tidak menguntungkan malah akan merugikan kerana tidak akan memberikan wanita peluang yang tinggi untuk menonjokan potensi diri.

Risdiasascha, Vanessa (2020), dari Insititut Seni Indonesia Yogyakarta, tajuk Perempuan di Atas Kapal Wanita Tangguh dari Aceh (Komposisi Musik untuk Ansambel Gesek). Kajian ini meneliti tentang karya komposisi muzik iaitu Perempuan di atas kapal: wanita Tangguh dari aceh yang diambil dari novel Laksamana Malahayati sang perempuan keumala oleh Endang Moerdopo. Dalam ini boleh lihat tokoh pejuang dari Aceh iaitu laksamana Malahayati merupakan tokoh yang sangat penting dalam gerakan feminisme di Indonesia. Karya yang dilakukan adalah untuk menjelaskan tentang kehidupan tentang laksamana Malahayati semasa remaja. Dalam kajian ini

dilakukan mengikut turutan perihal Gerakan pertama yang mengisahkan masa remaja, yang kedua mengisahkan tentang kematian suaminya, Gerakan ketiga perihal kebangkitannya, keempat mengenai kematian laksamana Malahayati, kelima deskripsi dari malahayati. Karya ini hasil dari pemikiran ekstra muzikal penulis terhadap laksamana Malahayati. Kajian ini bertujuan diangkat oleh penulis oleh kerana jelas laksamana merupakan seorang yang femisnisme yang dapat menjadi inspirasi kepada masyarakat wanita pada masa kini kerana, laksamana merupakan seorang pewira dan juga merupakan seorang ibu. Kesimpulannya, kajian ini bertujuan inspirasi kemajuan wanita masa kini

Dewi Aisah (2013), dari Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia Pendidikan Bahasa dan Seni Fakultas Keguruan dan ilmu Pendidikan Universitas Jember. Kajian ini bertajuk Gambaran Kegelisahan Wanita dalam Film “7 Hati 7 Cinta Wanita” Karya Robby Ertanto Soediskam. Kajian ini memfokuskan tentang kegelisahan wanita yang terdapat dalam cerita filem 7 Hati 7 Cinta 7 Wanita. Filem ini merupakan karya Robby Ertanto Soediskam bercerita tentang tujuh kehidupan wanita dengan berbagai macam kegelisahan yang melingkunginya. Pengkaji memilih filem ini sebagai kajian kerana filem ini mengisahkan tentang kegelisahan yang dialami ke tujuh tokoh perempuan, dan dalam filem tersebut terdapat pesan moral yang dapat menjentik hati masyarakat. Kajian ini menggunakan teori psikologi, teori kegelisahan, dan teori keperibadian. Kajian ini menggunakan penelitian kualitatif deskriptif. Pengkaji mendapati kegelisahan yang dialami oleh tokoh wanita dalam filem itu oleh kerana takut akan keluarganya. Hal ini menjadikan mereka takut pada suami dan cenderung menuruti kemahuan suaminya. Rumusnya mendapati kajian ini mampu memberi kesedaran pada masyarakat di luar sana dan membuka mata agar sentiasa berhati-hati dan memberi ruang pada wanita bangkit membela nasib.

Muhammadiyah Pringsewu. Kajian bertajuk Analisis Konflik Batin Tokoh Utama Dalam Novel Wanita di Lautan Sunyi Karya Nurul Asmayani. Kajian ini memfokuskan tentang manusia dalam pelbagai aspek kehidupan dengan melalui karya sastera, dapat mengetahui personaliti, budaya individu tersebut. Dalam novel Wanita di Lautan Sunyi ciptaan Nurul Asmayani menggambarkan personaliti yang berbeza-beza antara ketigatiga pelakon. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif deskriptif. Rumusannya, kajian ini adalah untuk mengkaji lebih mendalam tentang permasalahan konflik yang dialami oleh wanita iaitu tokoh utama dalam cerita tersebut dengan itu kajian ini penting bagi menginspirasi seseorang tentang kehidupan yang sebenar.

Kajian Christin Cahyoningum (2013), dari Fakultas Sastra Dan Seni Rupa Universitas Sebelas Maret Surakarta. Kajian bertajuk Sikap Hidup Tokoh Wanita Dan Nilai-Nilai Budaya Dalam Trilogi Ronggeng Dukuh Paruk Karya Ahmad Tohari dan Memoar Seorang Geisha Karya Arthur Golden. Kajian ini menekankan tentang bagaimana sikap hidup watak utama wanita dalam Trilogi Ronggeng Dukuh Paruk dan Novel Memoar Seorang Geisha dan juga persamaan dan perbezaan budaya. Kajian ini khususnya untuk mengetahui sikap hidup tokoh utama wanita dalam novel tersebut. Kaedah yang digunakan merupakan kaedah kualitatif. Pengkaji mendapati dari analisis sikap yang ditonjolkan dari kedua-dua watak dari novel yang berbeza masing-masing mempunyai idea dalam menyelesaikan masalah tersendiri. Nilai-nilai budaya yang diterapkan dalam novel ini memberi inspirasi kepada para pembaca untuk menjadi seorang tokoh wanita yang pandai dalam menyelesaikan masalah.

M.Ali Rusdi Bedong dan Fauziah Ahmad (2018), dari Institut Agama Islam Negeri (IAIN). Kajian ini bertajuk Kepimpinan Wanita di Dunia Publik (Kajian Tematik Hadis). Kajian ini membincangkan tentang hadis kepimpinan wanita bagi mendapatkann

tentang kefahaman yang benar dan menyeluruh tentang nilai-nilai yang terkandung yang mana dapat memberi gambaran kepada umat islam khususnya wanita yang ingin menceburkan diri dalam khalayak ramai. Kajian ini juga meneliti aspek syarat-syarat sebagai pemimpin yang mempunyai kemampuan dan juga daya kredibiliti serta tetap memperlihatkan batas-batas yang ada serta menjadikan hadis Nabi sebagai rujukan. Dalam kajian yang ingin dikaji juga berkaitan dengan Puteri Saadong sebagai wanita yang memberi inspirasi kepada masyarakat, memainkan peranan penting dalam kepimpinan namun diselitkan dengan gaya kepimpinan mengikut hadis dan Al-Quran.

Kajian Azizan Binti Zainuddin, Kartini Khalid @ Aboo Talib (2018), dari Universiti Teknologi Mara dan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Tajuk kajian adalah Konsep Mengarusperdanakan Gender: Kajian Wanita dalam Pekerjaan di Malaysia. Kajian ini memfokuskan tentang faktor-faktor yang menyumbang terhadap penglibatan wanita dalam alam pekerjaan dengan mengambilkira tentang pelaksanaan strategi mengarusperdanakan gender yang telah diaplikasikan dalam Dasar Wanita Negara serta kesannya terhadap wanita dalam pelbagai bidang sektor. Teori yang digunakan mengikut teori feminisme bagi melibatkan wanita dalam dunia pekerjaan. Dalam kajian ini, mengatakan wanita sebelum ini banyak disisihkan dalam arus pembangunan. Kajian ini juga menggunakan kaedah temubual dengan mendalam dan juga kaedah kualitatif. Analisis kajian ini mendapati bahawa faktor yang terdapat adalah yang paling utama menghambat penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan di Malaysia dengan melakukan diskriminasi secara halus terhadap wanita serta penjagaan anak-anak yang tidak berpengalaman dan juga faktor halangan terhadap penglibatan wanita dalam membuat keputusan sangat signifikan dengan paradigma masalah yang berstruktur. Rumusnya, kajian ini mampu diusahakan bagi mengarusperdanakan gender bagi

menghadapi dengan nilai budaya dalam memajukan para wanita dalam sektor ini dan tidak dipandang rendah oleh orang lain.

2.3 Kajian Teori Pilihan (Feminisme)

Feminisme atau disebut feminis adalah merupakan sebuah gerakan perempuan yang menuntut kesamaan ataupun lebih jelas sekali emansipasi dan juga keadilan hak dengan lelaki. Feminisme tidak berasal dari sebuah teori ataupun konsep yang telah ditetapkan atas formula teori tunggal. Menurut Najmah dan Khatimah Sai'dah dalam sebuah bukunya yang bertajuk *Revisi Politik Perempuan* (2003:34) mengatakan feminisme merupakan sebuah kesedaran atas penindasan terhadap perempuan sama ada di rumah, tempat kerja mahupun dalam kalangan masyarakat.

Yoga Rohatama, Akhmad Murtadlo, dan Dahri (2018), dari Program Studi Sastra Indonesia, Fakultas Ilmu Budaya Universitas Mulawarman. Tajuk kajian iaitu *Perjuangan Tokoh Utama Dalam Novel Pelabuan Terakhir Karya Roidah: Kajian Feminisme Liberal*. Kajian ini meneliti aspek deskripsikan fakta sebuah cerita, bentuk ketidakadilan jantina antara lelaki dan perempuan dan juga perjuangan tokoh utama dalam *Pelabuan Terakhir* karya Roidah. Novel ini didatangkan dengan tokoh yang utama mampu berjuang bagi mendapatkan hak kebebasan. Dalam novel tersebut seorang ayah yang merupakan dari tokoh utama, berfikiran perempuan bukan makhluk inferior tetapi makhluk superior. Dalam kajian ini didapati bentuk ketidakadilan jantina dan tokoh memperjuangkan hak tersebut. Tinjauan ini dari segi feminisme liberal. Pengkaji telah menggunakan metodologi pendekatan objektif. Rumusannya, dari kajian ini jelas bahawa seorang wanita sanggup memperjuangkan dan berkorban apa sahaja demi hak kebebasan

wanita dan perjuangan yang dilakukan dapat memberi inspirasi pada masyarakat sekeliling.

Imahunnah, Luluk (2020) dari Universitas Islam Malang Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan Jurusan Sastra dan Bahasa Indonesia. Kajian novel ini bertajuk Nilai Feminisme pada Novel “Amba” Karya Laksmi Pamuntjak”. Melalui kajian novel ini, pembaca dapat mengambil sedikit sebanyak pengajaran dan juga sumber inspirasi dari novel tersebut melalui apa yang ingin disampaikan oleh pengarang. Kajian ini memfokuskan mengenai nilai feminisme yang ada pada novel karya Laksmi Pamuntjak berjudul “Amba”. Penelitian ini juga menggunakan kualitatif yang mana data yang dianalisis. Dalam kajian ini juga didapati, tokoh yang berusaha dalam memperjuangkan hak wanita, dan tokoh bangkit dari segala masalah untuk memulai kehidupannya yang baru. Rumusan dapat diambil kajian ini sudah tentu banyak memberi inspirasi kepada khalayak ramai terutamanya wanita yang sentiasa mempertikaikan hak sebagai wanita.

Iva Ariani (2016), dari Fakultas Filsafat Universitas Gadjah Mada. Kajian ini berjudul Feminisme dalam Pergelaran Wayang Kulit Purwa Tokoh Dewi Shinta, Dewi Kunti, Dewi Srikandi. Kajian ini menggunakan penelitian kualitatif dengan tujuan untuk memahami dengan mendalam tentang kedudukan sebenar perempuan dalam kalangan budaya jawa. Melalui cerita wayang kulit dapat memprolehi pemahaman tentang nilai-nilai feminisme dalam wayang kulit. Kajian ini membuktikan wayang kulit adalah suatu karya seni fenomena yang mempunyai kisah-kisah yang dapat dijadikan gambaran bagi kehidupan manusia. Analisis mendapati bahawa nilai feminisme yang digambarkan dalam tokoh tersebut adalah sikap berbakti dan juga menghormati suami walaupun dalam keadaan suka dan duka. Tokoh juga menunjukkan sikap taat setia terhadap suami walaupun dimadukan dan yang paling penting menjaga kesucian dan kehormatan diri. Persamaan dalam kajian yang dilakukan sekarang Legenda Puteri Saadong tokoh

inspirasi wanita kerana sikap menghormati suami dan taat setia suami selain menjaga kehormatan diri. Rumusnya, kajian ini dapat dijadikan pengajaran dari kisah-kisah yang dijadikan gambaran dalam kehidupan manusia, nilai feminisme yang diajar melalui wayang kulit dapat diterapkan pada masyarakat terutamanya wanita pada hari ini.

Faiqotul Himmah, Ngatmimi, Azzah Nayla (2010), dari Universitas PGRI Semarang. Kajian ini bertajuk Peran Wanita Pada Sinetron Ikatan Cinta dalam Perspektif Analisis Wacana Feminisme Model Sara Millis. Kajian ini menggunakan teori feminisme dengan tujuan penelitian untuk menidentifikasikan persepektif feminisme wanita di dalam cerita "Ikatan Cinta". Dengan menggunakan pendekatan analisis wacana Sara Mills. Metod penelitian yang telah digunakan iaitu merupakan deskriptif kualitatif. Dalam kajian ini, seorang wanita diangkat sebagai subjek utama. Teknik pengumpulan data semak dan catat. Di setiap episod yang ditayangkan dalam cerita itu, didapati wanita sentiasa dijadikan subjek utama kerana dalam cerita itu, banyak mengulas tentang wanita yang selalu sabar dalam menghadapi masalah dalam keluarga. Rumusnya, kajian ini mendapati tujuan utama untuk menyokong para wanita tambahan lagi, dalam aspek sebenar, pengkaji juga turut mengatakan tentang media hiburan mestilah mengurangkan isi cerita ataupun content yang melemahkan kedudukan wanita bagi membentuk pemahaman masyarakat tersebut dalam membentuk citra wanita.

Ungku Maimunah Mohd Tahir (2012), dari Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA). Jurnal bertajuk Apabila Teori Feminis Ternyata Tidak Diperlukan: Satu Kajian Kes. Kajian ini semestinya menekankan teori feminis. Teori yang menjadi kegemaran para pengkritik wanita. Salah satu pengamal konsisten teori feminis ini adalah Prof.

Madya Dr Siti Hajar Che Man. Di dalam kertas kerjanya Siti Hajar telah memanfaatkan teori feminis bagi merungkai novel Azizi Haji Abdullah, harga sebuah maruah yang mana memenangi Sayembara Jubli Emas Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007. Kajian ini juga menggunakan beberapa idea utama persuratan baru sebagai kerangka analisis. Terutamanya yang membezakan antara ilmu dan juga cerita. Kajian ini meliti sejauhmana penemuan yang telah diketengahkan tidak mempunyai asas dan sukar diterima. Dapat disimpulkan analisis dalam kajian ini ternyata dengan mudah boleh dicapai.

Abdul Halim Ali, Ida Roziana Abdullah (2018), dari Universiti Pendidikan Sultan Idris mengkaji jurnal tentang kajian yang bertajuk Perwatakan Wanita Melayu Muslim Dalam Novel 'Diari Seorang Jururawat' Karya Aminah Mokhtar. Kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis ciri-ciri perwatakan wanita Melayu Islam. Dengan menggunakan konsep feminisme talbiah dan menggabungkan idea feminisme Elaine Showalter dan juga pemikiran wanita Yusuf al-Qardhawi. Talbiah ini bermaksud menyerah diri secara mutlak kepada Allah SWT. Pengkaji juga mendapati konsep ini memanfaatkan aspek tauhid sebagai elemen penting bagi mendasari perwatakan wanita Islam baik dari segi luaran dan dalaman dalam menyerah diri secara mutlak dalam kesemua aspek kehidupan. Dalam novel ini, watak utama iaitu Siti Munirah merupakan seorang wanita Melayu muslim. Seorang yang bertaqwa, budaya, psikologi dan juga kerohanian adalah sejajar dengan konsep talbiah. Konsep yang ada dalam kajian novel tersebut adalah konsep ketauhidan yang tidak ada pada feminisme barat sejurusnya diabaikan terus. Rumusannya, watak utama yang ada dalam novel tersebut menepati elemen-elemen yang terdapat dalam konsep feminisme talbiah.

Elizatul Nastasyah Kamaruddin, Mohd Zariat Abdul Rani (2017). Dari Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Kajian jurnal Wanita Menurut Taklif; Satu Analisis Terhadap Watak Fatimah dalam Cerpen “Perempuan Gusti” dan “Fatimah Kahwin” Karya Hamzah Hussin. Kajian ini menggunakan teori Feminisme. Artikel ini telah membangkitkan tentang kecenderungan cerpen dari karya Hamzah Hussin terhadap persoalan wanita. Kajian dari Siti Meriam Yaacob (2005 dan 2010) banyak memberi focus terhadap wanita dalam karya Hamzah Hussin manakala karya Siti Meriam Yaacob mengkaryakan tentang watak Fatimah dalam cerpen itu. Justeru itu artikel ini memilih dua cerpen

Saravanan P. Veeramuthu (2018), kajian bertajuk Perempuan Serpihan Malam; Naratif Pengalaman di Landskap Kehidupan. Dalam kajian ini, pengakaji menggunakan analisis deskriptif. Analisis ini digunakan bagi melihat bagaimana kumpulan puisi tersebut iaitu Shirley Idris dapat mengungkap isu feminis yang terdapat dalam karyanya sendiri. Data yang digunakan ialah Kumpulan Puisi Perempuan Serpihan Malam (2016) terbitan dari Ikatan Penulis Kopi Sastera Malaysia karya Shirley Idris. Dapat dirumuskan kumpulan puisi pertama Shirley Idris sangat berani kerana dapat membicarakan dan mengusulkan tentang golongan wanita demi hak-hak kebebasan. Puisi dalam kajian ini banyak memberi nilai moral dan suara-suara yang mampu mengubah keadaan sekeliling berkaitan dengan hak wanita. Apa yang dapat membezakan adalah kajian ini dengan kajian yang pengkaji sedang lakukan adalah, kajian ini mencari unsur feminis dalam puisi kumpulan. manakala kajian yang sedang dikaji adalah mencari unsur dan nilai yang boleh dijadikan sebagai sumber inspirasi wanita mengenai Puteri Saadong.

Nur Najwa Binti Kamarul Hikma (2021), kajian bertajuk Transkripsi Analisis Perjuangan Wanita dalam Syair Zubaidah dengan mengaplikasikan Teori Feminisme. Kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis perjuangan wanita dalam syair Siti Zubaidah karya Abu Zar ianya diterbitkan pada tahun 2016. Kajian ini juga telah menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan

yang telah dianalisis secara deskriptif. Kajian ini menggunakan gerakan kaum wanita dalam pelbagai bidang iaitu bidang ekonomi, politik dan juga sosial. Dalam kajian ini juga pengkaji memfokuskan pada watak wanita dalam syair Siti Zubaidah ini disamping menerapkan beberapa nilai-nilai dan mesej di dalam kalangan masyarakat. Kajian ini menggunakan teori feminisme. Analisis yang diproleh dari syair Siti Zubaidah, wanita berperanan sebagai seorang wanita yang taat, patuh dan sabar, kasih akan suami. Secara rumusannya, kajian ini mampu menerapkan beberapa nilai pengajaran dan juga tauladan kepada kaum wanita pada masa kini.

Ida Roziana binti Abdullah, Abdul Halim Ali (2019), dari Universiti Pendidikan Sultan Idris, kajian ini bertajuk Terapan Konsep Feminisme Talbiah dalam Cerpen Akar Cinta Karya Amanih Mokhtar. Kajian ini memfokuskan tentang ciri-ciri perwatakan wanita Melayu islam dalam cerpen Akar Cinta karya Aminah Mokhtar. Analisis ini menggunakan teori feminisme Talbiah adalah satu konsep yang dapat dibangunkan bagi menjelaskan konsep feminisme yang lebih sesuai dengan wanita Melayu islam. Konsep feminisme talbiah memfokuskan kepada aspek kepatuhan dan juga penyerahan wanita kepada Allah SWT. Analisis dalam kajian ini menekankan aspek luaran wanita terdiri daripada personaliti, ketakwaan dan juga budaya manakala dalam aspek dalaman pula terdiri daripada aspek kerohanian dan psikologi. Rumusannya, kajian ini menegaskan tentang memperjuangkan tentang martabat wanita tidak akan pernah padam dan diteruskan hingga ke harini.

Kajian Siti Hajar Che Man (1998) yang bertajuk “Feminisme Dalam Kesusasteraan Melayu: Analisis Keadah Bacaan Showalter”. Kajian ini memfokuskan maklumat yang jelas dan terperinci tentang kemunculan Teori Feminis. Kepentingannya dalam dunia ini kritikan sastera dan aplikasinya ke teks tempatan bermula dari zaman

tradisional sehingga kepada teks yang moden. Analisis yang dilakukan oleh pengkaji terhadap teks menggunakan Kritik Feminis dan Ginokratik dengan memperlihatkan daya novel Syair tersebut. Tegaslah bahawa, kajian ini memperincikan lebih tentang teori feminis dan dapat menjadikan masyarakat lebih faham tentang apa itu teori feminisme.

2.4 Kesimpulan

Kesimpulannya, setelah meneliti kajian-kajian lepas oleh pengkaji lain berdasarkan aspek berkaitan tokoh, teori feminisme dan juga kajian dari tokoh yang lain, pengkaji mendapati bila mengetahui tentang inspirasi, sesuatu kaitan positif, baik dan juga membina. Dengan itu, inspirasi dapat memberikan nilai bagi kehidupan berbangsa dan juga negara. Corak inspirasi yang diproleh oleh para tokoh wanita dapat memberi panduan pada masyarakat masa kini terutamanya golongan wanita yang semestinya mempunyai hak dan mampu menjadi seperti tokoh-tokoh hebat yang lain. Selain itu, pengkaji dapat mengetahui bahawa sastera bukanlah bidang yang terhad malah mempunyai banyak kategori dan aspek yang meluas. Dalam pada itu, pengkisahan puteri-puteri Melayu yang mempunyai sumber inspirasi dapat menjadikan wanita pada masa kini panduan dan tauladan dalam kehidupan seharian. Dalam tinjauan ini juga dilakukan oleh para sarjana tempatan dapat membuka mata dan pemikirang yang positif mengenai syair tentang kisah-kisah puteri dalam menyentuh dalam pelbagai aspek ketauladanan yang dapat menjadi iktibar kepada masyarakat pada masa kini.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab tiga membincangkan tentang metodologi kajian. Metodologi kajian menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, (2007: halaman 1230), metodologi bermaksud sistem yang merangkumi pelbagai kaedah dan juga prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, perbuatan dan sebagainya. Metodologi juga boleh dikatakan satu kaedah yang digunakan bagi melaksanakan kajian ke atas subjek kajian yang tertentu mengikut aturan dan juga disiplin. Ianya bertujuan untuk menghasilkan kajian yang lebih baik. Dengan itu, pengkaji mestilah sedaya upaya memanfaatkan teori penyelidikan tersebut dalam penghasilan kertas projek kajian ini.

Hal demikian, dalam bab tiga ini, pengkaji akan memfokuskan dan membincangkan tentang reka bentuk kajian kualitatif, kaedah analisis teks, kaedah pengumpulan data, kaedah kepustakaan, kaedah internet, penerapan teori, teori yang digunakan dan pendekatan kritikan feminis bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dikemukakan lebih awal. Selain itu, metodologi kajian juga boleh digunakan untuk memastikan objektif kajian dapat dicapai dengan menggunakan data yang sah dan juga boleh dipercayai.

3.2 Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah untuk menyelesaikan yang telah dikenalpasti. Bab ini akan membincangkan bagaimana proses kajian dari awal iaitu dari peringkat awal kajian sehingga ke proses akhir kajian dijalankan.

Rekabentuk kajian merujuk kepada struktur logik dalam sesuatu kajian itu. Ianya jelas bagi menunjukkan tentang data yang diperlukan, daripada siapa data diambil dan bagaimana ia akan menjawab persoalan kajian. Penyelidikan terdiri dalam beberapa proses dan komponen yang hendaklah diikuti iaitu dengan mengenal pasti masalah, pengumpulan data awalan, kerangka teori, persoalan kajian, pembangunan reka bentuk kajian, pengumpulan data dan analisis dan penutup (Sekaran & Bougie 2009).

Dalam bab satu yang menyatakan tentang persoalan kajian ini, mengenal pasti masalah dan juga mengumpul data awalan sudah dinyatakan dan dibentangkan dalam bab satu. Pengkaji yang lama sangat berbeza pandangan mengenai rekabentuk kajian. Menurut Bryman (2008), rekabentuk kajian adalah satu kerangka yang telah digunakan oleh beberapa kajian yang mengumpul dan menganalisis data. Bagi Robson (2011) pula, reka bentuk kajian amat berfungsi untuk menukar berkenaan persoalan kajian kepada projek, Penglibatan ini melibatkan komponen tujuan, teori, persoalan kajian, metod dan juga persempelan. Rekabentuk kajian juga adalah rancangan ataupun cadangan untuk menjalankan kajian yang bakal melibatkan hubungan di antara falsafah kajian, strategi dan metod penyelidikan kajian (Creswell, 2009).

Teori feminisme juga menjadi asas dalam menganalisis kajian ini. Teori Femenisme juga merupakan pemahaman, kajian dan juga Gerakan sosial yang bertujuan bagi mengubah status wanita bawahan dalam masyarakat yang lebih mengutamakan perspektif lelaki. Feminisme atau disebut feminis adalah merupakan sebuah gerakan perempuan yang menuntut kesamaan ataupun lebih jelas sekali emansipasi dan juga keadilan hak dengan lelaki. Feminisme tidak berasal dari sebuah teori ataupun konsep yang telah ditetapkan atas formula teori tunggal. Menurut Najmah dan Khatimah Sai'dah dalam sebuah bukunya yang bertajuk Revisi Politik Perempuan (2003:34) mengatakan feminisme merupakan sebuah kesedaran atas penindasan terhadap perempuan sama ada

di rumah, tempat kerja mahupun dalam kalangan masyarakat. Dengan itu, melalui penggunaan teori feminisme ini sangat sesuai digunakan bagi mengetahui sumber inspirasi yang diproleh dalam *Syair 7 Puteri* mengenai Puteri Saadong. Teori ini penting bagi memastikan kaum Wanita mendapat hak dan peluang sama seperti kaum lelaki dengan memenuhi tujuan yang sebenar. Dengan itu, rekabentuk kajian ini dilakukan dalam projek kajian adalah untuk mencapai objektif dan juga bagi menjawab persoalan-persoalan yang dinyatakan.

Objektif kajian yang ingin dicapai oleh pengkaji:

- 1) Mengenalpasti latar belakang kisah puteri dalam *Syair 7 Puteri*.
- 2) Mengkaji kisah Puteri yang mampu menjadi inspirasi dan teladan kepada masyarakat masa kini.

Dengan itu, demi mencapai objektif di atas, pengkaji berusaha sedaya upaya untuk menjayakan kajian ini bagi mencipta kaedah serta penyelesaian dan merealisasikan tujuan asal kajian ini dilakukan. Akan tetapi, sebelum pengkaji menetapkan tajuk kajian ini, pengkaji telah melalui beberapa proses dengan melakukan penyelidikan sebelum ini untuk mengelakkan terjadinya persamaan tajuk dengan para pengkaji yang lain.

3.2.1 Rekabentuk Kajian Kualitatif

Rekabentuk merupakan kajian yang mana seseorang pengkaji perlulah menentukan arah kaedah kajian yang ingin dilakukan. Dengan itu, pengkaji menggunakan rekabentuk kualitatif semasa proses mengumpul, menganalisis dan meneliti beberapa maklumat yang diproleh ketika kajian dilakukan. Kajian kualitatif ialah kajian yang menekankan tentang penghasilan makna bagi memahami fenomena sosial dan mengambil kira tentang sesuatu yang tidak disentuh oleh kajian kualitatif.

Dari segi data yang dikumpul dan penggunaan teori, kajian kualitatif banyak menggunakan kaedah interaksi secara bersemuka dengan subjek kajian dan pendekatan induktif bagi penggunaan teori pilihan. Buku karya itu mempunyai 66 muka sarat dan puisi *Syair 7 Puteri* dan hanya 5 syair yang dipilih untuk dijadikan kajian berkaitan dengan aspek inspirasi yang boleh diambil sebagai tauladan. Pembacaan teks telah dilakukan bagi tujuan mengetahui isi yang ingin disampaikan. Dengan menggunakan kaedah ini, dapat mengetahui dan menggambarkan cerita yang ingin disampaikan oleh penulis.

Tambahan lagi, kajian melalui kepustakaan dan laman sesawang juga digunakan bagi memantapkan lagi isi-isi penting dan mengukuhkan hujah berdasarkan teks kajian. Teks kajian *Syair 7 Puteri* mengkisahkan perjalanan hidup puteri-puteri iaitu Walinong Sari, Darmatasi'ah, Tun Fatimah, Puteri Saadong dan Raden Mas Ayu sebagai pemerintah wanita di negeri mereka yang berlainan untuk dijadikan teladan dan inspirasi di luar sana yang diceritakan oleh pengarang.

3.2.1.1 Kaedah Analisis Teks

Rekabentuk kajian analisis teks pula merupakan kerangka yang dibina dan juga digunakan dalam sesebuah kajian bagi mendapatkan data dan juga menganalisisnya. Ia juga boleh dianggap sebagai satu strategi yang telah diatur dengan baik dan rapi yang menjelaskan proses kajian dijalankan (Atkinson, 1983, Creswell, Bryman, 2008: Othman Lebar 2012). Selain itu, reka bentuk kajian ini juga dapat menentukan strategi serta kesesuaian pemilihan intrumen bagi mendapatkan serta menganalisis data kerana rekabentuk bergantung pada masalah kajian.

Kajian ini memilih untuk menggunakan pendekatan kualitatif dengan rekabentuk analisis berdasarkan analisis tekstual yang merupakan metodologi kesarjanaan dalam

bidang kemanusiaan di mana ianya merupakan teks yang dikaji mengikut karya, kebenaran ataupun kesahihan dan makna-makna yang tertulis dalam karya teks (Joubish, Muhammad Farooq dan Muhammad Asyraf Khurram, 2011). Analisis tekstual iaitu analisis *Syair 7 Puteri* bagi memfokuskan dan merungkai kisah sebenar dan juga nilai-nilai tauladan dalam kisah-kisah yang terdapat dalam teks *Syair 7 Puteri* dalam kehidupan masyarakat kini dengan memasukkan teori feminisme. Dalam *Syair 7 Puteri* terdapat 7 syair yang ditulis oleh pengarang, dan di bahagian syair yang dipilih oleh pengkaji dikupas akan pengkisahan lagenda dan juga nilai-nilai tauladan yang boleh dijadikan inspirasi. Dengan itu, pengkaji akan mengkaji dan membaca teks bagi mengutip data kajian. Kaedah pembacaan yang dilakukan oleh pengkaji akan mengenal pasti dan juga memfokuskan aspek-aspek nilai dan tauladan yang cuba diketengahkan oleh pengarang dalam teks tersebut.

3.2.1.2 Kaedah Pengumpulan Data

Pada asasnya, ada empat kaedah pengumpulan data yang seringkali digunakan dalam mana-mana penyelidikan kajian antaranya adalah temubual, soal selidik, observasi dan juga eksperimental. Namun kaedah eksperimental sangat kurang digunakan dalam penyelidikan sosial kecuali dalam bidang Pendidikan yang mana merupakan kaedah pengajaran baru dibentuk akan dieksperimentalkan dalam bilik bagi mengetahui keberkesanan kajian.

Menurut Abdul Rashid Moten, walaupun apa sahaja jenis metode yang digunakan, namun seseorang penyelidik hendaklah mematuhi segala prosedur yang tertentu yang telah ditetapkan supaya data yang didapati dengan cara tersebut dapat membantu dalam penghasilan kajian yang ditetapkan, relevan dan sesuai dengan bidang kajiannya. Kajian ini telah mendapatkan perancangan yang rapi dalam proses

mengumpulkan data juga dapat membantu pengkaji dalam menguruskan masa. Pengkaji menggunakan dua kaedah penyelidikan untuk mengutip data yang diperlukan iaitu kajian perpustakaan seperti penggunaan jurnal, artikel, penggunaan dokumen dan juga kajian lapangan seperti soal selidi, pemerhatian dan juga temubual.

3.2.1.3 Kaedah Kepustakaan

Penyelidikan perpustakaan sangat penting bagi pengkaji bagi mendapatkan data penyelidikan yang berkaitan dengan strategi dan arahan yang sedang dijalankan. Pengkaji telah menyelidik dengan menggunakan bahan ataupun sumber bacaan yang terdapat di Perpustakaan Awam Kelantan dan juga di Universiti Malaysia Kelantan. Kaedah ini sangat baik dan berguna dalam memproleh lebih banyak tentang bahan penyelidikan terutamanya tentang pengkisahan Lagenda dan juga tentang teori Feminisme bagi mencapai sesebuah objektif kajian. Dengan meneliti bahan bacaan seperti jurnal, dokumen, tesis dari sarjana yang lain, buku, majalah, artikel dan bahan dokumen yang lain, pengkaji memproleh bahan kajian yang berlainan dan melebihi apa yang diinginkan. Dokumen dan bahan yang diproleh telah diproses dan ditapis bagi mendapatkan bahan yang sahih bagi dimasukkan dalam kajian.

3.2.1.4 Kaedah Internet

Rekabentuk kaedah internet pula iaitu dengan menggunakan sumber internet dalam talian bagi mengumpul maklumat mengikut kajian. Pengkaji memprolehi dari laman sesawang seperti Google Scholar, Scribs, Kamus Dewan Bahasa dan juga Pustaka, Researchget, studentsepo dan juga Acedemia serta bahan yang ditulis oleh pengkaji yang lain. Dengan kaedah ini sangat membantu pengkaji untuk mendapatkan dan mengutip maklumat-maklumat yang berkaitan. Hal ini kerana maklumat yang boleh didapati di internet tidak ada sekatan dimana dan juga bila-bila masa sahaja.

3.3 Penerapan Teori

Pergerakan Pembebasan Wanita atau kesedaran Wanita bermula di Eropah pada abad ke-16 lagi. Awalnya, pertubuhan-pertubuhan ini, memfokuskan perhatian kepada isu politik sahaja. Pergerakan ini telahpun berkembang dari satu aspek ke aspek yang lain dan maka lahirlah teori sastera feminis (Elaine Showalter 1977). Pengamal yang dihormati adalah salah satunya Elaine Showalter. Ianya membahagikan sejarah perkembangan penulisan dan juga tentang kritikan yang dikaryakan oleh para wanita dan dibahagikan pula pada tiga tahap iaitu dikaitkan dengan feminime, feminist dan female.

Menurut Showalter pada tahun 1840 hingga tahun 1880, tahap yang penulis perempuan masih lagi dipengaruhi oleh tanggapan kaum lelaki tentang perempuan. Tahapa feminime ini, penulis perempuan masih menggunakan kayu ukur kebudayaan dominan orang lelaki sebagai garis panduan seni dan pada masa itu juga, penulis perempuan akan menggunakan nama lelaki sebagai penulis karya, boleh dikatakan bertujuan untuk menyamar dan mendapat kepercayaan dari orang lain.

3.3.1 Teori Feminisme

Penyelidik memilih teori Femenisme sebagai model kajian. Teori feminisme merupakan pemahaman, kajian dan juga gerakan sosial yang bertujuan bagi mengubah status wanita bawahan dalam masyarakat yang lebih mengutamakan perspektif lelaki. Feminisme atau disebut feminis adalah merupakan sebuah gerakan perempuan yang menuntut kesamaan dan juga keadilan hak dengan lelaki. Feminisme tidak berasal dari sebuah teori ataupun konsep yang telah ditetapkan atas formula teori tunggal. Menurut Najmah dan Khatimah Sai'dah dalam sebuah bukunya yang bertajuk Revolusi Politik Perempuan (2003:34) mengatakan feminisme merupakan sebuah kesedaran atas penindasan terhadap perempuan sama ada di rumah, tempat kerja mahupun dalam kalangan masyarakat.

Najmah dan Khatimah Sai'dah dalam sebuah bukunya yang bertajuk Revolusi Politik Perempuan (2003:34) mengatakan feminisme merupakan sebuah kesedaran atas penindasan terhadap perempuan sama ada di rumah, tempat kerja mahupun dalam kalangan masyarakat.

Teori feminisme adalah untuk menganalisis nilai kewanitaan sebagai subjek masyarakat. Namun pada dasarnya, feminisme dikenali sebagai “emansipasi” yang mana berasal dari bahasa latin yang bermaksud perempuan ataupun wanita. Antara tokoh yang terkenal dengan teori ini iaitu Showalter, Moi, Kristeva, Cixous dan juga Bailer. Gerakan feminisme adalah sebuah Gerakan yang dapat membebaskan wanita dan hak-hak sebagai wanita. Hasil penyelidikan hanya berdasarkan teks dan tujuan utama hanya untuk memfokuskan kepada usaha bagi menonjolkan gambaran kisah sebenar seperti yang diceritakan dalam teks syair tersebut. Kajian-kajian sebegini tidak kurangnya dengan kajian intristik yang pada kebiasaanya tidak ubah dengan kajian intrinsik yang sudah kebiasaanya dijumpai.

3.3.2 Pendekatan Kritik Feminis

Kritikan teori feminis merangkumi sistem idea mengenai kehidupan sosial dan juga pengalaman manusia yang berkembang atas asas bagi persoalan wanita dalam sebuah masyarakat. Boleh dikatakan teori feminis ini hanyalah berkaitan dengan wanita. Pada umumnya, Teori feminis tidak mahu memfokuskan kepada gender menjadi satu faktor dan juga isu yang memisahkan masyarakat iaitu antara dasar jantina, atau mendiskriminasikan wanita dalam pelbagai bidang, memberikan wanita tekanan dan merendahkan martabat wanita. Teori Feminis adalah semua berkaitan dengan wanita yang masyarakat lelaki ketepikan. Hampir kesemuanya masyarakat yang berkedudukan kaum wanita pada asalnya rendah dan tidak dipandang oleh masyarakat lelaki.

Kedudukan wanita tertaluk pada kuasa autoriti masyarakat lelaki. Contohnya, anak perempuan tertaluk pada kuasa ayahnya dan isteri tertaluk kepada suaminya dan wanita tidak dibenarkan membuat keputusan sendiri. Sehingga pada harini ini, masyarakat Melayu di muka bumi ini meletakkan kedudukan wanita rendah. Kritikan feminis yang terbahagi kepada dua aspek iaitu kritikan feminis dan Ginokritik. Kritik Feminis merupakan pendekatan yang menganalisis tentang imej dan watak perwatakan seseorang wanita itu dengan menulis gaya seorang pengarang lelaki. Gaya penulisan ialah cara pandangan dan persepsi lelaki terhadap wanita lemah. Ginokritik pula, yang mengkaji karya wanita oleh pengarang. Namun begitu, bagi melengkapkan kajian yang dilakukan, pengkaji akan memfokuskan terhadap pendekatan Kritik Feminis iaitu pendekatan yang berada dibawah skop teori feminisme oleh Elaine Showalter. Dengan menggunakan pendekatan teori feminis ini, pengkaji akan membuat kajian dengan lebih terperinci bagi mengetahui streotaip dalam bahan yang dikumpul dalam kajian.

3.4 Kesimpulan

Kesimpulannya, metodologi kajian merupakan perkara yang sangat penting dalam setiap projek penyelidikan kajian. Ini kerana metodologi kajian yang mantap dapat menghasilkan kajian yang berkualiti dan baik. Dengan adanya kajian yang teratur dan bersistematik dan struktur yang jelas maka kajian akan menjadi lebih tersusun dan mantap. Tujuan metodologi adalah untuk menerangkan fungsi dan kaedah dengan menggunakan teori feminisme bagi menganalisis kajian teks. Dengan mengetahui dengan lebih mendalam berkaitan dengan fungsi teori dalam sesebuah kajian secara tidak langsung dapat menjadikan proses penyelidikan berjalan dengan baik. Tegastlah dengan adanya metodologi kajian dalam sesebuah penyelidikan dapat memudahkan proses penyelidikan dan memantapkan proses tersebut.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Kajian ini akan membincangkan tentang latar belakang Puteri yang terdapat dalam teks dan juga ketauladanan yang ditunjukkan oleh Puteri yang boleh dijadikan inspirasi kepada masyarakat pada masa kini dalam teks *Syair 7 Puteri*. Dengan melalui personaliti yang dapat dijadikan teladan kepada masyarakat dalam mempunyai seni mempertahankan diri, mempertahankan maruah dan harga diri, menjadi isteri solehah taat pada suami, taat kasih pada Allah dan Rasul, kejujuran dalam melakukan perkara, memperjuangkan negara, kebebasan hak bersuara, menolak poligami, pembebasan wanita dalam kahwin secara paksa dan penentangan seksual dengan menolak seksual. Penelitian dan analisis ini hanya dibataskan dengan menggunakan karya Ida Ishak menerusi teks *Syair 7 Puteri*. Teks ini juga akan diaplikasikan dengan menggunakan teori Feminisme.

4.2 Latar Belakang Puteri Dalam Syair

Syair merupakan sebuah bentuk puisi yang berlagu dan syair juga merupakan jenis puisi Melayu lama yang berangkap. Ia juga berasal dari parsi dimana ianya dibawa masuk ke dalam nusantara bersama dengan kedatangan islam. Kebanyakkan bangsa di seluruh dunia mempunyai puisi tersendiri kerana ianya meluas dengan bahasa tersendiri mengikut bangsa penuturnya. Di Eropah masyarakat di sana menggunakan puisi bagi

menghasilkan dua buah epik yang bertajuk Liad dan Odssey. Manakala masyarakat Hindu juga menggunakan puisi bagi melahirkan Mahabeata dan Ramayana. Masyarakat Arab, kesusasteraan awal mereka merupakan puisi, kemudiannya puisi-puisi yang terbaik akan digantung di Ka'abah pada zaman jahiliah. Dengan itu masyarakat Melayu berbangga dengan puisi yang dimiliki oleh mereka yang dinamakan pantun. Syair sering membawa makna, maksud isi yang berkait dengan kias ibarat, sindiran, nasihat, pengajaran, agama, sejarah dan juga dongeng.

Seperti dalam teks *Syair 7 Puteri* karya Ida Ishak yang mana puisi yang berkaitan dengan sejarah, latar belakang dan mitos yang berunsurkan pengajaran juga untuk masyarakat pada masa kini dan dijadikan inspirasi kepada para wanita pada masa kini. Dalam membicarakan tentang tradisi ilmu sejarah, ilmu sejarah merupakan salah satu yang dianggap ilmu-ilmu keagamaan oleh kerana ia melibatkan ilmu hadis. Tetapi setelah tradisi lisan berkembang dan ilmu setelah ilmu sejarah menjadi lebih kuat, dan ianya telah dinilai sebagai ilmu yang autoritif ianya dinilai semula sebagai sebahagian daripada ilmu agama. Menurut R.O Winstedt (1878-1966M), perkataan sejarah sebenarnya berasal dari bahasa Arab yang membawa erti salasilah, tawarikh dan babad.

Selain itu ada sejarawan yang mengatakan sejarah berasal dari Arab iaitu syajarah. *Syajarah* iaitu pohon yang mana diistilahkan sebagai keturunan, salasilah, riwayat dan juga asal-usul. Terdapat beberapa sudut yang didapati antaranya dari segi sudut terminologi pula, para sarjana yang masing-masing memberi pendapat mengenai sejarah, menurut R.G Collingwood (1889-1943M), sejarah sebagai suatu unsur kajian dan penyelidikan. Seterusnya, pendapat ini dipersetujui oleh Maurice Mandelbaum (1908-1987M), perkara ini didalam bukunya 'The Anatomy of Historical Knowledge' di dalam buku ini mengatakan bahawa kaji selidik mengenai sejarah sangat berbeza dengan

cerita, kenangan ataupun mitos iaitu penyelidikan untuk tujuan mencari kebenaran dalam peristiwa-peristiwa yang berlaku.

4.2.1 Puteri Walinong Sari

Syair kedua dalam teks *Syair 7 Puteri* mengisahkan tentang seorang pewira yang sangat hebat. Cerita ini telah diriwayatkan di Negeri Inderapura iaitu nama negeri Pahang pada suatu ketika dahulu. Negeri Inderapura yang diperintahkan oleh seorang Bendahara Paduka Raja. Pada ketika ini negeri ini merupakan zaman kemegahan kerajaan Melayu Melaka. Pada ketika zaman pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah, Melaka dan ianya muncul menjadi sebuah negeri pusat penyebaran dan perkembangan syiar islamiah yang mana terkenal di seluruh pelusuk nusantara. Pada zaman tersebut agama islam hanya tersebar melalui peperangan dan juga taklukan. Namun ada juga islam tersebar melalui perkahwinan antara kerabat diraja.

Puteri Walinong Sari merupakan seorang puteri yang cantik jelita dan mempunyai rupa paras yang sangat rupawan. Puteri Walinong sari berasal dari Inderapura. Puteri ini juga merupakan seorang puteri yang sangat gagah dan berani, dan dikatakan sangat handal dalam bermain senjata iaitu keris, lembing dan juga mempunyai seni mempertahankan diri. Apabila Puteri ke gelanggan silat, puteri sentiasa memakai kelengkapan kebesaran, dan sentiasa bertudung di bahagian mukanya turut tertutup demi menjaga maruah sebagai seorang puteri Melayu. Bendahara Paduka Raja merupakan ayahndanya sangat menyayangi Puteri Walinong Sari sehingga menetapkan sesiapa yang mampu mengalahkan Puteri Walinong Sari dalam persilatan di gelanggan, orang itu akan diangkat menjadi menantunya. Akan tetapi sudah ramai pemuda yang mencuba nasib namun gagal. Pada satu masa, Raja Melaka berhasrat untuk menyunting Puteri Walinong Sari sebagai menantunya. Tanpa pengetahuan puteri tersebut rombongan meminang

datang dan perkahwinan ditetapkan dalam masa 4 bulan. Puteri akur akan keputusan itu. Raja mambang sagara merupakan anak kepada raja kayangan yang bernama raja laksamana petir, yang mana berasal dari puncak gunung tahan.

Pada satu hari Raja mambang tersebut pergi memburu lalu terpandang sebuah rombongan yang sedang bersuka ria, dan Raja tersebut mengetahui akan Puteri Walinong Sari. Keinginannya ingin melihat wajah Puteri tersebut amat tinggi lalu Raja Mambang tersebut menukar dirinya menjadi seorang lelaki muda yang miskin dan mendekati Puteri tersebut dan menghulurkan sebuah talam yang cantik ukirannya, Puteri tersebut merasakan hatinya berdebar-debar apabila menatap wajah pemuda miskin itu. Pada hari kedua Puteri itu bertemu lagi dengan pemuda miskin itu dan dihadiahkan sekaki payung kuning, dan hari ketiga Puteri dihadiahkan pula dengan sekuntum bunga melur. Seterusnya Puteri Walinong Sari menyapa pemuda itu dan menanyakan tentang ilmu persilatan, pemuda itu menjawab bahawa dia mempunyai ilmu persilatan sedikit sahaja dan tidak handal. Lalu Puteri itu mengajak pemuda itu bertarung di gelanggan, ramai rakyat yang berada disitu melihat akan pertempuran yang luar biasa. Lama kelamaan pertarungan berlangsung, Puteri Walinong Sari menyedari ilmu persilatan Raja Mambang sagara itu jauh lagi hebat darinya, untuk menjadikan dirinya menang dalam pertarungan itu oleh kerana tidak mahu menjaga maruah istana, Puteri Walinong lantas menarik tudung pelitup mukanya, lalu Raja Mambang terpukau dengan kecantikan Puteri dan terus pengsan.

Penyamaran menjadi seorang pemuda miskin bertukar menjadi pada asalnya iaitu Raja Mambang, melihat akan perkara itu, Puteri menitahkan agar Raja Mambang dibawa ke istana dan berada disisi Raja mambang, lalu tiba-tiba petir menyambar dan Raja mambang sagara terus lenyap begitu sahaja. Melihat akan kejadian ini, Puteri Walinong sari terus pengsan dan bermimpi bertemu Raja Mambang di puncak gunung tahan. Pada

keesokan harinya, Puteri Walinong Sari lenyap dari istana, ada yang mengatakan Puteri ke gunung tahan untuk bertemu Raja mambang sagara kekasih hatinya. Namun ada juga penduduk kampung mendakwa, melihat Puteri Wanang Seri di Inderapura bersama dengan dua orang pengiring yang seorang sedang memayungi Puteri Wanang Sari dengan payung kuning dan seorang lagi sedang menaburi langkah Puteri Wanang Sari dengan bunga-bunga yang di isi dalam talam yang dihiasi dengan ukiran yang cantik. Dengan itu nama Puteri Wanang Seri lebih dikenali oleh masyarakat harini dengan Puteri Walinong Sari.

4.2.2 Darmatasi'ah

Syair yang ketiga iaitu perihal hikayat Darmatasi'ah merupakan hikayat yang sudah lama dimana tidak mempunyai sumber awal dari bahasa luar. Menurut Ismail Hamid (1983), hikayat ini ditulis sendiri oleh orang Melayu sendiri dengan bertujuan untuk menanamkan sifat kesalihan, ketaatan seorang wanita terhadap suaminya. Namun hikayat ini juga mempunyai banyak versi, dan menurut Ismail Hamid juga, hikayat Darmatasi'ah ini ada dikeluarkan di Singapura. Keluaran ini pada tahun 1880 dan ianya banyak kali dicetak. Isi yang terkandung dalam cerita ini kemungkinan datang dari golongan sufi. Hal ini kerana darjat kesalihan yang diharapkan oleh orang-orang Melayu Islam yang biasa sangat tinggi. Namun ianya tidak mustahil darjat yang diharapkan ini merupakan harapan bagi golongan Islam mahupun pengarang peranakan Islam.

Kisah yang banyak memberi pengajaran kepada masyarakat tentang ketaatan seorang wanita kepada suaminya. Kisah hikayat Darmatasi'ah yang taat dan berbakti kepada suaminya Tuan Syeikh bil-Ma'ruf yang amat kuat dalam beribadat kepada Allah. Darmatasi'ah sangat taat sehinggakan setiap kali suaminya pulang ke rumah dia membasuh kaki suaminya sambil meminta ampun kepada suaminya meskipun dia tidak melakukan kesalahan pada hari itu dan kemudian dia akan menyediakan santapan untuk

suaminya. Darmatasi'ah dan Tuan Syeikh bil Ma'ruf dikurniakan seorang cahaya mata hasil dari perkahwinan mereka berdua, anaknya dinamakan Cenderadewi. Dikisahkan pada suatu malam sedang suaminya makan tiba-tiba pelita yang dinyalakan terpadam, lalu Darmata'siah memotong tujuh helai rambutnya untuk dijadikan sumbu pelita. Hal ini terjadi tanpa pengetahuan suaminya, lalu kesalahan yang dilakukan ini menyebabkan suaminya marah hingga memukul Darmatasi'ah dan mengahalau dia keluar dari rumah tersebut. Walaupun dia merayu kepada suaminya untuk tinggal di rumah sebagai seorang pengasuh, penjaga pintu mahupun penghalau ayam.

Dia memutuskan untuk ke rumah ibu bapanya, namun ibu bapanya tidak menerimanya pulang ke rumah mereka kerana bagi mereka, ianya dianggap bersubahat atas kesalahan Darmatasi'ah. Darmatasi'ah yang kelaparan akhirnya memohon kepada Allah supaya ditunjukkan jalan kebenaran. Sedang Darmatasia'ah mencari air wudhuk di hutan, dia terjumpa sebuah mahligai yang indah. Rupaya, tuhan menyuruh Jibrail memberi persalinan pakaian yang indah dan menyapu muka Darmatasi'ah sehingga mukanya bercahaya dan berseri-seri. Lalu Darmatasi'ah pulang ke rumah menyamar sebagai seorang suruhan untuk menyampaikan pesanan. Melihat kecantikan muka Darmatasi'ah berwajah berseri-seri membuatkan Tuan Syeikh sangat suka akan wanita itu. Tanpa menyedari bahawa wanita itu adalah isterinya. Setelah itu, Darmatasi'ah memberitahu hal sebenar akan perbuatan itu hanya untuk berbakti kepada suaminya semata-mata. Tuan Syeikh sangat gembira akan hal tersebut dan mereka akhirnya hidup aman bahagia.

4.2.3 Tun Fatimah

Seterusnya, syair yang keempat merupakan syair Tun Fatimah. Latar belakang seorang pewira terkemuka di negara ini. Tun Fatimah merupakan seorang wanita yang mempunyai rupa paras yang cantik dan menawan. Tun Fatimah merupakan isteri yang kelima Sultan Melaka Mahmud Syah. Tun Fatimah bukanlah seorang yang sembarangan, Tun Fatimah adalah seorang serikandi yang terkenal di Malaysia dan merupakan anak perempuan Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir.

Dikhabarkan rupanya bercahaya bak bulan purnama. Kecantikannya itu membuatkan ramai lelaki yang inginkan Tun Fatimah. Dikisahkan Raja di Baruh ke rumah Bendahara Seri Maharaja Melaka iaitu ayahnda kepada Tun Fatimah, lalu Raja di Baruh sangat tertarik akan kecantikan Tun Fatimah. Hal ini, membuatkan Raja di Baruh mencadangkan agar Bendahara Seri Maharaja mempersembahkan Tun Fatimah kepada Sultan Mahmud. Namun Dato' Bendahara memberitahu bahawa Tun Fatimah dan Tun Ali akan berkahwin tidak lama lagi. Hari perkahwinan yang menjelang tiba, masyarakat di kampung menyambut dengan meriah dan didatangi juga Sultan Mahmud ke majlis tersebut dengan orang istana. Ketika Tun Fatimah dan Tun Ali datang mengadap Sultan Mahmud, baginda menanyakan kepada Dato' Bendahara akan sebab tidak mempersembahkan anak perempuannya yang cantik menawan iaitu Tun Fatimah kepadanya. Hal ini menyebabkan Sultan Mahmud marah dan menyimpan perasaan dendam terhadap Dato Bendahara.

Dengan itu Sultan segera beredar dari majlis perkahwinan itu tanpa menyentuh sebarang santapan yang disediakan. Pada satu masa, Si Kitul iaitu orang suruhan Dato' Mandaliar melihat Portugis yang sampai di perairan selat Melaka. Kedatangan orang Portugis itu adalah untuk berdagang di negeri Melaka, Dato Mandaliar merupakan penasihat orang Portugis lalu membawa mereka ke rumah Dato' Bendahara untuk

menyampaikan hajat mereka. Dalam perjalanan mereka menemui Tun Fatimah dan rakan-rakannya. Salah seorang dari orang Portugis sangat menyukai Tun Fatimah dan memberitahu Dato Mandaliar akan hajatnya namun ditepis oleh Dato Mandaliar bahawa suaminya Tun Fatimah sangat handal dalam bermain senjata. Dato Mandaliar seorang yang suka memanipulasikan fakta kepada Sultan Mahmud dengan menceritakan perkara yang tidak benar iaitu memberitahu bahawa Dato' Bendahara mempunyai niat yang tidak baik iaitu ingin merampas takhta Sultan Mahmud. Hal ini menyebabkan Sultan Mahmud murka dan menitahkan agar keseluruhan keluarga Dato' Bendahara dikenakan hukuman bunuh.

Tun Fatimah sangat sedih kerana kesemua ahli keluarganya meninggal dan diperlakukan sebegitu rupa. Seterusnya, Tun Fatimah telah dibawa ke istana Sultan Mahmud untuk dilamar dan dijadikan permaisuri Melaka. Pada mulanya Tun Fatimah tidak bersetuju dengan lamaran ini, namun setelah dipujuk oleh Tun Busu, Tun Fatimah bersetuju dan akur akan cadangan itu. Tun Busu yang berniat untuk menyiasat akan perihal hukuman bunuh yang dijatuhkan ke atas keluarga Tun Fatimah. Perbalahan berlaku diantara Tun Busu dan Dato Mandaliar kerana rahsia Dato Mandaliar yang banyak mempengaruhi Sultan Mahmud telah terbongkar. Tun Ahmad dan Tun Busu menceritakan kesemua perihal tersebut dan Sultan Mahmud bersetuju untuk menyiasat hal ini. Tun Fatimah dan juga rakan-rakannya berusaha menangkap Si Kitul iaitu orang suruhan Dato' Mandaliar dan dibawa ke istana untuk menceritakan hal sebenar. Setelah kebenaran terungkai, Sultan Mahmud menitahkan hukuman terhadap Dato Laksamana agar dibuang negeri dan jawatan dilucutkan. Tun Fatimah tidak dapat menahan dendamnya lalu membunuh Si Kitul dan Dato Mandaliar di balairung istana. Sultan Mahmud sangat menyesal atas perbuatannya kerana menjatuhkan hukuman kepada keluarga Tun Fatimah tanpa usul periksa.

4.2.4 Puteri Saadong

Syair kelima iaitu berkisarkan pengkisahan Puteri Saadong. Sejarah negeri Kelantan yang menceritakan tentang Puteri Saadong sudah agak lama dan ianya agak tua daripada negeri-negeri Melayu di bahagian pantai barat seperti di Negeri Sembilan, Melaka malah di Selangor juga. Puteri Saadong yang merupakan seorang tokoh yang terkenal di Kelantan dan namanya sentiasa menjadi sebutan masyarakat sehingga kini. Tradisi lisan yang mana merupakan satu-satunya jalan bagi menyampaikan cerita, pemikiran, perasaan dan falsafah hidup. Sastera lisan yang dalam kisah Puteri Saadong ini mempunyai dua bentuk iaitu yang pertama terdiri dari pelbagai sumber tanpa mengira ianya terselamat mahupun yang berubah ketika proses penyampaian, manakala kedua didatangkan dalam bentuk sumber yang tidak dapat diketahui ataupun dikesan penciptanya dan ianya berkembang.

Puteri Saadong merupakan Puteri kepada Raja Loyar iaitu berasal dari kerajaan Jembal. Disinopsiskan cerita, Puteri Saadong diberikan kepada Wan Kembang iaitu pemerintah Kerajaan Chinta Wangsa sebagai tanda persahabatan. Wan Kembang iaitu Che Siti telah menjadikan Puteri Saadong sebagai anak angkatnya. Semakin dewasa, Puteri Saadong sangat disenangi oleh orang ramai oleh kerana paras rupa kejelitaannya. Namun, khabar ini didengari oleh Raja Siam, lalu Raja Siam menghantar rombongan meminang untuk meminang Puteri Saadong. Namun pinangan Raja Siam tidak diterima oleh Che Siti Wan Kembang dan juga Raja Loyar. Raja Siam berasa tercabar dan marah akan tolakan pinangan itu dan terasa terhina lalu mengambil keputusan untuk menyerang kerajaan Chinta Wangsa serta Kerajaan Jembal. Lalu, mereka bersepakat untuk mengahwinkan Puteri Saadong dengan sepupunya yang bernama Raja Abdullah. Hal ini untuk menyelamatkan Puteri Saadong dari berlaku apa-apa yang buruk terhadap Puteri Saadong.

Namun keinginan Raja Siam ingin memiliki Puteri Saadong tidak terhalang, dengan itu Raja Siam menghantar rombongan bersama pembesar-pembesar, hulubalang dan sami buddha ke Kota Jelasin dan memaksa Raja Abdullah menyerahkan Puteri Saadong. Raja Abdullah berkeras tidak menyerahkan isterinya lalu, keesokanya berlaku peperangan dan pertumpahan darah. Melihat peristiwa ini memberi kesan kepada Raja Abdullah dan Puteri Saadong, sebelum gelombang kedua terjadi, Puteri Saadong memutuskan untuk menyerahkan diri kepada Raja Siam namun dengan syarat Siam tidak mengganggu Kota Jelasin dan suaminya. Dalam sepanjang Puteri Saadong berada di Siam Raja Siam yang tidak henti untuk mencuba menggoda Puteri Saadong dan mencuba untuk mencabul kehormatan Puteri Saadong, namun berjaya dihalang oleh Tuan Puteri. Disebabkan perbuatan itu, Raja Siam beberapa hari semakin sakit, didapati kudis di dada Raja Siam sejak kedatangan Puteri Saadong. Oleh itu Puteri Saadong mengubati Raja

Siam dengan syarat Raja Siam melepaskan Puteri Saadong ke tanah airnya kembali. Raja Siam menurut keinginan Puteri Saadong. Keberangkatan Puteri Saadong ke Kota Jelasin sangat mengujakan Puteri, namun sesampainya puteri di istana, Puteri Saadong berasa sedih dan kecewa melihat suaminya Raja Abdullah berkahwin lagi sekali menggantikan tempatnya. Kesedihan Puteri Saadong telah membawa baginda hilang dan dikhabarkan lari ke gunung ayam untuk mengubati luka dihatinya.

4.2.5 Raden Mas Ayu

Syair seterusnya mengisahkan tentang Raden Mas Ayu. Kisah Raden Mas sangat dekat dan sinonim dengan masyarakat Singapura. Terdapat sebuah permakaman di sebelah utara di Singapura terletak di Teluk Belangah dan itulah Makam Puteri Raden Mas Ayu. Kisah ini terkenal dengan mengisahkan hubungan kasih sayang seorang ayah yang sanggup melakukan apa sahaja demi anaknya dan pengorbanan anak kepada ayahnya.

Raden Mas Ayu seorang anak yang sangat dahagakan kasih sayang ibu namun Raden Mas sangat malang. Hal ini kerana, penyeksaan terhadap kedua beranak.

Di Tanah Jawa, ada sebuah kerajaan yang bernama Kediri yang mana Kediri merupakan sebuah empayar yang sangat besar. Terdapat sebuah acara Majlis yang sedang diraikan iaitu hari pertabalan Rajanya yang baru, Kajeng Ratu Kediri dan juga permaisurinya. Majlis kelihatan meriah dan besar-besaran. Pangeran Agung seorang yang tidak berkahwin lagi oleh kerana dirinya tidak menerima mana-mana puteri. Walaupun ramai anak raja iaitu puteri-puteri menginginkannya namun hatinya tidak dapat ditawan lagi. Kajeng Ratu Kediri sangat risau akan Pangeran Agung. Akan tetapi sifat iri hati dan hasad dengki dari kalangan kaum kerabat keluarganya terhadap Pangeran Agung oleh kerana perebutan takhta dan juga kuasa. Ketika majlis itu sedang meriah berlangsung, Pangeran Agung bersama Kanjeng Ratu Kediri dan Kanjeng Radin Ratu. Pangeran Agung yang sedang termenung melayan perasaan tiba-tiba terdengar paluan gamelang dan alunan muzik yang mengasyikkan dan dari situ la Raden Mas Ayu keluar. Raden Mas Ayu merupakan seorang penari yang berbakat menari dengan gemalai dan juga mengasyikkan. Kecantikan Raden Mas Ayu sangat luar biasa sehingga ada yang tidak melepaskan pandangan dari Raden Mas Ayu salah satunya Pangeran Agung.

Pada lewat malam, keseluruhan acara majlis sudah selesai, Raden Mas Ayu yang siap sedia untuk pulang lalu didatangi oleh dua orang, iaitu utusan untuk ke taman larangan. Rupanya Pangeran Agung yang ingin berjumpa dengan gadis jelita tersebut. Raden Mas Ayu merupakan seorang yang sangat pemalu. Tambahan lagi yang bertemu dengannya itu seorang Putera Raja yang menjadi rebutan ramai, maka dari situlah Pangeran Agung meluahkan rasa cinta pandang pertamanya terhadap Raden Mas Ayu. Perhubungan mereka terpaksa dirahsiakan oleh kerana Kajen Ratu Kediri dan permaisuri Kajeng Radin Ratu tidak membenarkan kaum kerabat keluarganya menikahi golongan rakyat biasa.

Mereka sangat mementingkan darjat dan kebanggaan keluarga. Pangeran Agung menyadari akan hal ini lalu mengambil keputusan untuk berkahwin dengan Raden Mas Ayu secara rahsia. Namun rahsia ini tidak mampu bertahan oleh kerana ada yang memusuhi Pangeran Agung yang akan sentiasa mencari peluang bagi menjatuhkan Pangeran Agung. Setelah kaum keluarganya mengetahui akan hal sebenar, kemarahan Kajeng Ratu Kediri yang menerima berita dari Raden Manosekoro iaitu musuh Pangeran Agung akan hal perkahwinan rahsia itu.

Kejadian ketika, Raden Mas Ayu ditinggalkan di istana bersama anaknya, Pangeran Agung meninggalkan mereka bertujuan untuk ke hutan belantara oleh kerana titah dari Kajeng Raden Ratu. Rupanya helah ini untuk membuka peluang kepada Raden Menosekoro berbuat jahat kepada Raden Mas Ayu. Raden Menosekoro mengambil peluang untuk memorkosa Raden Mas Ayu, namun ianya tidak berjaya kerana Raden Mas Ayu seorang yang sangat mementingkan kesuciannya, oleh kerana itu Raden Menosekoro bertindak dengan tidak sengaja menikam Raden Mas Ayu, kejadian ini menjadi kebimbangan Raden Menosekoro dan bertindak dengan membakar istana Pangeran Agung dalam keadaan Mas Ayu yang masih bernyawa bersama anaknya Raden Mas. Kepulangan Pangeran Agung adalah satu kejadian yang tidak disangka akan kehilangan isterinya yang tercinta Raden Mas Ayu.

4.3 Inspirasi dan Teladan Menerusi Kisah Puteri

Wanita adalah merupakan seorang yang sinonim dengan mempunyai perwatakan yang lemah lembut, sopan santun, sentiasa ikhlas dalam melakukan pelbagai perkara dan juga sentiasa melakukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh dalam menghadapi pelbagai perkara. Wanita sangat istimewa sifatnya yang mana golongan wanita sanggup bersabar dengan pelbagai rintangan dan liku-liku kehidupan sama ada mereka berada dalam jagaan ibu dan bapa mahupun sudah menjadi isteri orang, dan ianya bukan mudah dan kian

mencabar dari dahulu sehingga kini. Golongan wanita merupakan salah satu elemen yang penting dan hendaklah lengkap dalam pelbagai segi kehidupan kini. Seperti yang sedia maklum, wanita sangat penting dalam kehidupan seorang lelaki. Kepentingan yang dilihat dari segi institusi keluarga, institusi masyarakat, bangsa mahupun negara. Dalam kelembutan yang dimiliki oleh mereka, namun wanita juga mempunyai semangat yang luar biasa dalam menghadapi pelbagai rintangan. Semangat yang dimiliki terpancar dalam pelbagai bidang yang mana bidang tersebut juga setanding dengan lelaki.

Umar Junus (1989), mengatakan Aristotle kebiasaannya mengungkapkan wanita ataupun perempuan adalah wanita. Bahkan ada ciri-ciri tertentu yang dimiliki mereka dan St Thomas Aquinas percaya bahawa wanita adalah merupakan seorang lelaki yang tidak lengkap dan juga sempurna. Lantaran itu, wanita juga digambarkan seorang insan yang lemah dari segi mental dan juga fizikal. Wanita Melayu juga sering kali tidak diberi peluang dalam pelbagai perkara. Contohnya dalam bidang pekerjaan yang setanding dengan lelaki. Kehidupan golongan wanita Melayu biasanya selalu terkongkong dengan banyak perkara. Mereka seringkali tidak mendapat peluang untuk keluar dari lingkungan domestik yang biasanya mereka banyak bertanggungjawab dalam hal menguruskan hal keluarga ataupun rumah tangga, melahirkan anak, menjaga anak-anak serta membesarkan anak-anak di rumah sahaja. Hal ini tidak sering berubah sehingga kini. Kehidupan yang seringkali dibelenggu dan nasib yang malang sering berpihak kepada wanita. Tambahan lagi, hal ini bukan sahaja di lihat dari segi perspektif penjajah, namun dalam institusi kekeluargaan yang mana melingkungi keseluruhan kehidupan masyarakat Melayu.

Menurut Umar Junus (1984) lagi, wanita ataupun perempuan adalah semula jadi rendah sifatnya. Dengan itu, golongan ini sangat sukar untuk mendapatkan kesamarataan dan ianya seringkali ditentang oleh orang sekeliling. Kebiasaanya perempuan juga

seringkali tidak melihat sesuatu perkara itu dengan kaedah yang sama, bahkan pemikiran dan juga perasaan golongan wanita ini berlainan sama ada ianya tidak penting mahupun penting dengan lelaki. Menurut Norazit Selat, Nor Hisyam Osman dan juga Hashim Awang (1997:163), bahawa para wanita ditindas kerana terikat oleh fungsi dan peranan mereka dalam melahirkan anak serta menjaga anak. Di samping itu, wanita melayu juga tidak melihat dan menganggap peranan mereka adalah inferior dan juga lemah. Mereka juga tidak melihat dan juga menganggap bahawa biologi serta fungsi reproduktif adalah dengan merendahkan kedudukan wanita dalam kalangan masyarakat. Cara pemikiran mereka adalah berbeza dengan lelaki dalam setiap rutin kehidupan mereka. Golongan wanita sangat penting sebagai penggerak negara dan kuasa wanita juga dilihat dari aspek bidangnya yang tersendiri dan nilainya haruslah sama dengan nilai dengan lelaki. Jelaslah wanita haruslah dilihat dan dinilai sebagai seorang yang ternilai yang mempunyai peranan yang unik dimata masyarakat.

Sehubungan itu, teks *Syair 7 Puteri* yang dikarang oleh penulis Ida Ishak, menceritakan tentang kisah para wanita yang banyak memberikan impak yang besar dan mengubah perspektif masyarakat terhadap wanita. Kisah kehidupan wanita yang berperanan sebagai wanita, seorang isteri dan juga seorang ibu. Dengan itu, persepsi wanita dari pandangan masyarakat yang dianggap lemah, tertindas oleh kerana sifat golongan wanita ini dianggap lemah kerana mereka adalah seorang wanita, ibu dan juga isteri. Namun golongan ini tidak dianggap sebagai jahil mahupun pasif. Secara pada asasnya mereka merupakan golongan wanita yang tahu tentang hak mereka yang sebetulnya bagi menjalankan kehidupan mereka seharian. Dengan menerusi kisah yang dipetik dan digambarkan dalam syair jelas menunjukkan ketauladanan dan inspirasi kepada masyarakat pada masa kini terutamanya pada golongan wanita. Antaranya adalah menerusi kisah Puteri Saadong tokoh lagenda kelantan, Tun Fatimah seorang

serikandi Malaysia yang terkenal, Walinong Sari seorang puteri yang gagah berani, Darmatasi'ah seorang wanita solehah yang taat pada suami, Raden Mas Ayu seorang yang lemah lembut dan juga Puteri Lindungan Bulan bukan sahaja cantik dan unik namun seorang yang taat akan orang tuanya.

4.3.1 Puteri Saadong

4.3.1.1 Menginspirasi Dalam Kebebasan Hak Bersuara

Puteri Saadong merupakan seorang wanita lagenda yang terkenal dan sangat tersohor di negeri Kelantan. Selain mempunyai rupa paras yang cantik yang mana menjadi dambaan ramai lelaki dari setiap pelosok negara pada zaman dahulu. Lagenda wanita ini juga sangat terkenal di dalam kalangan para istana. Dengan mempunyai kepimpinan tauladan dan contoh yang boleh dijadikan inspirasi pada masyarakat kini. Harun Jaafar (2004), Puteri Saadong mengandungi amanat tentang balasan terhadap orang yang tidak taat dan setia. Hal ini kerana Puteri Saadong sangat terserlah dengan kesetiiaannya sebagai seorang isteri kepada suaminya Raja Abdullah. Kronologi tentang Puteri Saadong yang mana permulaan kisah bahawa negeri Kelantan yang terbahagi kepada dua iaitu Gunung Cinta Wangsa yang mana diperintah oleh seorang perintah perempuan iaitu Cik Siti Wan Kembang. Manakala Kota Jembal telah diperintah oleh Raja Sakti. Cerita yang dikembang dengan seorang Raja Sakti telah mendapat seorang cahaya mata dan diberikan kepada Cik Siti Wan Kembang sebagai anak angkat dan dia adalah Puteri Saadong. Banyak hal yang berlaku dan bagi mengelakkan hal yang tidak diinginkan, Puteri Saadong dinikahkah dengan Raja Abdulllah. Lalu dari situ mereka saling bersumpah untuk tidak menodai cinta masing-masing.

Kejadian yang menimpa Puteri Saadong setelah kepulangannya dari Siam menyebabkan kekecewaan yang mendalam terhadap Raja Abdullah kerana Raja

Abdullah telah mengkhianat penantiannya dan berkahwin lain semasa ketiadaan Puteri Saadong. Ceritanya disingkatkan dengan Puteri Saadong menikam suaminya sehingga mati lalu melepaskan takhtanya dan membawa diri ke Gunung Ayam di hulu Kelantan dan beritanya tidak didengari sehingga kini. Gerakan pembebasan wanita yang dijalankan adalah untuk menuntut hak kebebasan dengan menolak pinangan Raja Siam dan jejak dari negara lain. Penolakan pinangan dari Raja Siam merupakan pemerintahan yang terbesar dan mempunyai kekuatan tentera di Siam pada zaman dahulu. Jelas menunjukkan kesetiaan Puteri Saadong terhadap Raja Abdullah. Dalam teks *Syair 7 Puteri* melalui syair Puteri Saadong jelas memperlihatkan beberapa ketauladan yang dapat dijadikan inspirasi pada masyarakat kini, antaranya adalah menginspirasi dalam kebebasan hak bersuara.

Dalam perspektif masyarakat muslim, kebebasan juga bukan bermakna mengganggu akidah seseorang islam itu dan juga prinsip-prinsip dasar agama yang mana telah diketahui secara jelas dan baik-baik oleh setiap umat muslim dimana masyarakat muslim dan akidah yang baik dan konsisten dengan akidah dan peraturan. Akidah adalah suatu dasar yang mana di atasnya dibangun dengan masyarakat dan juga negara, dan akidah juga semestinya berdiri teguh dengan keimanan kepada yang maha satu Allah S.W.T. Apabila dilihat dalam masyarakat muslim, makna akidah bukanlah mengajak akidah yang bertentangan dengan akidah semata-mata. Di dalam Islam, telah diberikan kebebasan kepada manusia untuk memilih agama dan akidahnya, samada pilihanya atas dasar tanggungjawab, oleh kerana manusia mahupun kanak-kanak tidak boleh dirampas kebebasannya. Jelas islam sangatlah menghormati manusia dan harga dirinya juga dihormati.

Wanita juga hendaklah berani dalam hak bersuara dan juga memperjuangkan hak yang setaraf dengan hak lelaki. Dalam situasi ini, wanita juga harus menyuarakan tentang

poligami yang telah ditetapkan oleh syariat dalam islam. Menurut Umar Junus (1984) adalah tidak membiarkan bagi para wanita bagi menyuarakan bagi memperjuangkan hak mereka. Selain itu Umar Junus (1984) menjelaskan bahawa jika seseorang wanita itu ingin mencapai hak kesamaan sosial yang sama dengan lelaki maka wanita itu semestinya berani dalam menyuarakan hak mereka yang sepatutnya mereka dapat prolehi. Namun ada yang menyatakan wanita yang radikal berpendapat bahawa wanita telah didedahkan dengan ideologi patriakal yang seperti ini bagi menghasilkan sesuatu gambaran yang streotaip bahawa lelaki kuat dan manakala wanita lemah. Pemeliharaan terhadap hak golongan minoriti dan juga wanita sangat penting. Dengan itu Puteri Saadong mempunyai kebebasan dalam hak bersuara bagi membuat keputusannya sendiri. Contohnya dapat dilihat dalam petikan teks *Syair 7 Puteri* syair yang kelima iaitu:

(Raja Loyar dan juga Wan Kem-
Bang,
Risau sekali menaruh bimbang,
Nasib warisnya halus
ditimbang,
Agar masalah tidak
melembang)

(*Syair Puteri Saadong*, 2021:44)

Dalam petikan teks *Syair* ini menggambarkan tentang cerita dimana pada masa itu, Puteri Saadong menolak pinangan oleh Raja Siam secara bulat-bulat. Penolakan ini telah menghampakan Raja Siam yang berniat untuk memperisterikan Puteri Saadong. Hal ini kerana, Puteri Saadong sedar akan statusnya adalah isteri kepada Raja Abdullah. Setia yang menjadi satu pegangan Puteri Saadong yang mana kesetiaan terhadap Raja Abdullah. Dikatakan Puteri Saadong sanggup melakukan apa sahaja dan berkorban apa sahaja untuk keselamatan dirinya daripada dicabul oleh Raja Siam yang terang-terang sangat gilakan Puteri Saadong. Jelaslah dapat dikaitkan dengan teori feminisme yang

mana istilah ini yang telah dipopularkan oleh golongan barat yang mana berjuang untuk kebebasan wanita bagi mendapat hak-hak yang sewajarnya diprolehi agar sama taraf dengan lelaki. Walaubagaimanapun, sejak dari awal lagi wanita sudah disama tarafkan darjat dengan lelaki. Tuhan sudah menetapkan bahawa tidak ada perbezaan diantara wanita dan juga lelaki, yang membezakan lelaki dan wanita adalah kadar ketakwaan. Sejak dari dahulu hak-hak yang wanita sepatutnya dapat diragui oleh satu dunia kemudian kedatangan islam dan menetapkan wanita dalam kedudukan yang paling tinggi dan harus dihormati. Tambahan lagi menetapkan bahawa anak-anak untuk menghormati ibunya tiga lipat kali ganda dari seorang ayah. Islam juga menentang sekeras kerasnya pembunuhan terhadap bayi perempuan pada zaman jahiliah. Di dalam islam, golongan wanita mempunyai hak-hak dan kewajiban yang sama dengan lelaki antaranya berhak di atas perbuatan baik, dan mendapat balasan ketika berbuat jahat serta kewajiban ibadah yang sama.

Penulis teks *Syair 7 Puteri* ini iaitu Ida ishak menggambarkan melalui syair Puteri Saadong melalui pengalaman ekspresi sebagai seorang wanita juga. Oleh itu, hal ini tidak boleh diremehkan dan juga dipandang mudah, oleh kerana itu juga hasil-hasil yang dikaryakan mengenai wanita tidak tepat apabila dikaryakan oleh pengkarya lelaki. Walaupun pada hakikatnya terdapat beberapa bentuk idea yang selari namun pengalaman wanita lebih jelas kesensitifannya. Dapat dilihat pada masa kini, apa yang terjadi hak-hak bersuara wanita dipinggirkan, pengalaman wanita dibuang begitu sahaja, suara wanita dibisukan bahkan aktiviti wanita dipenjara dan dikongkong. Oleh itu, jelas dalam syair Puteri Saadong menggambarkan tentang ketauladanan yang boleh dijadikan inspirasi kepada masyarakat kini terutamanya wanita melalui personaliti yang ditonjolkan oleh Lagenda Puteri Saadong.

4.3.1.2 Menginspirasi Dalam Menolak Poligami

Dalam pada itu, ketauladan yang dapat dijadikan inspirasi pada masyarakat kini dalam kisah Puteri Saadong adalah menginspirasi dalam menolak poligami. Poligami adalah merupakan sesuatu yang sangat sensitif dalam perkahwinan. Poligami boleh membawa kepada kebaikan dan keburukan dalam sesebuah kekeluargaan. Namun agama islam adalah agama yang indah dan sempurna, islam juga sudah sedia ada meletakkan syarat-syarat tertentu untuk lelaki yang ingin berpoligami. Hikmah dalam berpoligami adalah mendapat kesucian dalam sesebuah hubungan dari keturunan dapat juga dipelihara. Namun, poligami juga akan menjurus kepada kekacauan dan pergolakan dalam rumah tangga. Hal ini kerana, punca dari sikap pengabaian peraturan islam dalam berpoligami. Hal ini akan menyebabkan berlaku penceraian, pembunuhan oleh kerana emosi amarah, perebutan harta dan juga sebagainya yang akan terjadi tanpa luar jangkaan. Poligami sangat perlu difahami secara menyeluruh oleh setiap pasangan, terutamanya buat golongan wanita yang mengenai hak-hak mereka tersendiri.

Menurut Norazit Selat, Hashim Awang dan juga Nor Hisham Osman (1997) adalah tentang rumah tangga adalah, suami isteri yang mendirikan rumah tangga akan menempuh pelbagai perkara samada cabaran dan juga kebahagiaan dalam kehidupan rumah tangga. Contohnya konflik yang ketara yang dihadapi oleh para wanita dari dahulu hingga sekarang adalah berpoligami. Keadaan ini akan terus menerus memaksa para wanita untuk membuat keputusan dan pilihan. Walau pada hakikatnya kebanyakan wanita yang tidak menginginkan poligami. Oleh kerana hal ini mempunyai sebahagian besar wanita menolak poligami dan menolak poligami bagi mereka kerana menganggap ianya atas dasar tidak adil untuk wanita. Wanita yang menolak poligami adalah kerana kepercayaan yang diberikan tentang suami mereka akan mengubah fikiran jika poligami diizinkan dalam perkahwinan wanita itu. Perasaan marah wanita terhadap ketidakadilan dan terlibat dalam hal ini meninggalkan kesedaran tentang hakikat golongan wanita yang sentiasa ditindas oleh golongan lelaki ke atas wanita yang lemah (Umar Junus 1984). Imam Majid Al-Aqsa Sheikh Dr Akram Sabri berkata, wanita islam berhak untuk menolak poligami dan tidak berdosa sesekali pun agama islam menghalalkan poligami. Beliau berkata, seorang wanita berhak menuntut syarat ke atas seorang suami supaya tidak berpoligami.

(Puteri pulang masuk istana, Luka
hatinya amat terhina,

Suami akur fitnah pesona,
dituduh curang di Siam sana.)

(*Syair Puteri Saadong*, 2021:50)

Dalam petikan diatas, dipetik dalam teks *Syair 7 Puteri*, syair Puteri Saadong yang menceritakan tentang gambaran dimana berhubung dengan hal poligami berkisah Puteri Saadong dimana peristiwa yang berlaku semasa Puteri Saadong berada di Siam. Puteri Saadong Raja Siam telah mempunyai ramai isteri. Maka dengan itu, Puteri Saadong sungguh-sungguh menolak poligami daripada menjadi isteri baharu Raja Siam. Hal ini bercanggah dari peraturan Islam. Ketika kedatangan Islam, kaum lelaki mempunyai isteri sepuluh ataupun lebih tanpa ada batasan. Lalu Islam mengajar bahawa ada batasan dalam poligami yang tidak boleh dilanggar, yakni diperbolehkan dan diperbataskan empat orang sahaja. Selain itu, poligami dilakukan oleh kerana ketika darurat sahaja. Poligami di dalam islam bukan untuk melampiaskan nafsu semata-mata tanpa batas. Poligami sangat dekat dalam kehidupan Puteri Saadong dimana peristiwa yang berlaku diantara suaminya, menerusi dalam perjalanan Puteri Saadong berangkat pulang dari Siam ke Kelantan. Puteri Saadong berada di Siam dalam tempoh yang sangat panjang dan untuk pulang ke Kelantan juga dalam tempoh yang sangat panjang dan apabila pulang dia mendapati suaminya bersikap tidak jujur dengannya dengan beristeri lain. Baginya ianya satu perkara yang tidak boleh diterima dan satu penindasan terhadap seorang wanita yang sanggup meninggalkan istana bagi menyelamatkan negara dengan harapan janji suaminya tidak mungkiri untuk tidak mengkhianati cintanya.

Puteri Saadong bertindak marah kerana dia memang satu-satunya wanita yang menentang poligami setelah melihat suaminya Raja Abdullah beristeri lain. Puteri Saadong sememangnya enggan bermadu dengan isteri baru Raja Abdullah. Maka dalam kemarahan Puteri Saadong dengan bertindak menikam suaminya Raja Abdullah dengan

cucuk sanggup dan pergi meninggalkan istana dengan kecewanya. Gambaran dari kisah syair Puteri Saadong ini sangat jelas bahawa, setiap wanita mempunyai hak dan keinginan yang tersendiri, dan wanita sangat berhak untuk bersuara dan juga menolak poligami. Emosi yang ditonjolkan oleh Puteri Saadong menunjukkan bahawa seorang wanita yang tidak terkawal sehingga bertindak di luar kawalan. Kebanyakan wanita tidak mudah untuk meluahkan perasaannya melalui lisan dengan mudah sama ada emosi marah, sedih, kecewa mahupun gembira. Salah satu alasan mengapa wanita lebih sensitif terhadap emosi orang sekeliling oleh kerana ada interaksi secara fizikal dan psikologi yang luar biasa istimewanya berbanding lelaki.

Terdapat beberapa kajian bahawa wanita lebih cenderung untuk merasakan emosi yang negatif seperti rasa cepat marah, rasa bersalah, rasa takut, sedih dan juga sebagainya. Emosi yang tidak diurus jaga dengan baik boleh mendorong kepada tekanan perasaan dan juga cepat merasa terganggu mental. Namun masih ada segelintir yang tidak menyedari tentang pengurusan emosi yang baik. Hal ini sangatlah penting untuk menjaga kesihatan mental dan juga fizikal manusia itu. Malah, jika penjagaan emosi yang tidak betul akan menyebabkan seseorang itu lebih cenderung untuk memendam perasaan. Ini dapat dikaitkan dengan teori feminisme yang mana teori ini amat berkait dengan isu poligami. Poligami dengan feminisme merupakan “musuh bersama”. Melalui kisah Puteri Saadong, Ida Ishak telah berjaya menggambarkan keseluruhan cerita ini kepada pembaca dalam Syair ini. Syair Puteri Saadong ini sangat sesuai dengan teori feminisme yang mana mampu mengangkat martabat dan keunggulan wanita daripada menjadi mangsa yang mementingkan darjat.

4.3.1.3 Menginspirasi Dalam Pembebasan Wanita Bebas Dari Kahwin Secara Paksa

Seterusnya, Syair Puteri Saadong menginspirasi kepada masyarakat kini dalam pembebasan wanita dari kahwin secara paksa. Gerakan pembebasan wanita ataupun dipanggil *women's liberation* lahir di Barat oleh kerana kesan dari revolusi industri dan aliran ini telah diperkenalkan di kalangan masyarakat Melayu sebelum Perang Dunia Pertama lagi dan ini dapat dilihat di dalam novel Faridah Hanom. Misalnya, percintaan kasih kemudaan dan lain-lain lagi yang mencatatkan beberapa teguran dan juga kritikan terhadap wanita melayu yang masih dibelenggu dan keterbelakangan. Namun, arus pemodenan sekarang telahpun mengikis beberapa bahagian nilai tradisional wanita Melayu dalam pemupukan cita-cita Islamiyyah. Hal ini menyebabkan arus islamisasi yang kuat, idea-idea emansipasi wanita juga semakin pudar daripada masyarakat Melayu dengan itu mereka menghidupkan nilai-nilai tradisional dan nilai ini diterima oleh sebahagian pendakwah.

Namun, bukan semua pembebasan dan kebebasan wanita dilarang dan juga dihalang oleh agama islam. Tetapi, apa yang dimaksudkan dengan pembebasan itu adalah pembebasan yang melibatkan wanita yang berdasarkan kepada pengukuhan peranan dan juga perkembangan perilaku yang sebenarnya. Pada dekad 1940-an dan 1950-an. Wanita tidak diberikan ruang untuk bersuara dalam memilih pasangan ataupun menentukan calon suami. Hal ini kerana, wanita telah didominasi oleh pengaruh kuasa patriaki yang lebih berkuasa dan memaksa para wanita. Pada gambaran kisah Puteri Saadong pada zaman dahulu dimana kuasa pemerintahan yang lebih berkuasa iaitu kerajaan negeri Siam telah meminta pemerintah di negeri Kelantan yang mana diperintah sendiri oleh Puteri Saadong supaya mengahwini Raja Siam. Tambahan lagi, wanita di negeri Kelantan diarah untuk tunduk dengan kuasa pemerintahan dan akur dengan kerajaan negeri Siam.

Penolakan perkahwinan Raja Siam dari Puteri Saadong memang kelihatan agak tidak sopan dan menjatuhkan air muka Raja Siam dan juga kerajaan Siam walaupun Siam lebih berkuasa. Siti Meriam Yaacob (2010), mengatakan bahawa jika seorang wanita itu tidak menyukai dengan lelaki yang mahu menikahiya, pernikahan seperti itu haruslah dibatalkan. Jelaslah jika dilihat dari perspektif zaman dahulu wanita telah didominasi oleh kuasa yang ada dimana wanita tidak mempunyai hak ke atas dirinya walaupun ianya telah diperuntukkan oleh agama Islam sendiri. Menurut Siti Meriam Yaacob (2010), Islam tidak pernah menzalimi kaum wanita dan para isteri juga dibenarkan untuk menidakkan dan membuang ikatan itu perkahwinan itu dengan cara tebus talak (khuluk), yang mana ianya telah termaktub dalam Seksyen 6 Undangundang No.25 Tahun 1929 iaitu jika seseorang isteri telah mendapati suami menganiaya kepadanya dengan cara yang tidak dapat orang ramai yang setaraf dengan mereka yang dapat hidup dengan mereka sebagai sepasang suami dan juga isteri. Wanita boleh memohon untuk penceraian daripada kadi. Kadi berperanan boleh memberikan penceraian yang putus, jika dakwaan yang didatangkan dengan bukti dan tidak ada kedamaian yang akan wujud diantara pasangan suami isteri.

(Raja Abdullah pilihan jitu,
gilang gemilang majlis bersatu,
sudah diakad jadi menantu,
Raja Siam semakin meradang,
menjolok mata apa dipandang,
tabuhan perang sudah
digendang, askar berpencak
bersilat pedang.)

(*Syair Puteri Saadong*, 2021:45)

Petikan di atas yang diambil dalam teks *Syair 7 Puteri* mengenai Puteri Saadong, yang memilih Raja Abdullah sebagai calon suami dan menolak pinangan Raja Siam yang berniat untuk mengahwini Puteri Saadong. Menurut Zalila Sharif (2003), menjelaskan bahawa kahwinilah dengan wanita Asia jika mahu dilayan seperti raja. Dengan itu, tindakan Raja Siam yang berkeinginan berkahwin dengan Puteri Saadong oleh kerana hendak memenuhi nafsu berahinya dengan melihat kecantikan Puteri Saadong dan semestinya ingin mendapat layanan seperti raja. Akan tetapi penolakan Puteri Saadong telah menunjukkan bahawa Puteri Saadong berhak memilih calon suaminya yang baik. Rasa malu Raja Siam apabila peminangannya ditolak oleh ibu angkat Puteri Saadong iaitu Cik Siti Wan Kembang dan menyebabkan telah menjatuhkan maruah dan kewibawaan Raja Siam yang mempunyai kuasa yang besar di kerajaan negeri.

Raja Siam juga menghantar angkatan kekuatan tenteranya ke Kota Jelasin. Panglima Siam yang mengadap Sultan Abdullah dan meminta baginda menyerahkan isterinya iaitu Puteri Saadong untuk dibawa ke Siam. Disebabkan kedegilan Raja Abdullah yang tidak mahu menyerahkan Puteri Saadong ke Raja Siam, lalu angkatan tentera Siam bertindak dengan menyerang Kota Jelasin. Pertempuran yang berlaku itu menyebabkan kehancuran dan kemenangan telah jatuh ke tangan Siam. Di Kota Mahligai, Sultan Abdullah telahpun berbincang dengan Puteri Saadong tentang kemahuan Raja Siam dan memikirkan kesan ke atas Kota Jelasin dan juga rakyat.

Keputusan dibuat oleh Puteri Saadong untuk bersetuju ke Siam dengan syarat Raja Abdullah hendaklah menantikan kepulangnya. Dalam teori Feminisme jelaslah bahawa watak yang terserlah dari Puteri Saadong menunjukkan wanita berhak untuk memilih calon suaminya tanpa dipaksa. Paksaan yang dilakukan akan menyebabkan emosi dan fizikal seseorang akan terkesan. Penulis Ida Ishak juga menulis *Syair* ini atas dasar citra wanita, yang mana wanita bukan sahaja perlu melanjutkan pelajaran hingga

ke peringkat tertinggi, berhias dan juga berketerampilan, namun perlu mengetahui hak-hak terutamanya dalam perundangan Islam. Jelaslah, syair Puteri Saadong ini memberi inspirasi kepada masyarakat melalui pengkisahan Puteri Saadong yang sebenarnya.

4.3.2 Tun Fatimah

4.3.2.1 Menginspirasi Kepimpinan Dalam Mentadbir Kerajaan

Tun Fatimah adalah serikandi yang hidup pada abad ke-16 dan merupakan anak perempuan Tun Mutahir iaitu seorang bendahara Kesultanan Melaka. Jika sekarang kita mempunyai Perdana Menteri namun pada zaman dahulu digelar sebagai bendahara. Tun Fatimah sangat hebat dan penuh dengan kepimpinan oleh kerana Tun Fatimah merupakan seorang permaisuri yang telah banyak berkorban pada negara. Selain itu, Tun Fatimah yang sangat terkenal dengan mempunyai sikap yang sangat berani. Keberanian dan kekuatan Tun Fatimah tidak dapat dinafikan. Sikapnya yang tidak pernah mengalah, semangatnya pantang menyerah kalah. Disamping Tun Fatimah yang sangat setia akan suaminya sepanjang hayat telah banyak menjadikan pengajaran kepada masyarakat dari dulu sehingga kini. Kisah yang digambarkan di teks *Syair 7 Puteri* ini menceritakan keutamaan Tun Fatimah baik dari segi keperibadiannya sebagai seorang isteri, seorang pewira negara dan serikandi yang mampu menjadikan inspirasi kepada golongan wanita terutamanya. Tun Fatimah digelar seorang permaisuri yang digambarkan perempuan Melayu yang memimpin rakyatnya dengan penuh berkarisma.

Dikhabarkan orang Portugis lebih takut akan Permaisuri Melaka ini berbanding dengan suaminya Sultan Muhammad Shah yang mana merupakan pemerintah di Melaka. Tun Fatimah memiliki keterampilan yang handal dalam menggunakan senjata, terutamanya keris. Konsep politik berhubung dengan makna kuasa dalam pentadbiran

dan juga pemerintahan. Dengan itu, dalam usaha kerjasama dalam mempertahankan kuasa maka terbinalah ideologi dan juga aktiviti-aktiviti yang menyifatkan ke arah tujuan dan mencapai matlamat visi dan misi. Namun, sering kali berlaku kesalahfahaman ataupun isu-isu konflik yang terjadi antara individu dan kelompok masyarakat yang mana masing-masing untuk berusaha mempertahankan pendapat dan juga mempertahankan kuasa masing-masing. Hashim Osman, Norazit Selat dan juga Nor Hisham (1997:187) dalam kelompok lapangan dunia politik yang mana ditetapkan dalam Islam adalah memberikan kesempatan kepada golongan wanita bagi melibatkan diri dalam dunia politik yang sesuai dengan kesempatan mahupun kemampuan seorang wanita. Oleh itu juga, di dalam al-Quran turut menceritakan tentang dimana seorang wanita yang telah menjadi seorang pemimpin wanita iaitu seorang Raja di negeri Saba'. Wanita itu bernama ratu Balkis. Ratu tersebut merupakan seorang Ratu Sjaratuddur dari mesir. Kepimpinannya membuktikan seorang wanita yang mampu dan pandai dalam memimpin dan mengatur negara iaitu Lembah Sungai Nil. Dengan itu, jelas membuktikan bahawa dalam Islam juga turut memberikan tempat kepada golongan wanita untuk bergiat dalam bidang politik bersesuaian dengan konsep aturan Islam yang sebenar.

(Tun Fatimah puteri jelita,
jadi lagenda diri wanita,
tabah berani semangat meta,
dugaan hidup sebab derita.)

(Syair Tun Fatimah, 2021:30)

(Sepunya Tun Busu dan Lela

Sari,

suka bersilat setiap hari,
menerap ilmu pertahan diri, demi
menjaga akan negeri.)

(Syair Tun Fatimah, 2021: 31)

Dalam petikan syair di atas menggambarkan tentang kisah Tun Fatimah yang mana menunjukkan keberanian dan ketokohan dalam memimpin kerajaan negeri demi kesejahteraan rakyat dan tanah air. Tun Fatimah adalah pemimpin negara dan juga pencipta sebuah sejarah negeri Melaka menerusi peristiwa serangan dari Portugis secara besar besaran bagi menakluk kerajaan Melaka pada abad ke-16, namun bagaimanapun bangsa Melayu tanah air di melaka kalah perang dengan tentera Portugis. Sehubungan dengan itu, kepimpinan yang ditonjolkan oleh baginda ditonjolkan apabila Sultan Muhammad Shah mengangkat Tun Fatimah sebagai isteri sekaligus menjadi permaisuri Sultan. Wanita Melayu yang diangkat sebagai seorang pemimpin Negara. Misalnya, Puteri Saadong dan Cik Siti Wan Kembang pemerintah wanita yang memerintah negeri Kelantan pada satu zaman dahulu. Kejadian yang menimpa terhadap seluruh ahli keluarga Tun Fatimah, menjadikan beliau bangkit menentang Sultan Melaka. Namun atas dasar ingin menebus kesalahan dan juga rasa kasih akan Tun Fatimah menyebabkan Sultan Melaka menjadikan Tun Fatimah seorang permaisuri, dan permintaan itu ditunaikan oleh kerana nasihat dari Tun Busu. Nasihat yang diterima oleh orang sekeliling amat penting dalam menyelesaikan masalah yang timbul dalam kelompok keluarga.

Selain itu, susunan politik yang ada dalam kalangan masyarakat Melayu Tradisional boleh diasingkan dan dipisahkan antara golongan pemerintah dengan diperintah. Namun kebiasaanya, kedudukan akan ditentukan secara kuasa pewaris yang sedia ada ataupun keturunan. Bagi mengimbangkan kedudukan itu, biasanya golongan pemerintah akan membina ideologi. Tambahan lagi, dengan adanya pembinaan *world view* tentang kuasa juga memainkan peranan yang sangat penting dalam mengukuhkan kedudukan golongan pemerintah. Keturunan Tun Fatimah juga dikhabarkan mempunyai kekuatan, kekuasaan dan keistimewaan yang tersendiri. Pelantikkan Tun Fatimah sebagai

pemimpin negeri melaka iaitu permaisuri Melaka, merupakan pemimpin wanita yang bijaksana dalam menguruskan pentadbiran negeri Melaka. Dilihat dalam hal ini dikaitkan juga dengan teori feminisme, yang mana golongan wanita juga sekata dengan hak-hak yang dimiliki. Kehadiran golongan wanita sangat penting dalam bergiat dalam politik. Pemimpin dalam kalangan golongan wanita akan meningkatkan perhatian masyarakat dan memberikan satu inisiatif inovasi dan inovatif terhadap cabaran dan masalah sosial dan sebagainya. Jelaslah, kepimpinan yang ditonjolkan oleh Tun Fatimah dapat dijadikan inspirasi kepada masyarakat wanita kini bahawa golongan wanita menjadi kepentingan dalam bidang pentadbiran dalam kerajaan pada masa kini dan akan datang.

4.3.2.2 Menginspirasi Dalam Memperjuangkan Negara

Dalam pada itu, ketauladanan yang dapat dijadikan inspirasi kepada masyarakat kini melalui pengkisahan serikandi Tun Fatimah adalah menginspirasi dalam memperjuangkan negara. Jika dilihat dari sudut pandangan sejarah, nama-nama wanita iaitu Cik Siti Wan Kembang pemimpin Kelantan, Dang Anum dari Johor, Puteri Limau Purut di Perak, Puteri Adruja di Kelantan yang berjaya membuktikan peribahasa ‘tangan yang menghayun buaian mampu menggocang dunia’ yang mana menifestasi betapa seorang wanita merupakan salah satu elemen dan entiti yang penting. Nama-nama serikandi tersebut merupakan seorang yang sangat dekat di hati masyarakat dahulu sehingga kini. Wanita juga merupakan entiti peradaban yang penting dalam melahirkan generasi yang progresif, pintar dan juga bijaksana. Sejarah Tun Fatimah, merupakan sejarah melaka yang turut mencatat kisah serikandi yang hebat meskipun kisah-kisah mereka dicorakkan dengan kisah cinta mereka, namun semangat mereka dalam memperjuangkan tanah air demi keadilan lebih besar dan penting.

Dalam Kamus Dewan (1996:545), konsep istilah perjuangan, yang berasal daripada kata akar iaitu 'juang', yang mana istilah ini bermaksud tentang berjuang untuk mencapai ataupun mempertahankan sesuatu. Perjuangan merupakan sesuatu yang harus dituntut dengan sebuah pengorbanan yang tinggi daripada para pejuang. Perjuangan memerlukan untuk mengorbankan masa, tenaga, keselesaan dan ada masanya nyawa mereka digadai semata-mata untuk memerdekakan tanah air. Kisah Tun Fatimah yang telah membuka mata masyarakat kini bahawa seorang wanita yang hebat dan penuh dengan keberanian dalam menentang penjajah. Keteguhan dan kekukuhan sikap serta semangat yang ditonjolkan oleh Tun Fatimah bersama suaminya Sultan Mahmud Syah yang berani memperjuangkan tanah air demi keamanan tanah kerajaan negeri Melaka. Dikhabarkan juga, Tun Fatimah pernah berlawan dengan orang Portugis ketika dalam perjalanan. Tun Fatimah mampu berlawan dengan Portugis menggunakan kebolehan pandai bermain keris. Kebolehan mempertahankan diri yang ada dapat dijadikan inspirasi pada kaum wanita pada masa kini. Yoga Rohatama, Akhmad Muradlo, dan

Dahri (2018), membuat kajian yang berkaitan tajuk 'Perjuangan Tokoh Utama dalam Novel Pelabuhan Terakhir. Kajian ini berkaitan dengan teori feminisme liberal yang mana meneliti aspek deskripsi fakta sesebuah kisah, bentuk keadilan antara lelaki dan perempuan dan perjuangan tokoh utama bagi mendapatkan hak kebebasan seorang wanita. Teori feminisme yang dapat dilihat dalam kisah Tun Fatimah yang mementingkan dan menonjolkan bahawa seorang wanita bukan sahaja patut berada di bawah namun mampu untuk menegakkan hak kebebasan wanita.

(Tun Fatimah permaisuri Sultan,
gelaran 'Tun Kudu' bagaikan
intan,
tanda kasih dan penghormatan,
lambang jasanya kepada watan.

Tun Fatimah berjiwa kersani,
tabah ujian hati berani,

walau menangis sabar nurani,
asa dikongsi wanita kini.)

(*Syair Tun Fatimah*, 2021:38)

Petikan diatas merujuk teks *Syair 7 puteri* dalam syair yang keempat berkenaan kisah Tun Fatimah. Syair ini bermaksud, kesungguhan dan ketabahan yang dihadapi oleh serikandi Tun Fatimah. Tun Fatimah yang kehilangan seluruh ahli keluarganya oleh kerana fitnah dan keberanian sehingga digelar ‘Cik Puan Sri Kampar’ seorang pahlawan wanita yang handal. Walaupun kisah perjuangan catatan bertulis Tun Fatimah dan suaminya hampir tidak ditemui, namun keagungannya diabadikan sehingga kini, contohnya di dalam pantun dan juga syair yang ada sekarang ini. Tambahan lagi dijadikan perbualan orang ramai demi membangkitkan semangat perjuangan orang melayu dan sebagainya. Dengan kisah ini masyarakat bukan sahaja dapat mengenang jasa beliau dan mengangkat maruah dan martabat melayu, namun dapat dijadikan tauladan dan juga inspirasi kepada masyarakat kini terutamanya kaum wanita.

4.3.3 Darmatasi’ah

4.3.3.1 Menginspirasi Menjadi Isteri Solehah: Taat Pada Suami

Hikayat seorang wanita iaitu Darmatasi’ah sangat berlainan dengan hikayat-hikayat yang lain. Kisah yang diceritakan oleh orang melayu pada zaman dahulu bertujuan memberi contoh yang baik sebagai seorang wanita yang bergelar isteri, ibu yang solehah dan hebat. Kisah ini dikatakan lahir dalam kalangan golongan kerana darjat kesalihan seorang wanita itu sangat tinggi bagi orang melayu Islam yang biasa. Darmatasi’ah sangat taat setia pada suaminya sehingga sanggup melakukan apa sahaja demi kebahagiaan dan kesejahteraan suaminya. Wanita pada masa kini, banyak menghadapi pelbagai cabaran dalam memikul tanggungjawab dan bebanan sebagai seorang wanita, isteri solehah dan

juga seorang ibu. Namun, biasanya, orang sekeliling yang sentiasa mengharapkan seorang wanita itu mempunyai ciri-ciri wanita solehah dan mithali, terutamanya golongan lelaki yang mengharapkan akan pasangan hidup mereka yang sempurna dan adanya ciri tersebut. Hal ini perlu seorang wanita untuk mempunyai sikap sebegini.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), mithali bermaksud seorang yang harus dicontohi ataupun diteladani. Isteri yang menonjolkan nilai-nilai moral, yang baik. Contohnya isteri ideal ataupun isteri solehah, yang mana seorang isteri melayani suami dengan baik dan mesra, menjaga makan minum suami dengan baik, menjaga pakaian hariannya dan mengerjakan urusan rumah-rumah seperti mengemas, serta taat patuh akan suami. Taat setia yang memberi maksud di mana seorang isteri sentiasa taat pada suami dan mengerjakan sesuatu yang disuruh oleh suami. Taat setia juga membawa maksud seorang isteri yang tidak kurang sedikitpun sayang terhadap suami dan sentiasa ingat akan suaminya tanpa memikirkan tentang orang lelaki lain selain suaminya. KIT (Kelab Isteri Setia) ditubuhkan di Malaysia pada tahun 2011 bulan Jun. Kelab ini diketuai oleh bekas pengikut Al-Arqam yang mana ianya diharamkan di Malaysia dan sekitar negara yang lain. Menurut Kazim Elias (2015), wanita solehah adalah wanita yang beragama, berketurunan yang baik, berharta serta mempunyai rupa paras yang cantik.

(Suci hatinya sukar selami,
taat setia kasih bersemi, baik
budinya batas tanami, Sheikh
Bil-Makhruf akan suami.
Ampun tuanku dosanya daku

Darmatsi'ah berperilaku,
Ujarnya lembut sambil teleku,
Membasuh kaki menunduk kaku.)

(*Syair Darmatasi'ah*, 2021:18)

Syair di atas menggambarkan sikap yang ada pada Darmatasia'ah yang akur pada suaminya. Kasihnya terhadap suaminya mencurah setiap hari. Setiap kali suaminya pulang ke rumah, Darmatasi'ah sentiasa mencuci kaki suaminya sebelum menyiapkan hidangan makanan. Tambahan lagi dirinya sentiasa memohon kemaafan dari Sheikh BilMakhruf walaupun sepanjang hari tersebut dirinya tidak melakukan apa-apa dosa sekalipun terhadap suaminya itu. Sehingga pada satu ketika, sedang suaminya menikmati makanan hidangan darinya, pelita yang di pasang tidak bernyala, lalu dengan pantas Darmatasi'ah memotong tujuh helai rambutnya untuk dijadikan sebagai sumbu pelita tanpa memberitahu suaminya. Oleh kerana perkara ini diketahui oleh Sheikh, Darmatasi'ah dimarahi dan dihalau keluar oleh suaminya kerana mengangap menderhaka. Namun, kesetiaannya terserlah apabila dimana Darmatasi'ah dihalau dari rumah namun beliau berusaha merayu untuk tidak menghalaunya dari rumah kerana perbuatannya itu tanda beliau taat dan patuh pada suaminya. Jelaslah kisah ini, menunjukkan tauladan dan inspirasi kepada masyarakat wanita, isteri pada zaman kini untuk taat setia kepada suami walau apa rintangan yang terjadi selagi ianya tidak bertentangan dengan ajaran islam.

4.3.3.2 Menginspirasi Menjadi Wanita Solehah: Taat Kasih Pada Allah

Seterusnya, menjadi wanita ataupun isteri yang solehah taat kasih pada Allah juga merupakan tauladan yang diambil dalam syair Darmatasi'ah ini. Menurut Kazim Elias (2011), seorang isteri yang taat pada suami adalah merupakan satu kewajiban dan ianya adalah kewajiban yang lebih penting dari kewajiban yang lain dan wajib didahulukan dari hal yang lain. Kedudukan seorang wanita dalam islam tidak boleh diambil mudah. Golongan wanita memiliki sifat kelembutan, kesabaran dan kasih sayang yang diperlukan apabila di alam perkahwinan. Untuk menjadi wanita yang solehah bukan sesuatu perkara yang mudah. Taat kepada suami bukan satu ciri-ciri yang lengkap untuk menjadi isteri

solehah. Namun yang menjadi keutamaan adalah, seorang wanita wajib taat pada perintah Allah S.W.T dan Rasul. Wanita yang solehah akan sentiasa melaksanakan perintah Allah S.W.T. Wanita solehah akan sentiasa berusaha untuk mengerjakan solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadhan, membaca al-Quran, menunaikan zakat dan haji serta bersedekah dan sebagainya. Sikap Darmatasyah yang digambarkan dalam syair ini menunjukkan bahawa ciri-ciri wanita solehah terhadap suaminya.

Kewajipan utama wanita solehah, adalah untuk sentiasa mengabdikan diri dan menyembahkan diri hanya kepada penciptanya. Wanita yang soleh akan sentiasa taat dan bertakwa kepada Allah S.W.T dengan melakukan perintah dan meninggalkan larangannya. Menutup aurat adalah perkara yang wajib. Hukum menutup aurat bagi seorang perempuan yang baligh dan berakal adalah wajib. Hal ini kerana, ingin mendapat keredhaan Allah S.W.T adalah tujuan utama hidup sebagai manusia. Dalam aspek teori yang diaplikasikan dalam kajian ini, iaitu teori feminisme amat dekat dengan hal yang berkaitan dengan wanita. Islam dari dahulu meletakkan wanita dalam kedudukan yang seiring dengan lelaki. Jika dilihat dalam banyak ayat-ayat al-Quran yang menyebut tentang wanita dan lelaki yang mana satu-satunya ayat yang menyatakan Islam tidak pernah mendiskriminasi golongan wanita. Namun, malang sekali ada segelintir pihak mendiskriminasi wanita dengan menggunakan nama, sedangkan Islam telah menetapkan kedudukan dan juga hak wanita yang sebetulnya. Ketaqwaan seseorang wanita membezakan segalanya.

(Ke dalam hutan membawa diri,
melangkah kaki hindari duri,
lapar dahaga tidak terperi, juga
terselit takut dan ngeri.

Kepada Allah dia munjat,
mengadu nasib telah tersejat,
memohon ampun dosa yang
bejat, agar tertunai apa dihajat.

Semasa hendak sembahyang
Asar, resah hatinya mula
menggusar, terlalu risau tujuan
sasar, tidak sempurna semua
gasar.)

(*Syair Darmatasi'ah*, 2021: 22)

Petikan syair di atas menggambarkan, perjalanan yang dilalui oleh Darmatasi'ah setelah dihalau oleh suaminya Sheikh Bil-Makhruf dari rumah oleh kerana kesilapannya yang hanya tidak memberitahu kepada suaminya beliau memotong tujuh helai rambutnya oleh kerana bertujuan ingin berbakti kepada suami. Ketika beliau dihalau oleh kedua orang tuanya juga dalam keadaan lapar dan dahaga, beliau meneruskan juga perjalanannya sambil berdoa mengadu kepada Allah S.W.T dan memohon petunjuk akan kebenaran terhadap masalah yang dihadapinya. Dalam pada itu, Darmatasi'ah berjalan menuju ke dalam hutan dan mencari sumber air untuk berwudhuk menunaikan solat asar. Darmatasi'ah yang dalam kesusahan tidak putus berdoa dan mengingati Allah S.W.T. Beliau sentiasa meletakkan keyakinan bahawa di setiap doa yang diminta kepadaNya tidak akan ditolak. Pada ketika itu Allah mengabulkan doa beliau dan menurunkan malaikat jibrail untuk memberi pakaian yang cantik dan menyapu muka beliau agar kelihatan bercahaya dan berseri-seri. Dengan itu jelaslah hikayat kisah Darmatasi'ah banyak memberi mesej bahawa apabila seorang manusia itu sentiasa berdoa meminta keampunan dari Allah S.W.T mereka akan diangkat dan sentiasa diberkatiNya. Dengan melalui kisah ini, dapat dijadikan inspirasi kepada wanita pada masa kini agar sentiasa taat kepada penciptaNya dan sentiasa berusaha untuk menjadi wanita yang soleh taat kepada Allah dan RasulNya.

4.3.4 Walinong Sari

4.3.4.1 Menginspirasi Dalam Mempunyai Seni Mempertahankan Diri

Walinong Sari seorang puteri kelahiran Negeri Inderapura iaitu negeri Pahang. Seorang wanita yang sangat handal dalam dunia persilatan, bermain senjata bahkan cantik jelita. Keberanian yang tiada tandingan sehinggakan tiada seorang pun lelaki yang mampu mengalahkannya. Seni mempertahankan diri sangat penting bagi kalangan wanita terutamanya di zaman era moden kini. Wanita sering kali dijadikan satu sasaran oleh mereka yang tidak bertanggungjawab bahkan tidak dikenali. Hakikatnya, golongan wanita seringkali dianggap lemah dan tidak mampu berbuat apa-apa yang hanya mengharapkan lelaki dalam apa jua keadaan. Golongan wanita juga dianggap tidak perlu belajar sehingga ke peringkat yang paling tinggi kerana akan tetap berada dirumah sahaja. Persepsi negatif ini kini tidak lagi diguna pakai sehingga kini sejak munculnya dan berlakunya emansipasi wanita menuntut hak-hak wanita yang setanding dengan golongan lelaki. Wanita kini berpendapat bahawa golongan mereka mampu melakukan hal-hal yang dilakukan oleh lelaki. Walaubagaimanapun, untuk menuntut hak-hak yang sama dengan golongan lelaki, akan terhalang oleh pandangan masyarakat pada zaman dahulu dan juga agama terutamanya. Wanita mestilah terus berjuang demi merialisasikannya. Contohnya dengan mempelajari ilmu seni mempertahankan diri bagi melindungi diri mereka yang dianggap lemah dari berlaku perkara yang membahayakan diri mereka. Walinong Sari merupakan seorang yang pandai dan handal bersilat. Silat adalah merupakan satu ilmu bela diri yang wajib dipelajari dan dimiliki oleh anak bangsa demi membela agama sendiri. Silat adalah seni bela diri yang terkenal di Nusantara terutamanya di Kepulauan Melayu iaitu di Malaysia, Indonesia, Brunei serta Singapura. Menurut Abd. Rahman Ismail (2009), seni silat melayu adalah merupakan warisan silam yang gemilang sejak zaman dahulu sehingga kini. Bangsa Melayu berhak untuk

berbangga dengan seni silat yang telah dinyatakan bahawa silat adalah hak mutlak asli kepunyaan bangsa Melayu.

(Wajah jelita amat rupawan, siapa
pandang pasti tertawan, pandai
bersilat lagak pahlawan, hatinya
lembut sifat dermawan.)

(*Syair Walinong Sari*, 2021:10)

Petikan syair di atas bermaksud tentang kisah Walinong Sari, yang mana bukan sahaja cantik jelita, namun bukan calang-calang orang pandai bermain silat. Seheinggakan ayahdanya menetapkan sesiapa dari golongan lelaki yang mampu mengalahkan Puterinya maka akan dikahwinkan dengan anaknya Walinong Sari. Namun tiada siapa yang mampu berlawan dengannya sehingga seorang Raja yang handal bersilat dapat mengalahkan Puteri Walinong Sari. Tambahan lagi, puteri tersebut sudah jatuh hati pada Raja Mambang Segara. Jelaslah, bahawa betapa penting ilmu seni bela diri terhadap wanita. Jika dilihat mengikut teori feminisme, wanita yang dianggap lemah dan tidak berdaya tidak mampu berbuat apa-apa. Teori ini sangat menekankan tentang penting serorang wanita untuk mempertahankan diri dan hak-hak tersendiri. Contohnya, isu ragut, rogol dan bunuh yang seringkali terpapar di muka-muka akhbar negara. Oleh itu bagi mengelakkan hal ini terjadi, diwajibkan kaum wanita terutamanya mempelajari ilmu seni bela diri seperti ilmu persilatan. Jelaslah bahawa, syair yang mengkisahkan tentang Puteri Walinong Sari merupakan satu tauladan yang dapat dijadikan inspirasi kepada masyarakat dan wanita diluar sana.

4.3.4.2 Menginspirasi Dalam Mempertahankan Maruah Dan Harga Diri Wanita

Dalam pada itu, Syair Walinong Sari juga dapat menginspirasi kepada masyarakat dari golongan wanita dalam mempertahankan maruah dan harga diri sebagai seorang wanita. Maruah merupakan satu nilai kebaikan ataupun kemuliaan diri atau lebih tepat

kehormatan diri wajib ada pada setiap orang ataupun sesuatu kumpulan bangsa. Maruah adalah melambangkan dan juga menentukan harga diri seseorang itu. Masyarakat melayu amat menitik beratkan tentang maruah dan juga menjaga nama baik orang tua ataupun ibu bapa. Kehormatan islam di dalam islam amat tinggi kedudukannya. Sebelum kedatangan islam, wanita menjadi kelas kedua di setiap tamadun. Harga diri menurut Rosenberg (1965), harga diri adalah sikap yang ada pada seseorang itu sama ada ianya baik dari segi positif ataupun dari segi negatif.

Selain daripada perbuatan yang dilakukan oleh anak-anak yang menyebabkan ibu bapanya malu boleh membawa kesan yang memberi impak yang tidak baik kepada diri mereka. Kebiasaanya, tradisi orang melayu sangat menitikberatkan dan selalu mengingatkan anak-anak supaya sentiasa menjaga diri dan nama baik terutamanya nama baik orang tua mereka. Kesilapan yang dilakukan oleh anak-anak secara tidak sedar akan mencemarkan dan menjejaskan nama baik orang tua. Dengan ini, orang sekeliling akan melihat para ibu bapa gagal dalam menjaga dan mendidik anak-anak. Menjaga maruah dan air muka ibu bapa sangat penting dalam konteks ini walaupun dalam keadaan dekat ataupun jauh dari mereka. Hal ini tercetus apabila, anak-anak tidak menjaga maruah kedua orang tuanya akan memberi kesan kepada ibu bapa iaitu orang tua akan mendapat malu kepada mereka dan dipercayai hidup mereka tidak akan mendapat berkat dari Allah S.W.T. Hal ini banyak memberi impak kepada keluarga terutama ibu dan bapa. Contohnya seorang anak perempuan itu mengandung tanpa seorang suami dan ini akan mendatangkan kesan yang amat berat. Natiujahnya, kedua orang tua berasa amat malu di atas perbuatan anak mereka. Ada juga isu apabila kejadian ini berlaku, sesetengah ibu bapa tidak akan mengaku itu adalah perbuatan dari anaknya sendiri dan anak yang melakukan kesalahan itu kemungkinan akan dibuang dari keluarga.

Tambahan lagi, anak-anak yang melakukan hal ini akan bertindak keluar dari rumah ibu bapa mereka membawa diri kerana tidak ingin melibatkan maruah ibu bapanya. Wanita atau perempuan yang sudah tidak mempunyai maruah dan harga diri dan tidak mahu menjaganya akan dipandang rendah oleh masyarakat sekeliling. Apabila perasaan malu ada, selalunya ianya akan berkait dengan maruah dan juga harga dirinya. Dengan itu, seorang manusia wajib mempunyai rasa tanggungjawabnya untuk menjaga maruah dirinya agar tidak menjadi buah mulut orang sekeliling terutamanya orang kampung yang berdekatan dan menjadi bahan umpatan orang ramai. Dengan menjaga maruah harga diri itu, dapat mengekalkan kedudukan dirinya pada tempat yang sepatutnya. Berdasarkan petikan di bawah, menunjukkan petikan dari teks *Syair 7 Puteri* melalui syair Walinong Sari:

(Walinong Sari sangatlah hebat,
sebalik cindai rambutnya lebat,
auratnya diri habis dibebat,
lawanya kalah bagai dihambat.,

Tidak seorang mampu
kalahkan,

Walinong Sari gagahnya sakan, anaknya
raja lawannya bukan,
tiada satu yang tercalonkan.)

(*Syair Walinong Sari*, 2021:11)

Berkisarkan cerita Walinong Sari, berdasarkan syair yang ada di petikan atas, menunjukkan tentang gambaran dimana personaliti yang ada pada Walinong Sari yang sentiasa menjaga maruah dan harga dirinya sebagai seorang puteri. Walinong Sari sedar akan kepentingan menjaga maruah dan harga diri ketika Walinong Sari berada di luar istana dan ketika dia sedang bertarung kekuatannya dengan sesiapa yang ingin bertarung dengannya. Walinong Sari terkenal dengan sikapnya yang sentiasa menjaga maruah harga dirinya dengan bertudung menutupi wajahnya demi menjaga maruah seorang puteri melayu. Walinong Sari berusaha menjaga maruah harga dirinya dengan sebaik

mungkin kerana ia merupakan sebahagian daripada harga diri yang harus dijaga sebagai seorang wanita melayu, anak kepada seorang pemimpin negeri Inderapura. Sehubungan dengan itu, dalam menentukan harga diri maka kesedaran Walinong Sari selalunya berkait rapat dengan kedudukan sosial sebagai seorang Puteri anak kepada seorang pemimpin anak kepada Bendahara Paduka Raja. Dengan kedudukan sosial yang semakin tinggi, kesedaran Puteri Walinong Sari semakin tinggi dalam hal-hal menjaga maruah diri dan harga dirinya dalam kehidupan bermasyarakat di Inderapura yang mengamalkan sistem pentadbiran islam. Dengan itu, jelaslah bahawa, personaliti yang ada pada Puteri Walinong Sari dapat dijadikan contoh tauladan dan inspirasi kepada masyarakat diluar sana agar sentiasa berusaha mempertahankan maruah dan harga diri sebagai seorang wanita walaubagaiman keadaan sekalipun.

4.3.5 Raden Mas Ayu

4.3.5.1 Penentangan Seksual: Mempunyai Kebebasan Penolakan

Penggunaan bahasa gangguan seksual antara lelaki dan perempuan merupakan satu tingkat laku yang tidak dapat diterima sama sekali. Perbuatan ini akan dianggap sangatlah rendah dan juga buruk di mata masyarakat. Perbuatan seorang lelaki yang tidak mempunyai ikatan yang sah dengan seorang wanita dengan mengajak untuk bersetubuh merupakan perbuatan yang sangat jijik. Selain itu, perbuatan dengan mencarut di hadapan seorang wanita iaitu dengan mengeluarkan perkataan yang kesat dan kotor juga merupakan perbuatan yang jijik dan tidak bermoral. Menurut Zalila Sharif (2003), seorang wanita sentiasa dianggap simbol seks dengan gaya untk menggoda para lelaki. Gangguan seksusal adalah merujuk kepada sesuatu yang dapat disentuh ataupun dilihat secara sengaja ataupun dilihat dengan benda, manakala seks bermaksud keinginan syahwat (Siti Meriam Yacoob, 2010). Dengan itu, wanita seringkali dianggap tidak

mempunyai nilai yang tinggi dan menganggap wanita sebagai alat atau jenis barangan yang diperlukan untuk memenuhi nafsu syahwat semata-mata. Peranan wanita juga seringkali juga disalahertikan dalam kehidupan masyarakat diluar sana bahawa wanita hanya sebagai alat mekepaskan nafsu syahwat kepada lelaki semata-mata. Wanita yang memiliki tubuh dan wajah yang cantik dan menawan menjadi tarikan utama dan bukanlah dengan gaya intelek dan budi pekerti yang menjadi tumpuan. Dengan itu, objek seks merupakan merujuk kepada pelakuan seksual yang dilakukan secara paksa dan diluar kerelaan wanita itu sendiri (Ungku Maimunah tahir, 2012).

Dalam konteks ini, lelaki tidak boleh sering menyalahkan wanita sebagai objek penggoda dan hal ini tidak boleh dibiarkan terjadi kerana ianya akan memusnahkan kehidupan wanita. Dengan ini akan mengakibatkan seorang wanita itu kecewa, putus asa dan impian yang diimpikan oleh setiap wanita. Oleh itu, wanita yang sering disalahertikan dengan meletakkan dan melabelkan wanita sebagai pelacur, suri rumah dan juga peranan yang lain yang mempunyai hubungan sangat rapat dengan biologi tanpa melihat jasa dan sumbangan yang lebih besar oleh para wanita. Dengan itu, seorang wanita hendaklah menitikberatkan perasaan malu pada diri, dengan ini dapat mengelakkan lelaki melabelkan wanita seorang yang penuh dengan harga diri yang tinggi. Perasaan malu, biasanya dapat diertikan dengan maruah dan juga harga diri.

Kehidupan masyarakat melayu sangat mementingkan hal ini, terutamanya penduduk kampung yang lebih rapat hubungan sosialnya. Selain daripada anggota masyarakat yang lain saling mengambil tahu antara satu sama lain. Dengan itu, setiap orang sangat menyedari akan maruah dan harga diri sendiri. Jika dilihat dalam petikan syair di bawah tentang Raden Mas Ayu, dalam teks *Syair 7 Puteri*, penulis menggambarkan tentang Raden Mas Ayu yang mempunyai sifat yang pemalu:

(Akhir bertemu dengan Mas Ayu,
gadis penari termalu layu,
penangan cinta mendayu-dayu, menyulam
kasih selembut bayu.)

(*Syair Raden Mas Ayu*, 2021:65)

Berdasarkan petikan ini, menunjukkan sifat malu dalam diri Raden Mas Ayu. Salah satu ciri kemuliaan seorang wanita adalah mempunyai malu yang sangat menebal dalam dirinya. Malu sangat berharga di sisi Allah kerana sifat ini sangat berharga dan mahal bagi merealisasikan sifat malu dalam diri, terutamanya pada golongan wanita islam. Bahkan, Nabi Muhammad s.a.w sendiri mempunyai sifat yang malu melebihi dari malu seorang wanita. Raden Mas Ayu menunjukkan sikap yang malu apabila menonjolkan diri kepada seorang lelaki iaitu Putera Raja ketika di istana. Hal ini menunjukkan bahawa sifat yang ada padanya mahal dan susah untuk dijumpai dalam diri mana-mana wanita. Sifat malu yang ada pada dirinya juga dianggap seorang yang menjaga kepentingan harga dirinya. Namun, ketika harga dirinya diragut oleh seorang lelaki yang tidak bertanggungjawab membuatkan harga dirinya tercalar dan menyebabkan Raden Mas Ayu tergadai nyawanya.

Raden Mas Ayu yang menampilkan imej yang cantik. Kejadian apabila, Raden Mas Ayu ditinggalkan oleh suaminya bersama dengan anaknya Puteri Raden Mas untuk ke hutan untuk berburu kijang, rancangan jahat yang dilakukan oleh Raden Manosekoro ke istana kediaman Raden Mas hanya untuk membalas dendam terhadap suami Raden Mas Ayu iaitu Pangeran Agung. Sebelum Raden Mas Ayu dibunuh, Raden Manosekoro merancang untuk memperkosa Raden Mas Ayu namun, perbuatan itu berjaya ditolak oleh Raden Mas Ayu. Dengan itu Raden Mas Ayu ditusuk dengan sebilah keris dan kediamannya dibakar. Tindakan Raden Mas Ayu hanyalah semata-mata hendak menjaga

maruahnya dan menentang kebebasan penolakan serangan seksual sehingga dirinya terkorban. Dengan itu, jelaslah Raden Mas Ayu menunjukkan tauladan dan inspirasi kepada masyarakat kini terutamanya wanita untuk sentiasa menjaga maruah diri dan menolak kebebasan serangan seksual walau apa sekalipun terjadi.

4.4 Kesimpulan

Teks *Syair 7 Puteri* karya Ida Ishak dilihat sepenuhnya memaparkan sepenuhnya latar belakang 7 Puteri serta ketauladan dan inspirasi yang ditonjolkan berdasarkan latar belakang mereka yang mampu menjadi contoh kepada masyarakat kini terutamanya golongan wanita. Cerita sejarah dan ketauladan berdasarkan teks *Syair 7 Puteri* sangat dekat dengan masyarakat kini. Walaupun wujud penentangan dan protes terhadap segelintir diskriminasi wanita yang diamalkan oleh masyarakat Melayu, terdapat beberapa hak-hak yang dinafikan, tetapi telah berjaya diemansipasikan oleh para pejuang wanita menerusi pembawaan cerita tokoh-tokoh puteri dalam teks *Syair 7 Puteri*. Dengan itu, mereka menjadi ikon wanita dan masyarakat kini yang tinggi darjat dan rasa tanggungjawab, berani untuk menegakkan keadilan dan meletakkan sesuatu pada tempat sepatutnya serta banyak mengangkat martabat wanita yang sepatutnya wanita prolehi. Ketauladan dan inspirasi yang boleh diambil dalam teks syair ini adalah antaranya, menginspirasi hak kebebasan bersuara, menginspirasi dalam menolak poligami, menginspirasi dalam pembebasan wanita dalam kahwin paksa, menginspirasi dalam mentadbir kerajaan, memperjuangkan negara, menjadi isteri solehah taat pada suami dan Allah, menginspirasi dalam mempunyai Seni mempertahankan diri, mempertahankan maruah dan harga diri wanita, dan mempunyai kebebasan dalam penolakan seksual. Dengan itu, ketauladan yang ditonjolkan dari kisah-kisah dalam syair karya Ida Ishak ini begitu relevan dan menjadi rujukan pada harini.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini adalah bab yang terakhir yang dilakukan oleh pengkaji dalam menyediakan kajian ini. Di dalam bab ini juga, pengkaji akan melakukan rumusan ke atas keseluruhan analisis dan juga perbincangan kajian telahpun dibuat sebelum ini. Di bab lima ini juga, pengkaji akan mengetengahkan pelbagai kesan dan juga cadangan yang berkualiti bagi membantu para pengkaji-pengkaji yang lain untuk meneruskan serta mengisi kekurangan ataupun kelompongan kajian ini pada masa yang akan datang.

5.2 Rumusan Kajian

Kajian ini adalah merupakan analisis tentang latar belakang puteri-puteri dalam teks *Syair 7 Puteri* serta ketauladan dan juga inspirasi yang dapat diambil dalam kisah puteri-puteri dalam teks *Syair 7 Puteri* karya Ida Ishak dengan menggunakan teori feminisme. Secara rumusannya, karya sastera merupakan sebuah penekatan yang akan digunakan oleh para penulis bagi mengeluarkan pandangan serta melontarkan kritikan terhadap pihak yang sepatutnya. Teks sastera yang dikarang oleh penulis semestinya adalah kisah yang realiti bagi diketengahkan oleh penulis bagi kalangan masyarakat pada masa kini. Hal ini adalah sangat penting bagi hasil karya yang dihasilkan bukan sahaja untuk dijadikan sebagai hiburan namun untuk dijadikan sebagai tauladan, pengajaran dan juga inspirasi kepada masyarakat terutamanya para wanita di masa hadapan. Seterusnya, kajian yang dihasilkan juga adalah untuk mengangkat ketokohan yang ditonjolkan oleh tokoh-tokoh wanita dalam karya yang ditulis pada zaman dahulu dengan memaparkan

pengkisahan sebenar yang telah terjadi dan dilalui oleh tokoh-tokoh wanita pada zaman dahulu. Kajian ini juga adalah untuk memenuhi ruang dan kekurangan ataupun kolompongan kajian-kajian yang lepas yang telah dihasilkan oleh pengkaji dari segi latar belakang dan ketauladanan dari segi realiti yang diketengahkan oleh penulis Ida Ishak di dalam karyanya teks *Syair 7 Puteri*. Ketauladanan dari pengkisahan puteri-puteri dalam teks syair ini adalah untuk memberi ruang dan peluang bagi membuka mata kesemua pihak termasuklah dalam kalangan masyarakat bagi memperbaiki kelompongan dari segi kehidupan yang negatif ke positif bagi mengelakkan perkara yang tidak elok dan menjadi panduan kepada masyarakat dalam kesemua hal. Di setiap bingkisan syair yang dipaparkan mempunyai kisah kehidupan yang dipaparkan dalam teks syair dalpat memberi nilai serta unsur yang positif yang baik dalam kalangan masyarakat kini dan dipertingkatkan menjadi lebih baik pada masa hadapan kelak.

Teori feminisme juga dilihat sangat berkait rapat dengan struktur yang wujud di dalam kalangan masyarakat sekarang. Teori feminisme juga sangat mementingkan nilai kepentingan kewanitaan sebagai subjek masyarakat bagi melancarkan kehidupan seharian dalam pelbagai institusi negara, negeri serta dalam kalangan kelompok masyarakat. Unsur feminisme juga sangat menekankan terhadap kesempurnaan struktur dan ianya akan berjalan dengan baik bagi memberi keselesaan serta keharmonian sesebuah masyarakat bagi mengelakkan ketidakstabilan dalam kehidupan masyarakat seharian (Jacinta & Asmiaty, 2021). Feminisme merupakan gerakan yang akan membantah serta membongkar dalam menentang segala kezaliman patriaki dalam memperjuangkan hak dan juga kedudukan para wanita. Dengan mencitrakan perbezaan yang pelbagai iaitu biologi, serta meletakkan wanita sebagai kedudukan yang sangat mundur. Wanita dieksploitasi dan juga didiskriminasi dari zaman berzaman. Contohnya dalam kekayaan sastera tradisional yang sebenarnya adalah hanyalah ditemui pada watak

Siti Zubaidah, Tun Fatimah, Tun Kudu, Srikandi Tun Intan dan itu mereka memakai pakaian wanita. Hal ini jelas menunjukkan ketauladan dalam pengkisahan ini iaitu dalam menginspirasi dalam kebebasan hak bersuara, menolak poligami, pembebasan wanita dalam menolak kahwin secara paksa, kepimpinan seorang wanita, kepimpinan dalam mentadbir kerajaan, menjadi isteri solehah taat kepada suami dan Allah, mempunyai seni mempertahankan diri, mempertahankan maruah harga diri serta kebebasan dalam penolakan seks. Dengan ini, sangat berfungsi bagi menjaga kedamaian dalam kehidupan bermasyarakat.

Berdasarkan perkara tersebut, dapat dilihat bahawa teks sastera yang dihasilkan oleh penulis seperti Ida ishak banyak memaparkan unsur kemasyarakatan dalam ketokohan, kepimpinan, toleransi serta keagamaan yang begitu dekat dengan masyarakat Melayu sehingga ke hari ini. Hal ini apabila dikatakan demikian kerana ketauladan dari kisah ini masih wujud dan juga kekal sebatu dalam kalangan masyarakat kini serta akan diaplikasikan juga dalam aspek politik, ekonomi serta sosial. Selain itu, syair dan teks pad masa kini dilihat lebih menengahkan isu kekeluargaan serta percintaan sahaja tapi tidak menerangkan dan mengulas dengan lebih jelas berkaitan kepayahan yang ditempuhi oleh masyarakat pada zaman ini. Hal ini dilihat apabila berpunca daripada permintaan pembaca sendiri yang lebih gemar menyelami karyakarya yang berkait dengan percintaan tanpa melihat aspek ketauladanan dan dilihat tidak membawa keuntungan dan juga faedah kepada masyarakat kini. Namun teks karya syair yang dihasilkan oleh penulis Ida Ishak dilihat masih relevan dan boleh dijadikan panduan dan tauladan pada masyarakat kini. Ketauladanan yang diketengahkan oleh Ida Ishak dapat menjadi pemangkin kepada perubahan ke arah yang lebih baik dan masyarakat kini lebih peka dan juga sensitif terhadap permasalahan yang dihadapi dalam kehidupan masyarakat hari ini. Seterusnya, pengkaji juga telah melihat dan juga berpendapat bahawa isu utama yang ingin

disampaikan oleh Ida Ishak dalam *Syair 7 Puteri* adalah isu keberanian yang ditonjolkan oleh wanita-wanita dalam menolak segala penyiksaan dan kebebasan hak bersuara pada zaman itu. Unsur realiti dimasukkan dalam teks tersebut agar memberi kefahaman yang jelas serta yang matang kepada para pembaca. Unsur kepimpinan, pendidikan, keagamaan dan keluarga dilihat bertepatan dengan Teori Feminisme.

5.3 Implikasi Kajian

Pemikiran yang dibawa oleh Ida Ishak dalam karya sasteranya dilihat sebagai menunjukkan citra kewanitaan yang sangat memahami watak wanita yang sangat pasif, tidak berbentuk, tidak berpendirian dan tidak stabil, terbatas, soleh, materialistik, rohani, tidak rasional serta akur dan juga patuh. Cara penceritaan yang berulang-ulang serta dengan menggunakan kata-kata lembut juga memberikan kesedaran hati, pembentukan minda dan hati dan juga memberi kesedaran dan juga emosi kesedihan kepada para pembaca. Ketauladanan yang ada dalam kisah ini adalah merupakan sebuah unsur realiti yang benar berlaku dalam masyarakat diterapkan dalam teks syair dilihat memberi kesan serta secara tidak langsung mempunyai kekuatan dan juga kepentingan yang tertentu. Hal ini dikatakan demikian, ketauladanan yang disampaikan dalam teks dalam dinilai secara terus oleh khalayak pembaca sama ada perkara itu masih wujud ataupun tidak. Teks sastera bukan sebuah karya khayalan ataupun fantasi yang dicipta bagi hiburan semata-mata kerana setiap ayat dalam *Syair 7 Puteri* mempunyai cara pemahaman yang tertentu di luar kotak khalayak. Hasil karya tersebut dilihat dapat mendidik dan juga memberi ketauladanan kepada semua pihak termasuklah kerajaan untuk menguruskan isu ketidakadilan terhadap wanita yang tidak dituntut. Semua pihak juga tidak boleh menafikan bahawa masyarakat dan juga penulis sememangnya mempunyai daya imaginasi yang baik untuk menterjemahkan sesebuah hasil karya iaitu teks kepada sebuah penceritaan yang padat dengan elemen kemasyarakatan. Perkara tersebut dapat

menjadikan seseorang individu ataupun masyarakat yang lebih matang dan berfikiran terbuka dalam menerima sesebuah isu masyarakat tanpa menyalahkan mana-mana pihak. Selain itu, hasil karya sastera diharap dapat dijadikan sebagai penasihat dalam diam kepada masyarakat untuk membetulkan kesalahan yang sering dilakukan dalam kehidupan harian.

5.4 Cadangan daripada Hasil Kajian

Berdasarkan analisis dan hasil perbincangan yang dilakukan dalam kajian ini, pengkaji terpanggil untuk mengetengahkan beberapa cadangan dan fikiran sangat relevan untuk digunakan pada masa hadapan kelak. Oleh hal demikian kerana, ketauladanan yang dipaparkan dalam teks *Syair 7 Puteri* dapat menimbulkan pemikiran secara rasional dan matang dan terbuka kepada masyarakat.

5.4.1 Menjadikan Teks Sastera Sebagai Platform Kritikan

Maksud kritikan merupakan sebuah kaedah yang digunakan oleh seseorang untuk menyangkal pendapat atau pandangan orang lain yang dirasakan kurang tepat serta terpengaruh daripada halhal yang sebenar. Jika dilihat pada masa kini, pelbagai kritikan akan dilontarkan secara terbuka dan mengaibkan individu lain di media sosial oleh segelintir khalayak masyarakat yang tidak bertanggungjawab. Melalui saluran kritikan seperti ini boleh menjejaskan prestasi serta akan menjatuhkan dan merosakkan maruah organisasi dan juga individu yang lain. Kritikan di media sosial kebanyakan akan disorok oleh pemiliknya ataupun lebih jelas lagi akan dibuang oleh pemiliknya jika diambil tindakan oleh inividu atau organisasi yang dikritik. Oleh hal ini sedemikian akan dikatakan demikian kerana kebanyakan kritikan yang dibuat oleh mereka melalui saluran tersebut merupakan satu fitnah tanpa bukti dan hujah yang tepat semata-mata untuk mengaibkan dan menjatuhkan maruah seseorang itu.

Dengan itu, jika dilihat dan dikaitkan dengan permasalahan kritikan ini, platform teks sastra sebagai satu jalan yang sesuai untuk kritikan yang sesuai bagi membuat pelbagai kritikan berserta hujahan dan bukti yang kukuh serta menyatakan beberapa bukti hujahan yang teratur dan bersistematik. Di samping itu, khalayak perlulah melontarkan hujahan yang tepat dan menyatakan hujah yang berakal serta matang tanpa ada unsur tidak jujur dalam sesuatu hal dan tiada niat yang tidak baik dengan menjatuhkan maruah seseorang individu itu. Dengan adanya kritikan ini akan memberikan kesedaran kepada dan menjadikan peribadi seseorang itu baik. Jelaslah, kritikan melalui teks sastra dilihat boleh digunapakai dan wajib menjadi sebuah platform untuk menyampaikan kritikan terhadap sesebuah perkara yang berlaku dalam kalangan masyarakat.

5.4.2 Pencetakan Semula Teks Sasterawan Negara

Teks dan novel hasil karya sastra daripada sasterawan negara sangat sukar diperolehi oleh masyarakat terutamanya golongan pelajar sastra pada masa ini. Cetakan baharu karya sastra sangat diperlukan untuk dianalisis dan dikaji pada hari ini. Sesetengah karya sastra sukar didapati dan sangat terhad sehingga mencecah harga ratusan ringgit Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana permintaan yang tinggi terhadap karya sasterawan negara dalam kalangan pelajar menyebabkan wujudnya segelintir pihak menjual dengan harga yang tinggi. Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka seharusnya bekerjasama dengan pihak universiti untuk mencetak kembali karya sastra yang dilihat mempunyai keunikan dan identiti tersendiri dalam kalangan masyarakat.

Cetakan baharu juga boleh dijual dengan harga berpatutan serta mesra pelajar. Perkara ini juga bagi mengelakkan segelintir pihak tidak bertanggungjawab menjadikan karya sastra edisi terhad sebagai mata penghasilan yang lumayan dan melakukan penipuan secara atas talian. Hasil karya sastra merupakan sebuah teks untuk dikaji dan

dianalisis bukan sebuah bahan dagangan untuk mencari keuntungan sahaja. Cetakan baharu juga boleh memberi peluang kepada semua pihak terutamanya golongan pelajar untuk mendapatkan teks sastera dengan harga yang berpatutan. Oleh itu, pencetakan semula teks hasil karya sasterawan negara seharusnya diketengahkan oleh pihak bertanggungjawab bagi menjaga dan melindungi pemikiran serta sumbangan tokoh yang dicurahkan dalam teks-teks karya sastera mereka.

5.4.3 Membuat Program Penulisan Kreatif

Membuat penulisan kreatif merupakan sebuah kaedah yang digunapakai bagi tujuan memberi ilmu dan pendedahan kepada para pelajar berkaitan dengan cara mencipta hasil karya sastera iaitu prosa tradisional dan moden. Program ini juga boleh menjadi sebuah program yang wajib di sekolah dan universiti. Hal ini dikatakan penulisan kreatif ini bukan hanya sekadar terhad kepada pelajar yang mengambil bidang kesusasteraan sahaja namun pelajar yang mempelajari dalam bidang yang berlainan aliran juga boleh menyertai program ini dengan itu setiap graduan seharusnya dapat mengetahui dan mencipta hasil karya sastera walaupun berada dalam bidang yang tidak berkaitan dengan menggunakan kesusasteraan Melayu. Dengan cara itu, dapat menjadikan seseorang itu menjaga kemurnian dan juga jati diri kemelayuan dalam setian insan.

5.4.4 Pemupukan Melalui Media Visual

Graduan berperanan dalam memupuk minat sastera melalui kaedah visual. Jika kita lihat dengan peralihan zaman yang semakin mencabar kini, dapat memberi kesan ataupun impak yang sangat hebat kepada para pengamal sastera dan juga ilmuan dalam usaha menyebarkan betapa penting teks sastera kepada khalayak ramai. Jika dilihat perkembangan teknologi maklumat di malaysia sejak pertengahan 1990-an lagi menjadikan rakyat kita saling terhubung dengan maklumat yang pelbagai dengan ini

memberikan cabaran dalam mewujudkan bentuk sastera baharu yang dapat dinikmati khalayak dan apa yang lagi penting dalam dunia sekarang adalah menjadikan rakyat menghargai seni itu terlebih dahulu sebelum mereka didedahkan dengan kepentingan sastera.

Dengan itu, filem merupakan bentuk seni yang paling menonjol dan relavan sehingga kini, Walaupun sekarang ada penstriman melalui netflix, iflix yang popular tapi kegiatan penonton filem di wayang masih menjadi tarikan utama masyarakat kini lebih-lebih lagi golongan belia dengan menghubungkan fungsi filem sebagai medium popular dan interaktif dan sastera sebagai teks media yang mengandungi makna ataupun semiotik merupakan pilihan wajar. Jelaslah, sebagai graduan dalam bidang kesusasteraan, perlulah mempunyai perancangan jangka panjang dari sudut kerajaan dalam mewajibkan pembuatan filem atau drama televisyen yang diadaptasi daripada karya-karya besar sasterawan negara yang lain seperti Usman Awang, Abdullah Hussain, dan Keris Mas. Jelaslah bahawa melalui pemupukan melalui kaedah visual dapat menjadikan seseorang individu itu celik minda bahawa sastera teks sastera dapat pergi jauh dan menjadi lebih relevan pada khalayak masyarakat kini.

5.5 Kesimpulan

Kesimpulannya, pengkaji berharap kajian yang dijalankan ini dapat memberi manfaat kepada semua individu, masyarakat dan pihak berwajib berkaitan ketokohan dalam kisan yang ada dalam teks syair ini sastera terutamanya *Syair 7 Puteri* untuk menyelami tentang ketokohan yang ada dalam setiap wanita bukan sekadar seorang wanita yang mempunyai sifat yang lemah namun dapat menjadi contoh tauladan dalam pelbagai aspek. Permasalahan yang ditonjolkan dalam kajian ini bukan melibatkan teks kesusasteraan semata-mata tetapi semua cabang sastera seperti cerpen, prosa tradisional dan drama juga mempunyai masalah yang sama. Teks sastera juga harus menjadi sebuah platform masyarakat untuk menyampaikan buah fikiran dan idea serta meluahkan kritikan kepada pihak tertentu. Tidak sewajarnya teks sastera hanya dijadikan sebagai penulisan untuk mendapat keuntungan sahaja tanpa menyelitkan unsur nasihat dan moral yang diperlukan dalam masyarakat.

RUJUKAN

- A Samad, A. (2010). Sejarah Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim Ali, Ida Roziana Abdullah (2018), Perwatakan Wanita Melayu Muslim dalam Novel Diari Seorang Jururawat
- Anon. (2009, Ogos 26). Dasar Wanita Negara disambut baik. Utusan Malaysia
- Anisa Kurniawati. (2018). Kajian Feminisme Dalam Novel “Cantik Itu Luka” Karya Eka Kurniawan. Jurnal Pendidikan Bahasa dan sastra Indonesia.
- A Wahab, R. (1987). Legenda Pulau Sumpahan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Zakaria, G., & Zahir, A. (2007). Kelantan dahulu dan sekarang. Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn Bhd.
- Ahmad Kamal, A. (1989). Kumpulan Puisi Kemala Pelabuhan Putih. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amin, S. (1990). Gaya bahasa lisan dalam kesusasteraan rakyat, 9, 60-65. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Ahmad (2006), Lagenda Puteri Saadong
- Abdul Halim Ali, Ida Roziana Abdullah (2018), Perwatakan Wanita Melayu Muslim dalam Novel Diari Seorang Jururawat
- Bazrul, B. (2006). Kesusasteraan Melayu tradisional. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Citra Mustikawati. (2015). Kesusasteraan Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Chuzaimatul Fitri. (2017). Wanita Bekerja Dalam Perspektif Feminis Muslim: Analisis Terhadap Pemikiran Zaitunah Subhan. UIN Sunan Ampel Surabaya.
- Embong, Rahimah & Nik Din, Nik Murshidah. (2018). Analisis Tekstual Sebagai Method Dalam Memahami Ungkapan Puisi Imam Al-Shafie R.H.M.
- Faiqotul Himmah, Ngatmimi, Azzah Nayla (2010), Peran Wanita Pada Sinetron Ikatan Cinta dalam Perspektif Analisis Wacana Feminisme Model Sara Millis
- Haji Othman, D. (1990). Tradisi lisan bercorak cerita. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia.
- Haron, D. (2001). Mantera Melayu analisis pemikiran. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Haron, D. (1994). Kesusasteraan klasik manusia dan kepercayaan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Haron, D. (1988). Manusia dan Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hikayat Perempuan (No.MS 148-162). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamus Lexicon Webster. (1985). Oxford: Press Sdn. Bhd.
- Imahunnah, Luluk (2020), Nilai Feminisme Pada Novel “Amba” Iva Ariani (2016), Feminisme dalam Pergelaran Wayang Kulit
- Khairuah Mohd Yassin (2019), Konsep Keperibadian dan Kesantunan Wanita Menurut Ibu Zalin

- Muhammaad Azwi Mehrat (2014), Perbandingan Kisah Puteri Saadong di Antara Sumber Bertulis di Bukit Marak
- Membunga @ Siti Meriam, Y. (2010). Wanita dalam karya Hamzah Hussin dari perspektif kritikan feminis. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Taib, O. (1999). Pengkajian sastera bercorak cerita. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md Saion, S. F., & Ruskam, A. (2010). Pengetahuan Mahasiswi Terhadap Kesalahan Zina Dalam undang-undang Jenayah Islam. Kajian Di Kolej Tun fatimah.
- M. Ali Rusdi Bedong, Fauziah Ahmad (2018), Kepimpinan Wanita di Dunia Publik Azizan binti Zainuddin, Kartini Khalid (2018), Mengarus perdanakan Gender
- Nik Mohamed, N.M.S. (1996). Warisan Kelantan XV. Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn. Bhd.
- Nur Saidatul Al Fasiah bt Mohammad Nafi (2019), Puteri Saadong Lagenda Wanita Kelantan Tersohor
- Pemikiran Sasterawan Negara A. Samad Said (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Srijanti. (2009). Pendidikan kewarganegeraan untuk mahasiswa. Yogyakarta: Graha Ilmu.
- Syed Othman, S. O.(1990). Tradisi lisan: Sumber sastera dan nilai budaya. 2 (77-82). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sarajoni A/P Karuppiah (2018), Imej Wanita dalam Novel “Asam Pedas Untuk Dia” dan “Ombak Rindu”: Kajian Kritik Feminis

- Siti MeriamYacoob (2010), Wanita dalam Karya Hamzah Hussin dari Perspektif Kritikan Feminis Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Sudirman Bin Kiffli, Izzati Nabila Binti Marzuki, Mohamad Shagik Affendi Bin Abdul Ghani (2019), Puteri Saadong Cucuk Sanggul Aksesori Perhiasan dan Senjata Rahsia
- Suriati binti Ibrahim (2009), Cerita Lagenda Puteri Saadong
- Umar, J. (1984). Fiksyen dan sejarah suatu dialog. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah, T. (2012). Gender dalam sastera Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ungku Maimunah, Mohd Tahir (2012), Apabila Teori Feminis Ternyata Tidak Diperlukan
- Yoga Rohatama, Akhmad Murtadlo, Dahri (2018), Perjuangan Tokoh Utama dalam Novel Perlabuhan Terakhir
- Zainal, K. (1977). Masyarakat Melayu antara tradisi dan perubahan. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors.
- Zalila, S. (2003). Feminisme dalam kesusasteraan Malaysia dan Asia Tenggara. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainuddin Zainal Ariffin. (2015). Metodologi Kajian Kualitatif Richard Ignacy (2018), Metodologi Kajian